

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 11

Isnin

21 Julai 2008

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)
- Cuti Kepada Ahli – Kebenaran (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (Halaman 32)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 21 Julai 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"17 Julai 2008

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2008.

Yang Ikhlas,

t.t.

Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi dari 21 Julai hingga 24 Julai 2008.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kementerian bersetuju dengan saranan Persatuan Badan Berkanun Malaysia supaya kerajaan menyatukan semua perkhidmatan awam kepada satu skim yang lebih terbuka bagi memberi peluang bagi semua kakitangan awam untuk menjawat jawatan lebih tinggi kerana buat masa ini pelbagai skim digunakan seperti Skim Guna Sama dan Skim Tertutup di mana guru dikategorikan di bawah DG, Pegawai Tadbir Diplomatik (M), Doktor (U) dan Jurutera (J).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan klasifikasi perkhidmatan adalah berdasarkan persamaan peranan dan bidang fungsi yang dijalankan. Ia ditentukan berasaskan peranan dan fungsi yang telah dijalankan serta bersesuaian dengan bidang dan tahap kelayakan, kemahiran dan latihan yang disyaratkan.

Dengan adanya pelbagai skim perkhidmatan mengikut fungsi-fungsi perkhidmatan masing-masing, keupayaan pengurusan sektor awam dapat ditingkatkan melalui:

- (i) menentukan peranan dan huraian tugas yang berfokus;
- (ii) menentukan faktor organisasi yang tersusun;
- (iii) perancangan dan pembangunan tenaga manusia yang lebih mantap; dan
- (iv) kemajuan kerjaya dijalankan lebih berkesan mengikut keperluan skim berkenaan.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kesan yang ketara sama ada buruk atau baiknya jika semua skim ini dapat disatukan? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan yang diutarakan. Sebenarnya skim perkhidmatan awam ini sebelum dilaksanakan skim SSB, kita mempunyai lebih 500 skim. Akan tetapi selepas SSB, kita telah menyatukan banyak di antara sesetengah itu sudah kita cantumkan, misalnya pelayan pejabat, pencari fail dan operator mesin. Ini kita satukan menjadikan pembantu am pejabat.

Banyak sudah kita buat, tetapi kebanyakan lain-lain itu tidak dapat disatukan kerana bidang dan tugas adalah berbeza. Umpamanya macam doktor, skim doktor dengan skim guru, kita tidak dapat samakan kerana dari segi kerja, tanggungjawab, dari segi kelulusan dan sebagainya. Maka itu, skim-skim ini adalah sukar untuk kita hendak satukan. Setakat hari ini seperti mana yang saya telah maklumkan kita telah buat sedaya upaya, hanya daripada 500 dahulu, sekarang ini kita mempunyai 200 lebih skim yang ada.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam perkhidmatan kerajaan sekarang ini, kita ambil contoh seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jawatan yang lebih rendah seperti pembantu am pejabat, pembantu am rendah. Mereka ini selalu merungut kerana tidak mempunyai peluang untuk kenaikan pangkat walaupun mereka ini bekerja lama dan mereka ini mempunyai kelulusan yang dikehendaki di mana mereka juga terpaksa menjalani proses biasa, permohonan, temu duga dan sebagainya. Sedangkan mereka ini mempunyai pengalaman yang banyak.

Soalan saya, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk memberi kelonggaran kepada perkara ini untuk memberi peluang kepada mereka untuk naik pangkat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi dalam skim perkhidmatan awam, kita mempunyai peringkat-peringkat. Daripada kelulusan serendah-rendahnya iaitu apabila dia berkelulusan yang rendah iaitu Darjah Enam atau biasa belajar di sekolah, itu kelulusan yang paling rendah. Jadi kelulusan seperti ini kalau kita hendak beri jawatan yang lebih tinggi, memanglah sukar, tetapi ia bersesuaian dengan apa kemahiran dan juga kelulusan yang ada. Sebab itu skim-skim itu diwujudkan iaitu untuk membezakan antara satu sama lain. Jadi skim ini, dia setakat ini sahaja. Jadi kalau kita hendak lebih daripada itu tidak bolehlah. Terima kasih.

■ 1010

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Maksud saya tadi, orang ini ada kelulusan, Yang Berhormat. Dia ada SPM tetapi peluang untuk kenaikan pangkat itu dia tidak dapat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, berkenaan dengan kelulusan ini, kadang-kadang tidak semestinya kelulusan itu menentukan bahawa kita boleh naik pangkat. Ada orang yang berkelulusan tidak mendapat pangkat. Ada banyak lagi ciri-ciri lain yang kita ambil kira untuk kenaikan pangkat seperti dari segi prestasi kerja dan sebagainya. Banyak lagi perkara lain yang kita ambil kira dan bukan hanya kelulusan sahaja.

2. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pelancongan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri atau MTPN seluruh negara dalam RMK-9. Sila beri pecahan mengikut negeri, jumlah peruntukan yang telah disalurkan dan program-program yang telah dan akan dilaksanakan di setiap negeri.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun yang telah menunjuk minat ingin tahu bagaimana kementerian menggunakan peruntukan.

Bagi menjawab bahagian pertama soalan, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM1.159 bilion. Walau bagaimanapun, di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9, peruntukan tersebut telah dikurangkan kepada RM933 juta. Mulai tahun 2008 sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan sebagai siling kepada MTPN setiap negeri untuk menggunakan kos operasi dan pelaksanaan acara-acara pelancongan.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua pula, pecahan peruntukan bagi tiap-tiap negeri yang di salur melalui MTPN bagi acara-acara yang diluluskan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM28 juta untuk 14 negeri, 2 untuk Wilayah Persekutuan iaitu Putrajaya dan Labuan serta Pulau Langkawi. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI-NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Perlis	1,580,000
Kedah	1,754,000
Langkawi	1,730,000
Perak	1,656,000
Selangor	1,950,000
Melaka	1,827,564
Negeri Sembilan	1,872,791
Johor	1,298,550
Kelantan	1,700,000
Terengganu	1,910,000
Labuan	1,335,000
Sabah	1,951,200
Sarawak	1,735,000
Pahang	1,737,000

Kuala Lumpur	1,810,000
Pulau Pinang	1,619,572
Putrajaya	1,200,000

Akhir sekali untuk jumlah acara-acara yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan kepada MTPN bagi tahun 2008 ialah sebanyak 119 acara telah diluluskan mengikut kesesuaian negeri berkenaan. Untuk menjelaskan acara-acara yang telah dijalankan akan disampaikan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siw Chun, selepas itu Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang menjawab soalan saya. Seperti mana yang kita sedia maklum, di setiap negeri wujud tiga badan yang mengendalikan hal pelancongan iaitu MTPN, *Tourism* Malaysia dan juga Bahagian Penggalakan Pelancongan yang diletakkan di bawah UPEN.

Soalan tambahan saya ialah bolehkah kementerian menyatakan perbezaan fungsi-fungsi dan juga peranan ketiga-tiga badan atau agensi-agensi yang mengendalikan perihal pelancongan negara kita dan sejauh manakah kerjasama di antara ketiga-tiga badan ini? Adakah kementerian mengambil kira tentang program berasaskan kebudayaan dan juga kesenian etnik-etnik dalam usaha untuk menggalakkan pelancongan negara kita? Sekiranya ya, kenapa Pesta Songkran yang menjadi satu pesta yang begitu menarik pelancong telah dikeluarkan daripada program-program yang telah ditetapkan oleh MTPN setiap negeri? Terima kasih.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara MTPN, *Tourism* Malaysia dan Bahagian Penggalakan Pelancongan bagi tiap-tiap negeri ialah, MTPN adalah untuk melihat dan bekerjasama dengan pihak negeri untuk merancang acara-acara yang baru dan mengenal pasti setiap produk pelancongan yang baru dan juga dengan izin, *in-between for passing to look after the cash* dari Kerajaan Pusat. *Tourism* Malaysia adalah untuk mempromosikan tiap-tiap acara yang diadakan dan juga tempat-tempat pelancongan di seluruh negara.

Kementerian Pelancongan Negeri ataupun Exco Pelancongan di negeri-negeri adalah untuk mengenal pasti dan memberikan *feedback* dengan izin, kepada Kementerian Pelancongan apa-apa yang telah dirancang oleh pihak negeri. Untuk menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai peruntukan khusus bagi membuat filem

pelancongan khususnya bagi tayangan di luar negara untuk menarik pelancong-pelancong datang ke Malaysia. Terima kasih.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak ada bajet untuk mempromosikan filem-filem bagi menyebarkan promosi pelancongan kepada negara lain tetapi kementerian ada memperuntukkan peruntukan bagi mengenal pasti produk-produk dan mengambil kesempatan bagi media asing untuk mengambil dokumentari untuk produk-produk ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi telah menggambarkan beberapa agensi dan jabatan yang mempunyai satu matlamat untuk tarikan pelancongan di dalam negeri dan juga di dalam negara kita. Soalannya ialah apakah pihak kementerian telah mewujudkan suatu penyelarasan bagi memastikan agensi dan juga jabatan yang terlibat supaya tidak ada suatu pertindihan dari segi usaha untuk menarik pelancong ke dalam negara kita.

Soalan tambahan yang kedua ialah daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri di dalam beberapa sidang yang lalu telah menunjukkan suatu tarikan sejumlah besar pelancong-pelancong dari Timur Tengah ke dalam negara kita dan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelancong dari Timur Tengah adalah ternyata lebih besar jika dibandingkan dengan pelancong-pelancong di sebelah Timur ataupun pelancong dari Barat.

■1020

Apakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu usaha secara khusus bagi memastikan, bahawa pelancong daripada Timur Tengah ini bagi menarik lebih ramai dan memastikan supaya negara kita ini sebagai suatu destinasi yang terulung khususnya kepada pelancong daripada Timur Tengah?

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak negeri. Kementerian sekarang akan mengadakan *tour*, dengan izin di antara semua negeri berjumpa dengan Ahli-ahli EXCO Negeri untuk membincangkan, apakah langkah-langkah baru yang akan di ambil untuk mempromosikan lebih negeri-negeri berkenaan.

Untuk jawapan kedua, kementerian sentiasa mempromosikan kepada semua negeri kalau dapat, tetapi di negeri yang difokuskan terutamanya adalah negeri di serantau dunia termasuk China, Jepun, Korea, negeri-negeri Asian dan juga negeri-negeri *Middle East*, dengan izin. Kementerian memang mahu menggalakkan lebih lagi pelancong-pelancong Arab dan juga telah mengambil bahagian di *tourism fair*, dengan izin di kebanyakan negeri *Middle East*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh.

3. Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan kebelakangan ini ramai rakyat yang menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap dua pengukur utama iaitu pengukuran inflasi dan pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh UPE dan lain-lain agensi, di mana dikatakan yang kedua-dua pengukuran ini tidak menggambarkan keadaan sebenar dalam ekonomi. Adakah UPE bercadang untuk mengkaji semula dan mengemas kini kedua-dua pengukur tersebut untuk menggambarkan keadaan sebenar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada:

- (i) Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu pada 22 Julai; dan
- (ii) Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu pada 24 Julai.

Ini kerana, soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan Yang Berhormat.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan sama ada kerajaan akan menyemak semula Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK dan Indeks Harga Pengguna ataupun CPI yang digunakan kerajaan akibat kenaikan harga keperluan pengguna dan inflasi. Kerajaan menyedari bahawa perubahan ekonomi semasa akibat kenaikan harga minyak dan makanan telah memberi impak yang ketara kepada semua rakyat terutama yang miskin dan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan pada masa ini sedang dalam proses mengkaji semula dan mengemaskinikan dua pengukur utama tersebut supaya ia dapat menggambarkan situasi yang sebenar, dan seterusnya langkah-langkah yang bersesuaian dapat diambil bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan.

Pada amalan biasa kajian PGK diadakan sebanyak dua kali dalam tempoh lima tahun dengan, iaitu dengan menggunakan penemuan daripada penyiasatan pendapatan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan.

Dengan keadaan inflasi yang ketara pada ketika ini, kerajaan telah mengambil keputusan mengemas kini nilai PGK secara tahunan pada peringkat nasional melalui HIS bagi tahun 2008. HIS telah dimulakan pada bulan Julai lepas dan penemuannya dijangka dapat diumumkan awal tahun depan. CPI sebaliknya kurang difahami oleh rakyat memandangkan angka CPI pada masa ini adalah bagi seluruh Malaysia bukannya mengikut negeri.

Walau bagaimanapun, kerajaan pada masa ini telah pun mengeluarkan perincian CPI bagi menggambarkan situasi perubahan harga mengikut komponen-komponen utama barangan CPI pada bulan Mei 2008. Sebagai contoh, melaporkan CPI makanan sebanyak 8.4%, manakala pengangkutan 0.9%. Kerajaan mempunyai angka bagi negeri-negeri dan bandar-bandar serta luar bandar dan sedang mengkaji untuk mengeluarkan CPI dengan mengambil kira perbezaan kawasan, iaitu mengikut bandar termasuk bandar-bandar besar serta luar bandar dan mengikut negeri bagi memberi gambaran yang lebih jelas.

Di samping itu, pengemaskinian komponen dalam pengiraan indeks tersebut pula akan dibuat selaras dengan penyiasatan perbelanjaan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap lima tahun sekali. HSI berikutnya akan dijalankan pada tahun 2009.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu berhubung strategi kerajaan mengatasi kemiskinan tegar tahun 2010, kerajaan telah menetapkan dua strategi utama iaitu:

- (i) penyediaan *social safety net*, dengan izin; dan
- (ii) strategi mengeluarkan golongan ini daripada kemiskinan tegar melalui penyediaan peluang terlibat dalam aktiviti ekonomi.

Di bawah *social safety net*, dengan izin golongan yang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak diberikan bantuan khusus mengikut kelayakan masing-masing. Antaranya:

- (i) saraan hidup warga emas sejumlah RM300 sebulan;
- (ii) bantuan am membantu keluarga miskin sejumlah RM80 sehingga RM350 sebulan sekeluarga;
- (iii) bantuan anak peliharaan sejumlah RM250 sebulan seorang dengan maksimum RM500 sekeluarga; dan
- (iv) bantuan penjagaan OKU atau pesakit kronik terlantar sejumlah RM300 sebulan seorang.

Strategi yang kedua pula termasuklah melalui penyediaan peluang untuk meningkatkan pendapatan dan seterusnya keluar daripada kancah kemiskinan. Strategi ini dilaksanakan melalui penyediaan bantuan modal seperti makro kredit untuk golongan miskin tegar memulakan perniagaan.

Melalui Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM sebagai contoh, golongan miskin tegar disediakan tujuh skim pembiayaan. Skim Ikhtiar Mesra dan Sri Kandi menyediakan pinjaman dengan had RM2,000 hingga RM20,000 dan Skim Ikhtiar Wibawa dengan had pinjaman RM5,000 untuk pinjaman jangka pendek.

Selain itu, terdapat juga pinjaman Ikhtiar Sejahtera untuk pembelian aset dan pelaburan dengan nilai maksimum RM10,000. Kerajaan juga telah memperkembangkan Skim AIM ini untuk juga membantu golongan miskin di bandar dengan meluluskan dana sejumlah RM100 juta untuk tujuan tersebut baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah strategi peningkatan pendapatan ini juga, kerajaan telah menyediakan peluang melalui pembangunan modal insan untuk anak-anak golongan miskin mendapat pendidikan dan latihan kemahiran, dengan pendidikan dan latihan ini, mereka akan lebih berupaya untuk merebut peluang-peluang pekerjaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh. Selepas itu Datuk Soon Tian Szu.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah dijangkakan bahawa masyarakat bandar akan bertambah lebih kurang dalam 63%. Ini bererti bahawa sebilangan besar daripada bandar-bandar kita akan diduduki oleh sebilangan besar kaum bumiputera. Kemungkinannya juga sebahagian besar berhijrah ke bandar ini adalah golongan miskin yang datangnya dari luar bandar.

Jadi kalaulah berdasarkan kepada PGK yang digunakan sekarang, kita mungkin *underestimate* jumlah kemiskinan di bandar itu sendiri, dan kemungkinan hasrat kita untuk menghapuskan kemiskinan ke kadar sifar bagi kemiskinan tegar itu tidak begitu berjaya kerana sebahagian besarnya berada di bandar.

■1030

Jadi apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa PGK di bandar itu benar-benar menggambarkan keperluan hidup ataupun *cost of living* dengan izin, di bandar itu sendiri. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih dengan soalan itu Yang Berhormat. Pendekatan kerajaan untuk mengatasi golongan miskin adalah juga dengan menggunakan pembaharuan iaitu pembaharuan secara Pembangunan Wilayah. Kita sedar memang banyak peluang-peluang pekerjaan terdapat di bandar-bandar tetapi dengan Pembangunan Wilayah seperti Koridor-koridor yang telah dilancarkan dan akan terus dilancarkan untuk tahun-tahun ke hadapan, kita yakin dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan dan juga peluang-peluang perniagaan untuk orang-orang di kawasan di wilayah untuk juga menikmati pertumbuhan ekonomi.

Dengan itu dapat mereka mengatasi kedudukan kemiskinan ataupun juga dapat mengatasi kesempitan pendapatan. Jadi itu adalah salah satunya tujuan yang utama untuk menggalakkan rakyat supaya terus dapat menikmati pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah selain daripada tumpuan untuk bandar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kriteria-kriteria yang perlu diambil bagi konsep pengiraan PGK. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Kriteria-kriteria yang digunakan untuk pengiraan-pengiraan PGK adalah cara ataupun makanan yang cukup. Untuk PGK iaitu bukannya PGK tegar ataupun kemiskinan tegar, ia menggunakan pendapatan ataupun penerimaan yang dapat memberi makanan yang secukupnya untuk menjalankan dia sebagai satu masyarakat ekonomi dan juga keperluan-keperluan asas kehidupan seperti rumah dan juga *transportation*. Untuk kemiskinan tegar, elemen yang digunakan ataupun faktor-faktor yang digunakan hanyalah faktor makanan

saja tidak termasuk faktor seperti *transportation* ataupun pengangkutan dan lain-lain. Digunakan juga untuk faktor makanan dari segi *nutrient value* dia. Itu digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. **Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah PLKN diwajibkan kepada semua lepasan SPM selepas PLKN telah didapati berjaya meningkatkan sahsiah diri kepada peserta dan apakah strategi yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan matlamat tersebut dicapai.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengambilan peserta Program Latihan Khidmat Negara adalah tidak terhad kepada seseorang lepasan SPM sahaja. Sebaliknya mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003 iaitu Akta 628, seseorang yang bertaraf warganegara atau penduduk tetap Malaysia yang berumur tidak kurang 16 tahun dan tidak melebihi 35 tahun wajib mengikuti program ini setelah mendapat arahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui proklamasi.

Walau bagaimanapun oleh kerana kekangan dari segi peruntukan kewangan, kerajaan hanya mampu memanggil sejumlah peserta seperti berikut.

Jumlah Peserta	Tahun
85,000	2004
85,000	2005
95,000	2006
100,000	2007
110,000	2008

Kebanyakan peserta yang dipilih ini adalah lepasan SPM. Bagi mencapai matlamat pengambilan keseluruhan peserta yang layak, strategi kerajaan ialah dengan menambah pengambilan peserta PLKN setiap tahun. Tertakluk kepada peruntukan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah sebarang kajian dan *survey* yang telah dibuat oleh pihak kerajaan atau mana-mana pihak bagi menentukan keberkesanan program atau modul PLKN kepada peserta-peserta yang telah melaluinya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah banyak kali dijawab sama ada dalam Dewan Negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ringkaskan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ... juga dalam Dewan Rakyat di mana memang ada kajian dibuat oleh pihak JLKN iaitu Jabatan Latihan Khidmat Negara melalui buat secara *sampling of question, questionnaire* kepada pelatih-pelatih. Ada kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dan daripada kajian-kajian ini, kita dapati bahawa matlamat untuk kita mengadakan program ini. Memang tercapai terutamanya dalam modul-modul yang kita gunakan dalam program ini dan kejayaan-kejayaannya begitu menggalakkan. Begitu juga oleh kerana kejayaan-kejayaan yang kita dapat laksanakan program-program ini bahawa kita mendapat sambutan yang begitu baik daripada ibu bapa dan masyarakat.

Ini berasaskan daripada pengambilan peserta-peserta secara sukarela dari setahun ke setahun meningkat di antara peserta yang ingin mengikuti program ini secara sukarela.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/l Narayanan. Kemudian Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Setakat ini berapakah jumlah kes kematian tercatat atas kecuaian pihak PLKN dan apakah jenis ganti rugi yang telah disalurkan kepada keluarga terlibat ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan syarat kemasukan tetapi ia merupakan *figure* yang spesifik. Jadi, kalau nak saya boleh sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan syabas atas kejayaan PLKN yang telah dicapai. Jadi soalan tambahan saya ialah berapakah bilangan pelatih yang telah memohon untuk menanggungkan penyertaan PLKN setakat Jun 2008 dan sebab-sebabnya; dan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja setelah menyertai PLKN, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bilangan pelatih yang menolak daripada panggilan seruan untuk memasuki program ini. Kalau dari segi *figure*nya memang ada. Kalau nak saya bagi bertulislah fasal ini merupakan data yang menjurus kepada jawapan yang spesifik.

Berkaitan dengan bilangan pekerja yang pernah memasuki latihan PLKN di mana Yang Berhormat Senator ingin tahu. Kita tidak ada data pelatih-pelatih ini yang mendapat pekerjaan selepas memasuki program-program ini. Bagaimanapun, kita baru saja mewujudkan satu kelab peserta-peserta dalam berkaitan pelatih-pelatih PLKN. Jadi kita baru nak mengumpul data dalam perkara ini. Terima kasih.

■1040

Puan Heng Seai Kei: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah kepada mereka yang telah diberhentikan kerja, bukan data-data, maksudnya, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka yang diberhentikan kerja setelah mereka menyertai PLKN,

bukan data-datanya, maksudnya tindakan kerajaan sebagai jaminan untuk menggalakkan supaya semua pelatih yang dipanggil untuk menyertai PLKN ini akan rasa masa hadapan mereka terjamin untuk menyertai program ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kalau peserta-peserta ada menghadapi masalah, umpamanya peserta ini yang telah bekerja, kemudian dikehendaki untuk memasuki program ini, bahawa peserta-peserta ini boleh berhubung dengan Jabatan PLKN di mana kita boleh menanguhkan tentang kemasukan program bagi peserta-peserta ini.

5. Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian berkesan dalam usaha untuk menggalakkan tulisan jawi di kalangan pelajar Islam dan kesan ketidakmampuan membaca dan menulis jawi terhadap jati diri pelajar dan penguasaan al-Quran.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan tulisan jawi dan juga penguasaan al-Quran ini. Kementerian Pelajaran telah mengambil satu pendekatan iaitu memperkenalkan program j-QAF, J adalah untuk jawi, iaitu menguasai bacaan dan juga tulisan jawi, Q adalah untuk khatam al-Quran, A adalah untuk menguasai asas bahasa Arab komunikasi dan F adalah untuk memantapkan, menghayati amalan fardu ain.

Di peringkat sekolah rendah, tulisan jawi adalah salah satu komponen yang diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam manakala di peringkat menengah, tulisan jawi diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain daripada j-QAF, Kementerian Pelajaran juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memajukan tulisan jawi di kalangan rakyat dengan melaksanakan aktiviti berikut;

- (i) menyediakan buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan jawi;
- (ii) menggalakkan penerbitan bahan bacaan menggunakan tulisan jawi;
- (iii) membiayai penerbitan akhbar sisipan jawi dalam *Utusan Malaysia*;
- (iv) mengadakan pertandingan tulisan jawi dan khat dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum;
- (v) mewujudkan Kelab Jawi dan Khat di sekolah-sekolah;
- (vi) menjalankan kursus-kursus tulisan jawi kepada guru-guru dalam perkhidmatan; dan
- (vii) galakan menggunakan tulisan jawi di sekolah-sekolah.

Dari masa ke masa, Kementerian Pelajaran Malaysia memantau, menilai keberkesanan dan meningkatkan penguasaan tulisan jawi di kalangan murid-murid. Kajian setakat ini menunjukkan bahawa prestasi anak-anak tahun satu, dua dan tiga adalah melebihi paras 90%.

Kementerian Pelajaran juga berpandangan bahawa j-QAF yang dilaksanakan berjaya memberi fokus kepada murid-murid dalam menguasai dan mempelajari jawi sama ada membaca dan menulis. Usaha ini akan dapat membantu anak-anak bukan sahaja kemahiran jawi tetapi

akan memudahkan mereka menguasai al-Quran dan sekali gus juga memantapkan penguasaan dimensi akidah, syariah dan akhlak.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai laman web jawi untuk dilayari oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan adakah kemudahan *keyboard* serta perisian jawi ini dibekalkan ke sekolah-sekolah yang berminat dan yang kedua, apakah bentuk penilaian konklusif secara standard yang diperkenalkan di peringkat kebangsaan untuk ibu bapa menilai keupayaan anak-anak mereka menguasai j-QAF ini dalam sekolah rendah dan sekolah menengah, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Persoalan yang pertama adalah tentang penggunaan kemudahan-kemudahan semasa ICT, memang sekarang ini kita menggalakkan Kementerian Pelajaran terutama di bawah JAKIM senantiasa menggalakkan guru-guru untuk membina *courseware-courseware* dan menggunakan teknologi semasa untuk menggalakkan anak-anak kita akses dan mempunyai laluan dalam Jawi ini.

Persoalan yang kedua ialah tentang penilaian dan kajian itu, memang secara berkala dan berterusan dilakukan kajian itu. Contohnya, untuk pelajaran jawi Tahun Satu, ada modul tertentu yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran yang boleh dilihat, disemak oleh ibu bapa untuk melihat pencapaian dan kajian semasa menunjukkan bahawa prestasi tahun pertama, dua dan tiga mencapai kejayaan lebih daripada 90%.

Dato' Dr. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya adalah, bolehkan kerajaan menimbang pengajaran tulisan jawi, bukan dari segi agama, tetapi sebagai satu tulisan. Pada satu ketika dahulu Tuan Yang di-Pertua, *Utusan Melayu* pun tulis di dalam bahasa Jawi. Bolehkah ini menimbang, pengajaran tulisan jawi bersama-sama dengan bahasa Mandarin dan Tamil kepada sesiapa murid-murid tanpa mengira kaum jika mereka minat belajar, sekian terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Jika mereka minat belajar, tidak ada halangan, sebab ini adalah merupakan sesuatu yang boleh digalakkan. Malah, di sekolah kebangsaan kita pun sekarang ini, kita telah pun memperkenalkan pengajaran pembelajaran Tamil dan juga Cina, malah dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum umpamanya, dalam persatuan jawi, atau pun penulisan jawi dan khat itu, kita amat menggalakkan anak-anak kita daripada pelbagai keturunan untuk turut sama menyertainya.

6. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan anugerah, hadiah atau seumpamanya yang diselenggarakan oleh kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan bagaimanakah sambutan kepada penghargaan-penghargaan ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Dalam mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti dalam usaha

menjana idea ciptaan dan produk baru dalam bidang sains dan teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menawarkan beberapa anugerah dan hadiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi peringkat kebangsaan, antara anugerah utama yang ditawarkan termasuklah Anugerah Inovasi Negara. Anugerah ini telah pun diwujudkan semenjak tahun 2006 dan dilaksanakan secara tahunan. Ianya terbahagi kepada empat kategori iaitu kategori inovasi produk, inovasi perkhidmatan awam, inovasi akar umbi dan inovasi di peringkat sekolah.

Di bawah inovasi akar umbi dan inovasi peringkat sekolah, penyertaan orang awam dan pelajar sekolah adalah amat menggalakkan. Sebagai contoh, bagi kategori akar umbi yang dibuka untuk orang ramai, kementerian menerima 250 penyertaan dari seluruh negara pada tahun 2006 dan 2007 dan sebanyak 30 inovasi terbaik telah berjaya bersaing di peringkat kebangsaan. Selain daripada menerima sijil, kesemua pemenang juga diberikan hadiah, wang tunai dan piala. Selain daripada Anugerah Inovasi Negara yang disebutkan, anugerah-anugerah peringkat kebangsaan yang lain termasuklah;

Pertama, Anugerah Felo Akademi Sains Malaysia yang dianugerahkan berdasarkan Akta Akademi Sains Malaysia 1995 kepada warganegara Malaysia yang membuat pencapaian unggul dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi. Dari segi sambutan, setiap tahun, pada puratanya akademi menerima 30 hingga 40 pencalonan tetapi hanya beberapa calon sahaja yang dipilih setelah dinilai dari segi pencapaian untuk dilantik sebagai felo akademik.

Kedua, ialah Anugerah Felo Kanan Akademi Sains Malaysia ataupun *Senior Fellow Academic of Sciences* Malaysia yang diwujudkan sejak tahun 1999 yang mana calon-calon dipilih dari kalangan felo akademik yang telah atau sedang memberikan sumbangan yang cemerlang kepada amalan sains, kejuruteraan atau teknologi yang boleh menyumbang kepada kerja-kerja akademik. Sejak tahun 1999, akademik telah melantik 13 orang felo kanan dan kini mempunyai 11 felo kanan, *Living Senior Fellows*.

Yang ketiga ialah *MSC Malaysia Asia Pacific ICT Award* atau pun *MSC Malaysia APICTA* yang merupakan program anugerah tahunan oleh MDEC bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha daya cipta dan kreatif cemerlang yang ditonjolkan oleh individu, para pelajar serta para pengusaha syarikat kecil dan sederhana ke arah pembangunan teknologi maklumat atau pun aplikasi ICT di Malaysia. Terdapat 18 kategori yang dipertandingkan dan dua daripadanya adalah untuk penyertaan rekaan di peringkat sekolah rendah ataupun *base of primary school project*, dan menengah, *base on secondary student project*.

■ 1050

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pertandingan ini sekarang ini dibuka untuk pertandingan dan tarikh penutupan ialah 30 Julai 2008. Seterusnya ialah *IP Creators Challenge* yang merupakan satu pertandingan tahunan yang telah dimulakan pada tahun 2006 untuk membangunkan industri kreatif dan inovasi negara. Jadi pertandingan ini terbuka pada empat

kategori iaitu inovasi, permainan komputer, komik digital dan kandungan mudah alih. Dan yang akhirnya ialah Malaysian Good Design Mark yang dikendalikan oleh SIRIM melalui Majlis Reka Bentuk Malaysia sejak tahun 1997 yang memberikan penganugerahan terhadap produk-produk yang menepati ciri-ciri reka bentuk yang berkualiti tinggi kepada hasil keluaran syarikat tempatan.

Manakala di peringkat antarabangsa pula kita menganugerahkan Mahathir Science Award yang dikendalikan oleh Akademi Sains Malaysia sejak tahun 2005 yang memberi pengiktirafan pada mana-mana saintis, institusi ataupun organisasi dari seluruh dunia yang memberikan sumbangan dan penyelesaian masalah sains dan teknologi di rantau tropika. Dari segi sambutan pencalonan sentiasa diterima dari organisasi saintifik antarabangsa bagi setiap tahun. Contohnya tahun 2008, lapan negara telah menghantar pencalonan untuk Mahathir Science Award 2008. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rashid Ngah, Dato' Lee Sing Chooi. Ya Dato' Rashid silakan.

Dato' Haji Abdul Rahshid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah sambutan daripada institusi pengajian tinggi dalam negeri dan juga luar negeri. Sebab kita pernah membaca surat khabar kemenangan yang dicapai oleh institusi pengajian tinggi kita dalam berbagai-bagai anugerah ataupun pertandingan di peringkat antarabangsa ini. Tetapi sebaliknya pula sejauh mana sambutan yang diberikan oleh institusi dalam negeri dan juga institusi pengajian tinggi luar negeri terhadap anugerah-anugerah kita ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk sambutan daripada institusi pengajian tinggi amat menggalakkan sebenarnya dan mereka terlibat bersama dengan kita terutamanya dalam konteks penilaian dan juga promosi. Contohnya Anugerah Malaysia Good Design Mark, USM, UiTM, UTM, SEGi Kolej juga merupakan agensi yang terlibat bersama dalam membuat penilaian.

Dan dari segi kerjasama yang lain ialah dari segi kerjasama dalam *research and development* yang mana mereka akan terlibat bersama untuk dinilai hasil-hasil kajian mereka. Sebab itu dikatakan tadi dalam konteks anugerah inovasi negara ialah di mana kita ada juga kategori inovasi perkhidmatan awam dan dibuka pada sektor awam. Di mana mereka akan terlibat bersama dalam menawarkan perkhidmatan yang berciri kreativiti, inovasi berkesan yang boleh memberi impak kepada meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Dan kalau kita hendak dapat maklumat yang lebih lanjut saya kira saya boleh memberi secara bertulis pada Yang Berhormat sebab mungkin ianya agak panjang untuk saya huraikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dato' Lee Sing CHooi.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Misi Nasional teras nombor dua meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda teras

utama. Untuk mencapai matlamat teras ini adakah kementerian meletakkan satu sasaran yang akan dicapai dan penyertaan itu, penyertaan yang disebut tadi itu adalah kadar itu adalah sampai ke sasaran atau tidak? Dan juga kalau peratusan penyertaan itu kalau dibandingkan dengan negara-negara maju, adakah itu masih rendah dan kita masih ada ruang yang banyak untuk memperbaiki keadaan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan itu jugalah perkara yang diambil berat oleh kementerian. Dan inilah usaha anugerah-anugerah yang kita tawarkan meliputi semua lapisan masyarakat daripada peringkat sekolah sebagaimana dikatakan tadi daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, sektor perkhidmatan, SME dan juga di kalangan saintis-saintis kita. Contohnya di peringkat Sekolah Menengah pertandingan Asia Pasifik ataupun APICTA dari segi MSC Malaysia Asia Pasific ICT Awards di mana di peringkat kita kemudian akan dipertandingan di peringkat Asia pula.

Dan ingin kita rekodkan bahawa Sekolah Menengah Foon Yew, Johor misalnya telah memenangi Anugerah APICTA 2007 di Singapura dengan ciptaan mereka *robotic palm*. Ini salah satu contoh untuk kita tingkatkan pertama kesedaran, minat dari peringkat asas lagi. Dan ini merupakan asas yang ingin kita gerakkan untuk kita meningkatkan inovasi peringkat negara kita. Dan usaha ini adalah usaha berterusan dan kalau mana-mana Ahli Yang Berhormat berminat untuk memberikan apa-apa cadangan kita akan menerima baik apakah kaedah yang boleh kita lakukan untuk mempertingkatkan kesedaran, minat dan kesungguhan rakyat kita ke arah inovasi untuk menjamin masa depan negara kita juga. Terima kasih.

7. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian bersedia membenarkan institusi kewangan membolehkan pembayaran ansuran rumah dilanjutkan sehingga ke generasi kedua peminjam.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat terdapat beberapa institusi perbankan yang telah menawarkan produk pinjaman perumahan generasi kedua. Di bawah produk pinjaman ini pembeli akan membayar pinjaman sehingga 50% daripada pinjaman asal dan seterusnya boleh membuat pilihan sama ada membayar baki pinjaman dengan menggunakan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun menjadikan baki pinjaman tersebut sebagai pinjaman perumahan generasi kedua apabila anak-anak mereka mengambil alih pembayaran balik pinjaman tersebut,

Pinjaman generasi kedua tersebut akan dianggap sebagai pinjaman yang baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu baik. Soalan tambahan saya, memandangkan keadaan ekonomi kita sekarang sudah sampai satu peringkat yang mungkin akan memasuki keadaan inflasi. Adakah kementerian akan meminta institusi kewangan yang lain berbuat demikian? Dan apakah implikasi perundangan yang mungkin menyekat pelaksanaan sistem pembayaran ansuran sehingga ke generasi kedua peminjam ini? Sekian terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua sehingga ini ada tiga institusi perbankan yang membenarkan pembayar untuk menyambung ke generasi kedua. Apa yang dilakukan adalah melalui satu opsyen dipanggil *behalf option*. Untuk tempoh waktu katalah pinjaman untuk 30 tahun dan akhir daripada 30 tahun tersebut mereka boleh melihat sama ada wang dalam KWSP atau dipindahkan kepada generasi kedua.

Lagi satu sistem Tuan Yang di-Pertua di mana sebuah bank menawarkan sistem *joint borrower* bermakna peminjam yang baru 50 tahun, bank tersebut memberi pinjaman sehingga 60 tahun, dia ada 10 tahun kemudian *joint borrower* dengan anak beliau. Sistem perbankan kita sekarang ini adalah merupakan satu sistem yang agak liberal. Bank Negara hanya menentukan kepada bank-bank tempatan dari segi sektor-sektor *priority*. Pinjaman mesti diberi untuk *housing, housing* RM100 ribu ke bawah untuk SME dan juga untuk pertanian. Yang lain itu terpulang kepada pihak tersebut untuk menawarkan atau tidak. Tetapi saya berani menyatakan kepada Yang Berhormat oleh kerana sekarang sektor perbankan berhadapan dengan satu keadaan yang daya persaingan yang begitu hebat saya percaya daripada tiga bank ini dan satu bank untuk satu sistem *joint borrower* ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

■1100

8. **Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan usaha kementerian dalam mencari sumber tenaga baru memandangkan harga minyak petrol begitu tinggi sekarang. Apakah masalah yang mungkin kita hadapi jika tenaga suria diguna pakai sebagai ganti.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang tanggungjawab untuk memastikan jaminan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap meskipun dalam keadaan kenaikan minyak yang melambung tinggi masa kini. Untuk tujuan ini, kerajaan sentiasa mencari sumber tenaga baru untuk memastikan adanya bekalan elektrik yang dapat memenuhi permintaan pada setiap masa.

Berikutan dengan peningkatan harga gas daripada RM6.40 satu unit MMBTU kepada RM14.31 satu unit MMBTU mulai 1 Julai 2008, keperluan untuk menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui telah meningkat. Peranan tenaga boleh diperbaharui akan menjadi lebih ketara jika kos penjanaan dari sumber *renewable energy* dengan izin menjadi lebih

kompetitif berbanding dengan bahan api fosil seperti gas. Selaras dengan dasar kepelbagaian bahan api negara, dasar lima bahan api - *five fuel policy* dengan izin yang telah diperkenalkan pada 2000, di mana tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* telah dijadikan sumber tambahan kepada sumber bahan api sedia ada untuk penjanaan tenaga iaitu minyak gas hidro dan arang batu.

Sumber tenaga boleh diperbaharui yang telah dikenal pasti termasuklah biomas, biogas, sisa buangan bandaran, tenaga suria dan mini hidro. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan mensasarkan sebanyak 300 megawatt kapasiti penjanaan RE akan disambungkan ke Grid. Daripada jumlah ini, 300 megawatt adalah di Semenanjung Malaysia dan 50 megawatt di Sabah. Di bawah Dasar Lima Bahan Api ini, kerajaan telah memperkenalkan Program Pembangunan Jana Kuasa Kecil Tenaga yang boleh diperbaharui. *Small Renewable Energy Program* (SREP) pada 2001. Sambutan terhadap projek-projek SREP adalah menggalakkan.

Di samping itu, terdapat juga usaha untuk menjana elektrik daripada sumber RE untuk kegunaan persendirian dan tidak disambungkan ke sistem grid oleh syarikat-syarikat pemprosesan minyak sawit dan syarikat pemprosesan kayu balak. Secara keseluruhannya, penjanaan elektrik daripada sumber RE yang tidak disambungkan ke sistem grid adalah berjumlah lebih kurang 700 megawatt. Demi meningkatkan penjanaan elektrik dari sumber-sumber RE, kementerian saya sedang menyiapkan pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui. Pelan tersebut menggariskan dengan terperinci sumber-sumber RE yang paling *viable* dibangunkan untuk memenuhi keperluan tenaga negara. Sumber-sumber RE yang mempunyai potensi yang besar ialah biomas, biogas, hidro dan tenaga suria.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tenaga suria, saya ingin memaklumkan bahawa tenaga suria atau tenaga solar adalah sumber RE yang digalakkan. Tenaga solar yang mempunyai potensi yang besar kerana kita menerima sinaran cahaya matahari sepanjang tahun dan ia adalah percuma. Kerajaan sedang melaksanakan Projek Malaysia *Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV) yang bertujuan mempromosi dan menggalakkan penggunaan tenaga solar dalam penjanaan elektrik di Malaysia.

Projek MBIPV dilancarkan pada 2005, dijalankan dengan bantuan *United Nation Developments Programs* (UNDP) akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek ini mensasarkan penjanaan elektrik menggunakan tenaga solar sebanyak 1,500 kilowatt di sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah dijangka dengan inisiatif ini kerajaan dapat memacu pembangunan industri solar dengan lebih agresif lagi. Di masa yang sama, halangan utama kepada pembangunan tenaga solar di negara ini ialah kos pelaburan yang agak tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Chee Keong, Datuk Chandrasekar Suppiah dan selepas itu Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang daripada negeri saya. *[Ketawa]*

Jawapan tadi cukup *technical* dengan izin, jadi saya hendak tahu, saya tahu tenaga suria banyak digunakan di negara China, negara Taiwan dan beberapa negara maju di Eropah. Selain daripada masalah kos, apakah kemungkinan masalah-masalah yang lain seperti teknologi dan sebagai yang dihadapi oleh kementerian sekarang?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat yang datang daripada negeri saya. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan, selain daripada masalah kos, adalah masalah dari segi kesedaran orang ramai itu sendiri akan tenaga solar ini.

Sebenarnya, masalah kos ini kalau kita perhatikan secara mendalam, kita boleh selesaikan. Kadang-kadang kita lihat ramai orang yang berada, dia mampu buat rumah yang begitu cantik, indah, *finishing* dia begitu mahal tetapi dia tak sanggup untuk membelanjakan sedikit wang ini untuk buat solar *photovoltaic* ini. Lebih baik kalau dia belanjakan wang yang banyak itu untuk membuat solar *photovoltaic* ini yang akhirnya nanti akan memberi kebaikan kepada alam sekitar, mengurangkan penggunaan gas dan juga memberi pulangan semula kepadanya. Namun kadang-kadang golongan yang berada ini, dia lebih suka buat rumah, *finishing* mungkin daripada bahan import daripada negara luar, ada kolam ikan yang mahal tetapi tidak sanggup membelanjakan sedikit kewangan untuk tujuan kebaikan alam sekitar.

Kita harapkan, supaya di masa akan datang rakyat di negara ini mempunyai kesedaran ini dan seperti di negara Eropah, seperti yang berada di Belanda, dalam sistem mereka itu sendiri, di dalam bil mereka ataupun bil bulanan yang mereka terima daripada syarikat yang mengeluarkan tenaga elektrik itu ada elemen tenaga yang digunakan daripada *renewable energy* ataupun solar, dimasukkan ke dalam bil ini menunjukkan semua pihak memainkan peranan supaya memberi sumbangan kepada *renewable energy*. Inilah kekurangan-kekurangan terutamanya dalam bentuk kesedaran yang perlu kita perbaiki di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, selain sumber solar, apakah tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri tenaga nuklear di negara ini dan apakah status Industri Tenaga Nuklear sekarang di Malaysia?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Suka saya maklumkan pada masa ini, pihak kementerian saya sedang bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI, menyiapkan satu kertas kerja Kabinet untuk menentukan hala tuju negara kita dalam bidang teknologi nuklear kerana bagi sesebuah negara seperti Malaysia, untuk membangunkan tenaga menggunakan nuklear, ia mengambil masa yang panjang sekitar 12 hingga 15 tahun. Aktanya perlu digubal, orang ramai perlu diberi kesedaran, bagaimana penghapusan sisa-sisa ini. Ini perkara-perkara yang perlu dilakukan.

Sebab itu saya katakan pada hari ini bahawa kementerian saya bekerjasama dengan MOSTI dan kita menyediakan satu Memorandum Jemaah Menteri yang kita harap dapat dibentangkan ke Kabinet dalam masa terdekat ini untuk memastikan hala tuju teknologi nuklear yang bakal digunakan di negara ini. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri berkata tentang rakyat jelata yang sanggup keluarkan belanja yang besar untuk buat renovasi rumah tetapi tidak sanggup pasang panel solar. Sebenarnya, baru-baru ini, saya pernah tanya tentang kos pemasangan panel solar untuk rumah tangga dan saya difahamkan bahawa solar panel untuk soal rumah tangga pun kosnya berbelasan ribu ringgit. Kalau kita jimat RM100 sebulan, kita perlu lebih 10 tahun untuk jimat balik kos itu. Saya difahamkan bahawa bateri solar panel itu, tak boleh tahan 10 tahun. Maka di sini, ia boleh dikatakan *economically* tak *viable*. Apakah rancangan kerajaan untuk kurangkan kos solar panel untuk rumah tangga itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi *viability*, mungkin hari ini kita lihat kosnya begitu besar dan pulangnya agak lambat tetapi kita juga perlu lihat akan kesannya kepada alam sekitar. Ini sumbangan kita sebagai rakyat Malaysia yang cintakan alam sekitar. Sebab itu, semua pihak perlu memainkan peranan mengorbankan sedikit kewangan, kalau kita boleh belanjakan yang banyak kepada kolam ikan, kepada *finishing*, mengapa tak kita belanjakan sedikit untuk alam sekitar iaitu seperti sistem *photovoltaic* ini. Dari segi kos juga, saya ingin nyatakan, kita ingat teknologi, sekiranya ramai orang guna, suatu hari nanti ia akan jadi lebih murah.

■1110

Saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua ketika telefon mudah alih mula diperkenalkan ATUR yang begitu besar. Kalau tak silap saya harganya RM15,000 bagi 010 yang macam beg itu. Kalau bawa itu macam beg di belakang kita. Harga RM15,000 dengan aerial nya. Semua orang tak mampu hendak beli. Siapa yang ada itu menunjukkan mereka yang berada tetapi hari ini harga telefon hanya lebih kurang RM250 telefon bimbit. Semua orang ada telefon bimbit walaupun kadang-kadang kawasannya tidak ada *coverage* telefon ini tetapi rumahnya ada telefon bimbit ini kerana apabila ramai orang menggunakan pasti harganya akan turun dan hari ini di negara kita, kita lihat ada beberapa syarikat antarabangsa mereka melabur di negara kita.

Saya dimaklumkan ada satu syarikat yang melabur dalam bidang solar di Kulim, satu di Melaka dan satu di Cyberjaya. Ini menunjukkan mereka yakin inilah satu kaedah untuk membekalkan tenaga elektrik di masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. **Tuan Ir. Hiang A Li** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan kerajaan akan menubuhkan "work matching" untuk OKU, adakah jawatankuasa ini telah ditubuhkan. Bagaimana OKU dapat menghubungi dan memohon bantuan perkhidmatan daripada jawatankuasa tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang dalam proses menubuhkan Jawatankuasa *Work Matching* dengan izin. Setakat ini beberapa siri perbincangan dengan agensi-agensinya yang berkaitan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Persatuan Sukarela Kebajikan (NGO) telah diadakan bagi membincangkan penubuhan jawatankuasa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan untuk memperhalusi beberapa isu berbangkit masih perlu diadakan oleh kementerian sebelum Jawatankuasa *Work Matching* ini dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk *work matching* ini adalah lanjutan dari dasar memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada orang kurang upaya (OKU). Kementerian telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan pelaksanaan dasar tersebut seperti digariskan dalam pekeliling perkhidmatan bilangan 3 tahun 2008 yang dikeluarkan pada 1 April tahun 2008. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (i) mengadakan taklimat kepada ketua-ketua jabatan di peringkat Persekutuan dan juga peringkat kerajaan negeri;
- (ii) mengadakan taklimat dan perbincangan mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 2008 kepada 16 pertubuhan sukarela kebajikan (NGO) bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (iii) memberi penerangan kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pertubuhan sukarela kebajikan di peringkat daerah dan negeri;
- (iv) mengedarkan borang maklumat pencari kerja OKU kepada 20 PSK ataupun pertubuhan sukarela kebajikan kebangsaan yang telah dilancarkan oleh kementerian pada 27 Jun 2008;
- (v) menyebarkan borang maklumat tersebut melalui laman web kementerian dan JKM;
- (vi) mengedarkan borang maklumat pencari kerja OKU melalui semua pejabat kebajikan masyarakat negeri, pejabat kebajikan masyarakat daerah dan pejabat-pejabat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) dan

- (vii) menjalankan usaha-usaha advokat kepada pegawai dan kakitangan JKM, jabatan-jabatan berkaitan serta pertubuhan sukarela kebajikan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, OKU yang berminat bekerja di sektor awam boleh mengemukakan borang maklumat pencari kerja sama ada melalui JKM, melalui pertubuhan sukarela kebajikan ataupun terus kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan bagi OKU yang berminat bekerja di sektor swasta pula mereka boleh berhubung terus dengan agensi-agensi berkaitan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian yang telah begitu prihatin kepada OKU. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk memberikan elaun khas kepada OKU yang berjaya dapat pekerjaan melalui program ini dan yang kedua adakah kementerian bercadang untuk melanjutkan program ini kepada golongan ibu-ibu tunggal yang miskin yang memerlukan? Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li. Soalan pertama termasuk dalam soalan pokok tapi soalan kedua itu sedikit terkeluar Yang Berhormat.

Mengenai sama ada kementerian akan memberikan elaun khas kepada kumpulan OKU yang bekerja ini Yang Berhormat sememangnya kementerian melalui JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan satu peruntukan yang diberikan nama elaun pekerja cacat (EPC) sebanyak RM300 sebulan kepada mana-mana OKU yang bekerja sama ada dengan sektor awam ataupun swasta ataupun bekerja sendiri dengan pendapatan di bawah RM1,200 sebulan. Semuanya layak memohon dan kita akan berikan elaun tersebut Yang Berhormat sebagai satu insentif untuk menggalakkan OKU ini bekerja.

Yang kedua, sama ada akan dipanjangkan kepada ibu tunggal dan lain-lain Yang Berhormat, sebenarnya memang ibu tunggal ataupun kumpulan-kumpulan yang layak dan berkeperluan ini ada kategori bantuan lain di bawah JKM Yang Berhormat. Banyak Yang Berhormat. Terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah dasar 1% OKU di sektor awam ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berapa ramai bilangan OKU di sektor awam setakat hari ini? Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati. Tentang dasar 1% peluang pekerjaan OKU di sektor awam ini Tuan Yang di-Pertua ianya telah dimulakan sejak tahun 1988. Walau bagaimanapun, nampak tidak ada satu perhatian yang khusus telah diberikan oleh kementerian ataupun agensi-agensi. Maka pada 1 April tahun 2008 pihak SPA telah mengeluarkan satu pekelliling baru iaitu Pekelliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 yang saya sebutkan sebentar tadi yang mana mengehendaki kementerian dan juga

jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk memberikan ataupun memperuntukkan sebanyak 1% peluang pekerjaan yang ada di tempat masing-masing kepada golongan orang kurang upaya ini dan tentang data setakat hari ini kumpulan OKU yang telah diserapkan dalam skim perkhidmatan awam ini daripada statistik yang saya terima daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari tempoh 1996 sehingga tahun 2008 seramai lebih kurang 581 OKU sahaja yang telah dilantik ke pelbagai skim perkhidmatan awam dan ini menganjurkan peratusan hanya lebih kurang 0.05% sahaja.

Maknanya masih jauh lagi untuk kita capai 1% ini dan kita yakin Yang Berhormat sekiranya semua pihak memainkan peranan insya-Allah lah sasaran 1% peluang pekerjaan kepada OKU di sektor awam ini dapat kita capai dengan adanya majikan, jabatan, agensi yang lebih sedar dan prihatin tentang kumpulan OKU yang mempunyai potensi untuk menyumbang dalam sektor pekerjaan dan masyarakat seluruhnya mestilah memperbaiki ataupun membetulkan persepsi bahawa OKU ini juga merupakan kumpulan insan yang perlu kita berikan peluang yang saksama untuk mereka hidup dalam keadaan selesa di kalangan masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap restoran India tidak Muslim yang menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai daya penarik pelanggan Muslim ke restoran mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah agensi yang menjadi pusat perancangan hal ehwal Islam, JAKIM bertindak sebagai pengumpul maklumat, penyebar maklumat dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam.

Begitu juga JAKIM berusaha menyelaras mekanisme penguatkuasaan undang-undang. Namun begitu kuasa penguatkuasaan terletak di bawah agensi seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Merujuk kepada permasalahan ini kuasa penguatkuasaan diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui bahagian penerbitan dan kawalan teks al-Quran. Tindakan terhadap restoran India bukan Muslim yang menggunakan ayat al-Quran sebagai daya penarik pelanggan Muslim adalah terletak di bawah kuasa kementerian tersebut.

■1120

Walaupun begitu, JAKIM telah mengeluarkan garis panduan pembuatan, pengendalian, penjualan dan pelupusan bahan-bahan penerbitan dan perhiasan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran pada tahun 2006. Ia telah diguna pakai oleh KDN selari dengan Akta Teks al-Quran arau APTQ 1986. Namun begitu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa memantau penggunaan ayat al-Quran oleh *non-Muslim* dengan memberi nasihat atau merampas bahan-bahan tersebut berlandaskan peruntukan akta yang sedia ada. Sungguhpun begitu,

JAKIM sentiasa bekerjasama dalam aktiviti pemantauan terhadap penggunaan teks al-Quran agar ianya digunakan untuk tujuan yang betul. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah di dalam negeri masih banyak lagi restoran-restoran yang masih menggunakan tanda halal dan ayat-ayat al-Quran seolah-olah tidak ada tindakan tegas daripada pihak kementerian KDN ataupun pihak agama Islam.

Jadi apakah tindakan, berapa ramai kah bilangan pegawai luar yang membuat pemantauan restoran-restoran kecil dan restoran mewah di setiap negeri. Apakah tindakan yang lebih berkesan yang boleh pihak kementerian KDN kah atau pihak Jabatan Agama kah, JAKIM kah ambil. Terima kasih.

Datuk Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Jika soalan itu bertanya tentang tindakan daripada KDN dan KPDNHEP, itu saya tidak dapat menjawab. Itu bukan daripada kementerian saya. Akan tetapi yang dapat saya berikan jawapan berkenaan dengan pemantauan yang dibuat oleh pihak JAKIM daripada semasa ke semasa dengan kerjasama dengan kedua-dua kementerian ini. Pemantauan memang sentiasa dibuat. Selain daripada berdasarkan kepada aduan-aduan, kita juga harus merujuk bahawa di negara kita sesiapa sahaja boleh memohon untuk mendapatkan logo halal yang sekarang ini dikeluarkan oleh HDC di bawah EPU yang bukan lagi di bawah JAKIM.

Yang keduanya, kita juga perlu menanamkan rasa kesedaran kepada masyarakat sendiri untuk meneliti supaya restoran-restoran yang mereka masuk ini adalah restoran-restoran Islam. Sebahagian daripada masyarakat kita hanya melihat bahawa dia kadang-kadang mungkin ada ayat pelaris sahaja ke ataupun gambar Kaabah dan mereka menganggap bahawa ini sudah restoran Islam. Sedangkan restoran halal yang sebenarnya perlu mempunyai logo yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan JAKIM dan sekarang ini diselaraskan dengan Majlis Agama Islam Negeri.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat, rakyat juga perlu mempunyai kesedaran dan kita menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat untuk menyemak melalui sistem yang disediakan. Ini supaya mereka memastikan restoran-restoran yang mereka lawati ataupun mereka masuk itu adalah restoran yang benar-benar diiktiraf oleh kerajaan dan bukan sekadar restoran yang hanya menggantung ayat-ayat al-Quran sahaja. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini lebih kurang sama tetapi saya ingin penjelasan. Zaman sekarang ini macam-macam kaedah untuk menarik orang masuk restoran. Di luar nampak halal, di dalam tidak halal. Apakah bentuk tindakan JAKIM ataupun kerajaan jika didapati restoran makanan halal ini menghidangkan

makanan tidak halal ataupun dalam peti sejuk dalam restoran ini bercampur daging yang halal dan daging tidak halal. Terima kasih.

Datuk Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bertanyakan soalan ini walaupun sebenarnya persoalan halal ini telah pun diletakkan di bawah *Halal Development Cooperation* tetapi saya menjawab juga soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat.

Kalau sekiranya satu-satu restoran tadi telah mendapat pengiktirafan halal, tetapi tidak menepati kepada syarat yang kita letakkan. Antaranya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ada bahan-bahan yang tidak halal yang diletakkan bersekali di dalam peti sejuk ataupun pembekuan, jika dapati adanya kejadian tersebut, dengan serta-merta syarikat tersebut akan ditarik lesen yang telah diberikan kepada mereka. Ini adalah tindakan yang dapat kita laksanakan.

Walau bagaimanapun, pemantauan memang dibuat secara berkala oleh pihak –pihak yang berwajib. Kita tidak menafikan, dari semasa ke semasa memang ada syarikat-syarikat yang tertentu yang meletakkan di mana Akta Perbahasan Halal, memang boleh. Katakan satu restoran itu dia letakkan misalnya Bismillah sahaja, dia tidak ada pun logo halal. Ini yang saya katakan tadi, bahawa kesedaran perlu ada dalam masyarakat kita untuk menyemak adakah restoran ini benar-benar restoran halal ataupun tidak.

Sekadar meletakkan perbahasan halal misalnya dia letak logo sahaja daripada dia sendiri ataupun ayat al-Quran, itu menandakan dia mengiktiraf dirinya sebagai halal. Di pihak JAKIM, kita akan membuat pemantauan. Sekiranya dia meletakkan sesuatu yang menandakan dia restoran halal, tetapi ada unsur-unsur tidak halal maka tindakan dari segi undang-undang akan diambil kepada restoran ini. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat ini bolehkah nyatakan jumlah kes yang telah diambil tindakan. Yang kedua, bagaimana bentuk pemantauan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan jumlah kes itu, ia merupakan satu soalan yang spesifik Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat dan bentuk pemantauan seperti mana yang disebut tadi sama ada aduan dari semasa ke semasa daripada rakyat ataupun orang awam dan juga kita buat serbuan secara berkala kepada semua restoran yang mendapat logo halal daripada JAKIM, pemantauan berkala akan diadakan kepada syarikat-syarikat ini untuk memastikan mereka menepati kepada syarat-syarat halal yang telah ditetapkan. Terima kasih.

11. Datuk Sim Kheng Hui minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada usul untuk pembinaan hospital baru di Sarawak, khususnya di Kuching dapat direalisasikan; dan
- (b) sama ada peruntukan untuk projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Kuching sudah disalurkan dan bila projek tersebut akan bermula

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak tiga buah hospital baru iaitu Hospital Lawas, Hospital Samarahan dan Hospital Petrajaya akan dibina oleh kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk jawapan (b), membina tempat kereta bertingkat di Hospital Umum Kuching, asalnya memang ada dalam *list* Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, ekoran daripada pengubahsuaian *priority* atau keutamaan, ia ditangguhkan buat sementara waktu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan telah pun diberikan dan berpuas hati.

12. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Serantau, adakah pihak kementerian merancang atau telah merangka strategi untuk membawa masuk tenaga pengajar luar terutamanya golongan profesor yang mempunyai kredibiliti penyelidikan bertaraf antarabangsa untuk melahirkan modal insan yang berkualiti,

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menetapkan dasar untuk memberi peluang kepada semua IPTA bagi mendapatkan tenaga pengajar dan pakar-pakar dari luar negara. IPTA telah diberi kuasa memilih dan melantik calon-calon yang difikirkan sesuai untuk keperluan mereka. Sehingga Disember tahun 2007, terdapat seramai 1027 orang tenaga pengajar bukan warganegara di 20 IPTA di seluruh Malaysia. Sekian.

Tuan Haji Shamsudin bin Mehat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam usaha untuk menyahut cabaran Perdana Menteri iaitu untuk menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah Universiti APEX di Malaysia sebelum tamatnya Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tujuh buah IPTA dan dua buah IPTS telah menawarkan diri untuk menyertai program APEX ini. Kementerian Pengajian Tinggi kini berada di peringkat terakhir pemilihan dua buah IPT untuk program APEX ini. Malah, keputusannya akan diketahui sebelum akhir tahun ini.

■ 1130

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga, di bawah program APEX atau nama penuhnya *Accelerated Programme For Excellent* dengan izin, IPT akan diberi kelonggaran dan kelebihan dalam pelbagai perkara berhubung pengurusan IPT. Di antaranya, pemberian peruntukan yang secukupnya bagi menjayakan kegiatan dan aktiviti IPT, pengambilan pelajar secara terus oleh IPT dan sebagainya. Sekian.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sesungguhnya Malaysia telah berjaya menarik ramai pelajar-pelajar daripada luar negara belajar di sini sama ada di IPTA, lebih-lebih lagi di IPTS.

Soalan tambahan saya ialah pertama, apakah kerajaan mempunyai dasar membenarkan pelajar-pelajar ini bekerja separuh masa di negara kita ini seperti mana di UK dan di Australia, pelajar-pelajar luar dibenarkan bekerja sambil sehingga 20 jam seminggu.

Soalan saya yang kedua ialah adakah kementerian ataupun kerajaan mempunyai ataupun dapat mengesan pelajar-pelajar luar negara yang datang ke sini dengan *student* visa tetapi sebenarnya tidak belajar, sebaliknya bekerja sepenuh masa. Kalau ada, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian sehingga kini? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebenarnya soalan yang ditanya itu tidak berkaitan dengan soalan yang asal. Walau bagaimanapun saya cuba menjawab soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang memang kementerian kita sedang mengambil maklum dan sedang mengkaji dengan kemungkinan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kementerian kita memang peka tentang kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar asing dan telah mengadakan satu *enforcement* dengan izin supaya kegiatan-kegiatan pelajar asing ini dapat dikawal. Sekian.

13. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta Menteri Kewangan menyatakan:

- a) apakah anggaran kasar baki simpanan kebanyakan rakyat di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP apabila mereka bersara; dan
- b) adakah sistem kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP hari ini mampu membantu segolongan besar rakyat apabila mereka bersara nanti untuk terus hidup dalam kesejahteraan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun kewangan 2007 purata simpanan ahli aktif yang masih mencarum yang

berumur 54 tahun adalah sebanyak RM121,163. Saya menggunakan umur 54 tahun kerana jika 55 tahun, sebahagian telah pun mengeluarkan caruman mereka.

Bagi soalan kedua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah simpanan yang dimiliki oleh seseorang pekerja dalam KWSP semasa bersara tidak bergantung semata-mata kepada kadar caruman sahaja tetapi bergantung pada jumlah pendapatan, tempoh bekerja, tempoh mencarum dan kadar dividen yang diterima. Sekiranya seseorang pekerja membayar caruman secara berterusan dari mula bekerja hingga bersara iaitu bagi tempoh sekurang-kurangnya 30 tahun, simpanan KWSP yang ada pada umur 55 tahun akan mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM120,000 bagi membolehkan mereka membiayai keperluan sara hidup yang asas apabila bersara. Jumlah simpanan tersebut dijangka boleh memberikan pendapatan sebanyak RM500 sebulan dalam tempoh 20 tahun selepas umur 55 tahun. Untuk menikmati hidup yang lebih selesa pula, seorang ahli mestilah mempunyai caruman lebih daripada RM120,000.

Oleh yang demikian, simpanan KWSP tidak seharusnya dikeluarkan sekali gus pada umur 55 tahun kerana ia mungkin habis dibelanjakan dalam tempoh yang singkat. Dengan itu ahli perlu merancang perbelanjaan persaraan mereka supaya simpanan KSWP dapat digunakan dalam tempoh yang lebih panjang.

Selain daripada itu, ahli juga perlu mempunyai simpanan atau pelaburan dalam bentuk lain seperti hartanah, rumah, simpanan di bank, pelaburan dan insurans sebagai tambahan untuk persaraan yang selesa di hari tua.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya dalam keadaan...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tak Yang Berhormat bersama saya lebih menggunakan perkataan 'pertanyaan' daripada 'soalan'. Saya dapat perhatikan sepanjang lima tahun saya bertugas di sini, beransur-ansur inti sari pengertian atau *connotation* dengan izin pertanyaan itu beransur berubah-ubah menjadi soalan. Padahal *connotation* di antara pertanyaan dan soalan adalah sedikit berbeza. Saya mohon kerjasama Yang Berhormat supaya kita lebih menggunakan istilah 'pertanyaan'.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 'Pertanyaan' tambahan saya ialah dalam keadaan di mana kos memang meningkat dan jangka hayat rakyat Malaysia pun insya-Allah lebih panjang. Jadi adakah KWSP ini mempunyai strategi-strategi tertentu untuk cuba membantu rakyat supaya mereka ini dapat mengendalikan hidup mereka selepas bersara dengan selesa. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita panggil strategilah, di antara strategi KWSP membenarkan ahli tidak mengeluarkan caruman mereka malah membantu mereka dari segi dijadikan kemudahan pelaburan sehingga umur 75 tahun.

Di samping itu, semasa ahli masih lagi mencarum, mereka boleh menggunakan wang mereka, akaun kedua sebanyak 30% daripada jumlah caruman untuk membeli rumah. Malah sekiranya rumah pertama telah selesai dibayar, sudah dijual, mereka boleh membeli rumah kedua.

Jadi saya maklum sekiranya mereka mempunyai rumah dan juga mempunyai pelaburan yang mencukupi, makna saya kata RM120,000 ke atas itu, maka mereka boleh hiduplah. Hendak kata selesa sangat, tidak saya rasa tetapi boleh hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, Tan Sri Jins.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri Jins tak apalah, jangan 'Tan Sri Jin', susah ya. Sila.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Soalan tambahan saya, tidakkah kementerian bercadang untuk meminda perlembagaan KWSP bagi mewajibkan setiap pekerja sambilan atau kontrak mencarum dalam KWSP. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, yang ini kita akan kaji.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan daripada Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin soalan saya di antara apakah perbezaan pertanyaan dengan persoalan? Pertanyaan saya nombor 14. *[Ketawa]*

14. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Kerja Raya menyatakan untuk mengkhaskan projek-projek yang diperuntukkan untuk Kelas F (10%) di dalam projek-projek kerajaan diberi kepada hanya kontraktor tulen sahaja. Dalam hal ini, bagaimanakah kerajaan ingin memantau untuk memastikan kontraktor tulen sahaja yang diberi projek.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Itu orang utara kata guna ungkapan, 'loyar buruk' dia panggil. *[Ketawa]*

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan dari Yang Berhormat ada berkaitan dengan kontraktor Kelas F.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan hanya kontraktor tulen sahaja diberi peluang untuk terlibat dalam dasar pelaksanaan 10% pengagihan projek kepada kontraktor Kelas F. Semua senarai nama akan melalui bahagian Pembangunan Bumiputera.

Di samping tapisan semasa proses pengagihan projek kerajaan tersebut, pengauditan berkala semasa projek tersebut berjalan akan dilaksanakan secara berkala oleh bahagian Pembangunan Bumiputera bagi memastikan kontraktor Kelas F tersebut benar-benar melaksanakan sendiri skop kerja yang diberikan dan tidak diserahkan kepada orang lain. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Roslan.

■ 1400

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah, kita sedar bahawa 10% ini akan diambil daripada kontrak-kontrak RM10 juta ke atas. Daripada RM10 juta ke atas ini, margin keuntungan dia adalah kecil. Berbanding dengan margin keuntungan yang diberi terus kepada kontraktor Kelas F. Soalan saya, adakah kontraktor Kelas F ini mampu untuk mengendalikan kerja-kerja ini dengan margin yang telah diberikan dengan begitu kecil? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya kita bagikan 10% dari projek yang bernilai RM10 juta ke atas bagi memberikan peluang kepada kontraktor Kelas A yang aktif, dengan harga yang sama mereka akan dibagi dan bayaran juga akan kita cadangkan terus dibayar kepada pihak kontraktor Kelas A. Ini adalah sistem kita dan kita juga adakan tapisan kepada semua kontraktor Kelas A yang benar-benar aktif, benar-benar perlu dan benar-benar dapat membuat kerja. Maka ia tidak timbul kalau mereka tidak dapat mengaut keuntungan melalui usaha sendiri, kerana '*football field*' ini diletakkan semua samalah. Kecuali kita bagikan 10% dari projek yang besar ini kepada kontraktor Kelas A.

Lagi ada satu syarat. Kita bagikan kontraktor di mana projek diadakan. Di tempatan, bukan kita ambil dari seluruh negara. Kalau projek ini di Melaka maka kontraktor Kelas A di Melaka akan dipilih, iaitu mereka yang aktif untuk menyertainya. Kalau projek ini ada RM10 juta, bermakna RM1 juta dibagi untuk kontraktor-kontraktor Kelas A. Ini bermakna ada projek yang bernilai RM10 juta dapat kita bagi kepada lima kontraktor Kelas A. Inilah cara kita buat. Saya harap ini sedikit sebanyak sudah memuaskan hati Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan saya bereskan soalan pertanyaan nombor 15. Pertanyaan daripada Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

15. Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kerajaan akan menambah lagi penggunaan perkhidmatan Doktor Udara/Doktor Bergerak di Sabah dan Sarawak bagi memastikan rakyat di pedalaman dan persisiran dapat kemudahan yang diperlukan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan klinik bergerak melalui jalan air, darat, dan udara masih diperlukan di kawasan-kawasan yang sukar sampai dan tidak mempunyai kemudahan infrastruktur asas terutama di Sabah dan Sarawak. Ekoran daripada itu, Kementerian Kesihatan akan memperluas dan memperkukuhkan lagi perkhidmatan melalui beberapa cara, iaitu melalui klinik bergerak daripada 151 klinik bergerak di seluruh negara. 120 klinik bergerak khusus untuk Sarawak, 5 di Sabah.

Sementara untuk pasukan udara, 10 pasukan udara di Sarawak, 61 pasukan darat, 52 pasukan sungai, macam tentera udara, darat dan laut. Yang boleh meliputi atau *coverage*, dengan izin seramai 200,000 penduduk. Sementara di Sabah, 2 pasukan udara, 3 pasukan darat dan 1 pasukan sungai yang meliputi penduduk seramai dekat 50,000 orang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebabnya lebih menghormati tuntutan rakyat Sarawak dan Sabah terhadap pemerintah. Bukan Senat menghormati kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi menghormati tuntutan rakyat Sarawak. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Betul Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Soalan tambahan mungkin tak berapa hendak diajukan, hanya saya ingin ajukan terima kasih yang tidak terhingga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berapa hendak diajukan tetapi hendak diajukan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Hendak diajukan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Malaysia, kepada Kementerian Kesihatan kerana sanggup menambah, memperluaskan khidmat perubatan, klinik-klinik bergerak, doktor udara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Pada orang-orang Sarawak. Jadi pertanyaan saya dalam kegetiran ekonomi, kos meningkat. Adakah penambahan ini diteruskan, diperluaskan lagi dengan lebih hebat? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua bagi kawasan-kawasan pedalaman kita tidak berkompromi, sebab ini adalah sebahagian daripada kos operasi kementerian bagi memastikan pendemokrasian, penerimaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan dapat diterima oleh rakyat tanpa mengira kedudukan dan tempat, dan rakyat mempunyai *access* kepada kesihatan sama dengan rakyat yang di bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” *[17 Julai 2008]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain sila sambung ucapan.

11.45 pg.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk saya sambung perbahasan saya ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 – 2010.

Kehidupan golongan yang berpendapatan rendah pastinya akan mendapat tamparan hebat hasil kenaikan harga minyak ini. Keadaan ini juga menyebabkan masalah sosial dan jenayah akan meningkat akibat tekanan ekonomi. Justeru, kerajaan hendaklah menangani isu kesan kenaikan harga minyak ini secara hemah dan berhemah tanpa menyebabkan tekanan kepada rakyat negara kita. Persoalannya apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan kepentingan rakyat diutamakan. Saya ingin mencadangkan:

- (i) kerajaan hendaklah berusaha untuk membendung pihak-pihak tertentu yang pastinya akan mengambil kesempatan kesan daripada kenaikan ini dan membebankan rakyat;
- (ii) apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh kerajaan bagi menghalang kenaikan harga barangan keperluan asas seperti beras, gandum, gula dan sebagainya;
- (iii) memperbaiki lagi sistem *feeder* yang sedia ada. Ini adalah kerana menteri sendiri telah cuba menggunakannya dan mendapati ianya amat perlu diperbaiki demi menambahbaikkan sistem pengangkutan awam;
- (iv) menguatkuasakan semula laluan istimewa bagi pengangkutan awam bagi mempercepatkan perjalanan awam terutamanya untuk bas dan teksi. Secara tidak langsung ini akan mempopularkan balik pengangkutan awam bila ianya disifatkan cekap dengan penggunaan pengangkutan awam yang cepat sampai ke pejabat; dan
- (v) membuat penyelidikan dan pembangunan dalam mencari sumber-sumber bahan bakar yang baru...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Saya mohon ganggu Yang Berhormat sebentar. Ahli-Ahli Yang Berhormat hari ini ialah hari terakhir untuk perbahasan sebelum kerajaan mula menjawab esok. Kita ada 280 minit lagi. Dan sehingga kini 15 orang Yang Berhormat-Yang Berhormat sudah pun mengambil kesempatan untuk berucap.

■1150

Bolehkah saya dapat gambaran berapa lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Terima kasih Yang Berhormat. 10 orang, jadi purata 28 minit, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke isu sistem kewangan Islam. Dalam menyampaikan Kajian Separuh Penggal, kerajaan ada menyatakan hasrat untuk menggalakkan lagi perkembangan sektor-sektor pertumbuhan baru termasuklah bidang kewangan Islam dan takaful. Kita lihat sekarang ini kesan daripada sistem kapitalis yang diterima pakai oleh kebanyakan masyarakat dunia telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan taraf hidup yang amat ketara, yang kaya semakin kaya dan yang miskin bertambah daif dan melarat.

Kenapakah kita tidak memberikan tumpuan yang ke arah sistem muamalat yang prinsipnya jelas lebih adil dan membangun. Prinsip transit Islam atau muamalat Islam adalah sangat komprehensif, adil malah telah diamalkan lebih beratus tahun sebelum sistem ini diperkenalkan. Sistem perbankan dan muamalat Islam ini tidak asing bagi kita sejak 1980-an lagi. Sepanjang tempoh tersebut telah diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan agama. Meskipun negara kita diuar-uarkan akan menjadi hab perbankan Islam, tetapi mengapakah dasar kita seolah-olah tidak kena dan kalau dibandingkan dengan Singapura

yang lebih terkedepan dibandingkan dengan negara kita yang mendukung Islam sebagai agama rasmi negara kita.

Cadangan saya, R&D untuk mencari produk-produk Islam perlu lebih dipergiatkan dan prinsip-prinsip muamalat Islam perlu diperkembangkan bukan sahaja di dalam perbankan Islam tetapi juga dalam bidang-bidang perniagaan yang lain. *Security Commission* hendaklah melonggarkan dasar pemilikan ekuiti asing dalam perbankan Islam bagi menggalakkan institusi perbankan di seluruh negara, dunia berminat untuk melabur di sini. Sekiranya perkara yang sama yakni pemilikan asing dalam sektor kewangan Malaysia diberikan kelonggaran seperti mana dalam ekuiti syarikat pelaburan, tidak ada sebab mengapa ianya tidak dapat diberikan kelonggaran yang sama bagi syarikat kewangan Islam melabur di Malaysia bagi melancarkan cita-cita Malaysia menjadi hab sistem kewangan Islam di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali-sekala berpalinglah ke sini nanti saya ingat Yang Berhormat baca sahaja ucapan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Laju Tuan Yang di-Pertua, 28 minit. JAKIM sebagai institusi yang sangat berkait rapat dengan Islam tidak harus berfungsi sebagai badan yang hanya lebih menyentuh isu-isu *internal* sahaja tetapi hendaklah bersifat lebih meluas dan global bersesuaian dengan Islam sebagai agama yang sempurna, *Islam is a complete way of life*, dengan izin. JAKIM perlu mengambil peranan yang aktif dalam mempromosi transit dan muamalat Islam kepada masyarakat Islam di negara ini.

Sebagai sebuah negara Islam Malaysia sepatutnya memberikan galakan yang lebih sesuai dan menarik dari apa yang diberikan oleh Singapura yang dikira agak baru dalam mengorak langkah ke arah sistem perbankan Islam di rantau ini. Akan tetapi apakah yang terjadi sebenarnya kerana walaupun agak baru dalam bidang ini, mereka telah mengorak langkah yang lebih kental dan berjaya meninggalkan Malaysia ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke Kementerian Pelancongan. Pelancongan sebagai penyumbang ekonomi negara, pelancongan merupakan sektor yang terpenting menyumbang kepada ekonomi negara. Pada 2007, pendapatan sebanyak RM47.5 bilion; pada tahun ini dianggarkan sektor ini menyumbangkan sebanyak RM50.3 bilion kepada negara. Pelbagai program dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan sektor ini mencapai *target* tersebut. Baru-baru ini Kementerian Pelancongan mengumumkan penubuhan Majlis Pelancongan Komuniti (MPK) dalam usaha membangun dan memacu industri pelancongan tempatan di peringkat akar umbi.

Antara peranan majlis itu adalah bertindak sebagai saluran khas bagi pemimpin masyarakat tempatan. Menyampaikan pandangan serta cadangan terhadap pembangunan pelancongan di peringkat daerah. Saya mengharapkan supaya MPK ini benar-benar berkesan dan memberikan kesan yang positif kepada Kementerian Pelancongan. MPK juga bertindak sebagai ruang forum bagi mendapatkan sokongan dan penglibatan pemimpin serta masyarakat

tempatan terhadap pelaksanaan program pelancongan. Bertindak sebagai mekanisme bagi membolehkan Kementerian Pelancongan mendapat maklumat balas dan input segera terkini dan langsung. Berhubung infrastruktur sesuatu kawasan yang terbabit dengan pelancongan.

Di samping itu MPK juga memberi perhatian khusus kepada tiga perkara penting membabitkan pengusaha, pelancongan yang terlibat dalam industri itu iaitu:

- (i) keperluan infrastruktur dan kemudahan bagi sesuatu kawasan pelancongan;
- (ii) pemantauan keadaan dan kemudahan pelancongan bagi menjaga keselesaan, keselamatan dan kepuasan pelancong; dan
- (iii) memaklumkan pemimpin dan masyarakat tempatan mengenai peluang-peluang pekerjaan dan pelaburan.

Dalam melaksanakan MPK ini kita ada pro dan kontra. Pronya seluruh rakyat bersama memikul tanggungjawab mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Pemimpin dan masyarakat setempat akan lebih kreatif dalam memajukan dan menonjolkan produk tempatan. Menyekat atau mengurangkan penghijrahan di kalangan penduduk setempat dan juga kemudahan asas di kawasan setempat akan semakin baik. Bagi kontranya pula, pelancong hanya menghabiskan masa di kawasan tertentu sahaja dan menggambarkan Malaysia dan kawasan setempat yang dilawati sahaja.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan hendaklah menyokong dan memantau aktiviti masyarakat setempat yang dijadikan produk pelancongan bagi memastikan ianya benar-benar memberi peluang pulangan kepada masyarakat setempat. Terutamanya pulangan perniagaan, pulangan pekerjaan serta meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat dan di negara. Penyaluran dana dan infrastruktur perlulah cekap dan efisien. Sokongan yang konsisten supaya perkara ini tidak menjadi sebagai orang kata hangat-hangat tahi ayam dan hanya berjalan untuk seketika atau tempoh dan jangka waktu yang sementara.

Seterusnya saya merujuk kepada teras yang ke-4, Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu meningkatkan tahap dan kemapanan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk negara ini, kerajaan telah menyediakan pelbagai pelan dasar dan sebagainya di dalam RMK-9. Antara perkara asas yang ditekankan dalam Teras 4 ialah masalah sosial di kalangan remaja. Dalam persidangan belia di Geneva pada 2004, PBB telah mengemukakan lima isu atau krisis masalah yang bakal dihadapi oleh generasi muda belia iaitu berkenaan dengan globalisasi, sosial, ekonomi, *information* dan *communication technology*, *HIV Aids* dan *young couple*, *youth* dan *conflict*nya serta *inter-generation relation*.

Manakala dari sudut masyarakat kita, apa yang kita nampak akibat daripada pengaruh persekitaran, rakan-rakan sebaya, media dan lain-lain pelbagai gejala sosial telah semakin meningkat di kalangan remaja. Antara gejala sosial yang melanda generasi muda kita adalah seperi salah guna dadah, ganja, heroin, gam, ubat batuk, syabu dan sebagainya. Jenayah

seperti mencuri, merompak, merogol dan pelumba haram. Vandalisme, samseng atau gengster, maksiat seperti gay, pondan, pelacuran. Ajaran songsang seperti puja syaitan dan sebagainya. Kebebasan hidup di luar batasan seperti minum arak, merokok, tiada disiplin, seks bebas.

Berdasarkan...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam gejala-gejala sosial yang telah dikatakan tadi, adakah tidak gejala yang agak terhangat dikatakan sekarang iaitu seks di luar tabii ataupun liwat. Apa pandangan Yang Berhormat?

■ 1200

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Seks di luar tabii, seks di luar tabii ini bukan sahaja diamalkan oleh remaja tetapi malahan warga emas, bapa remaja dan sebagainya itu juga mengamalkan seks luar tabii ini. Mungkin ini kalau remaja, dia terpengaruh dengan hari ini. Drama-drama TV, ha ini pengerusi FINAS ha, drama-drama TV ini orang yang betul-betul lelaki pun dijadikan pondan, inikan pula memang pondan. Jadi inilah antara kesan-kesannya mengapa liwat, eh liwat pula.. *[Ketawa]* Penyakit luar tabii ini berleluasa ditambah pula pemimpin yang diagung-agungkan oleh sesuatu badan yang konon-kononnya mempunyai aura juga bersikap sedemikian.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tak nak beri laluan, masa saya suntuk.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Minta laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya ada beberapa isu yang nak saya bangkitkan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Menyampuk]* Bagilah sikit saja.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: *[Menyampuk]* Ala, bagilah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih sebab benda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini terlalu besar. Ada tanda-tanda ataupun bukti apa yang Yang Berhormat sebut ini? Untuk kita kongsi bersama, Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya tak rasa terpanggil untuk menjawab soalan tersebut *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini lebih petah bercakap kalau tak baca tau.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, ada benda yang boleh kita bercakap dengan tak membawa teks tetapi ada fakta yang harus saya kemukakan yang perlu saya menggunakan teks.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, asalkan Yang Berhormat tak letak nota di atas bagi saya nampak. Saya hanya syak Yang Berhormat baca lah. *[Ketawa]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007, juvana yang terlibat, juvana ini maknanya budak remaja, yang terlibat dalam jenayah bunuh, rogol, samun, curi dan pecah rumah dan lain-lain adalah seramai 4,415 orang. Pada ketika itu kalau dibandingkan dengan juvana yang ada di Malaysia mungkin peratusnya kecil tapi ia akan meningkat dan meningkat jika tidak ada pengawalan yang lebih ketat lagi. Masalah sosial ini amat membimbangkan dan merugikan negara memandangkan anak-anak muda ini merupakan generasi yang akan mewarisi negara kita. Berdasarkan perangkaan 2005 yang dikeluarkan sebagai asas perancangan pembangunan belia di dalam RMK-9, jumlah keseluruhan generasi muda yang berumur antara 15 hingga 39 tahun ialah 11.10 juta orang yang mana merupakan 41.55% daripada penduduk negara ini menjelang 2010.

Justeru, adalah menjadi matlamat RMK-9 membangunkan modal insan. Pembangunan modal insan, menuntut pembangunan insan yang memiliki kekuatan intelek, siasah, emosi dan jasmani, mempunyai jati diri yang tinggi dan bertanggungjawab. Dalam hal ini, apakah peranan yang dimainkan oleh JAKIM dalam memastikan matlamat Malaysia melahirkan modal insan kelas pertama pada 2010 tercapai. Cadangan yang hendak saya sampaikan;

- (i) Kerajaan haruslah menguatkuasakan undang-undang yang ada dan kembali kepada undang-undang al-Quran. Undang-undang yang ada tidak menyekat kesalahan-kesalahan seperti homoseksual, gay, lesbian, tukar jantina dan sebagainya.
- (ii) Penguatkuasaan undang-undang Islam dilaksanakan dengan lebih giat. Kekurangan tenaga adalah menjadi faktor kekangan kepada penguatkuasaan undang-undang ini. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu menangani masalah ini dengan kadar segera demi anak bangsa kita.
- (iii) JAKIM wajar menjalankan kerjasama yang erat dengan NGO, kementerian lain terutamanya Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan program dan kursus atau sebagainya dijalankan dapat memenuhi tuntutan rohani dan jasmani.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat tapi berkumandang dalam pemikiran saya, dia seolah-olah mendukung ideologi yang lain sikit daripada ideologi parti Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya rasa tidak Tuan Yang di-Pertua kerana bila saya sebut berpandu kepada al-Quran kerana hari ini kita tahu bahawa satu pengarah filem, dia menukarkan jantina tetapi ia tidak mendatangkan kesan kepada beliau kerana tidak langsung dihukumkan beliau sehingga beliau menjadi popular di serata dunia kerana filem yang dibuatnya. Ianya menunjukkan seolah-olah kerana dalam hukuman sivil, tidak

ada peruntukan yang boleh menjatuhkan hukuman kepada beliau. Maka hendaklah kita berbalik kepada al-Quran. Seterusnya,

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi tentang dua tiga perkara iaitu tentang seks luar tabii apa semua inilah. Jadi Yang Berhormat, dalam fakta Yang Berhormat ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ini perkara seks ini memang menarik Yang Berhormat.

[Ketawa]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Adakah Yang Berhormat ada fakta bahawa ada orang yang melakukan perkara ini dan adakah tindakan telah diambil ataupun Yang Berhormat bercakap ini saja untuk seronok saja. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tadi bercakap tentang, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi walaupun rasa kesuntukan masa tetapi masih memberi ruang kepada sahabat saya yang datang dari Penang kerana saya juga ada kekuatan di negeri Penang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dengan Tan Sri tadi berhubung dengan perkara pertukaran jantina. Saya tak tahulah yang bertukar jantina ini dia buat luar tabii ini saya tak tahulah, saya tak nampak tapi saya mengharapkan satu hukuman yang berat supaya perkara ini tidak berleluasa tambahan pula sekarang ini kes ini ditimbulkan dengan begitu besar dan orang yang dalam kes ini ataupun masih lagi dalam tuduhan ini ialah orang yang mempunyai aura yang kuat. Jadi kita bimbang generasi muda kita sangat mengagung-agungkan tapi tiba-tiba terikut jalan yang tak betul yang dibuat oleh manusia yang sedang dituduh ini.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Minta sikit laluan boleh?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tak ada masa Tan Sri. Saya tak bagi, kata dia pembangkang. Saya walau bagaimanapun saya minta maaf, saya tak dapat bagi. Seterusnya saya beralih ke isu kesihatan. Kesihatan adalah kunci kemakmuran hidup individu sihat. Hidup berkualiti dan produktif, negara bertambah makmur. Isu yang nak saya bangkitkan ialah kekurangan doktor di hospital kerajaan. Jadi saya ingin mencadangkan, saya *cut short*. Saya ingin mencadangkan,

Tuan Yang di-Pertua: *Cut short* dengan izin.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: ...dengan izin. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberikan kelonggaran kepada doktor-doktor pakar kita yang berada di luar negara bila panggil dia balik ke Malaysia, jadikan mereka doktor dan jangan dikenakan syarat dia mesti berkhidmat lima tahun dulu di hospital berkenaan baru dia boleh dilepaskan ataupun diberikan kebebasan untuk ke hospital swasta. Jadi, hari ini kita kekurangan doktor, bukan sahaja doktor di hospital kerajaan malahan doktor di peringkat swasta. Mereka yang telah bekerja sebagai doktor di luar negara lebih daripada lima tahun itu tidak perlu

menjalani perkhidmatan lima tahun *housemanship* kerana syarat *housemanship* inilah juga merupakan antara faktor yang menghalang mereka daripada kembali bekerja di negara sendiri.

Seterusnya berkenaan dengan AIDS dan kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa Malaysia merupakan negara kelima di dalam rantau Asia Timur dan Pasifik yang mencatat kadarjangkitan HIV AIDS berdasarkan statistik pada tahun 2006, lebih banyak suri rumah dijangkiti AIDS dibandingkan dengan pekerja seks dan pada masa yang sama, peratus bayi yang dilahirkan dengan HIV juga meningkat daripada 0.2% kes baru pada tahun 1991 kepada 1.4% kes bagi tahun 2005. Apakah nasib kanak-kanak ini? Bukan mereka pinta untuk dilahir ke dunia dalam keadaan begitu tapi keadaan mereka ini adalah merupakan pengajaran dan peringatan kepada kehidupan kita.

■1210

Adalah menjadi hak kanak-kanak untuk mendapatkan rawatan kesihatan dan juga menikmati hak kehidupan sebagaimana kanak-kanak yang sebaya dengan mereka. Kerajaan memperuntukkan RM4 juta setahun bagi menangani isu HIV/AIDS ini di negara kita. Persoalannya, adakah kementerian memantau dan menyalurkan bantuan dan kemudahan asas perkhidmatan rawatan dan penjagaan serta kaunseling ke atas beberapa rumah jagaan kanak-kanak yang menghidapi HIV/AIDS ini yang ditubuhkan oleh orang persendirian bagi memastikan kanak-kanak ini menerima rawatan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat beralih, Yang Berhormat agak akan mengambil masa berapa lama lagi?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sudah tidak berapa banyak lagi, setengah daripada yang telah saya cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau Yang Berhormat baru bercakap 26 minit, kalau separuh maknanya Yang Berhormat memerlukan 26 minit. Bermakna Yang Berhormat akan mengambil masa 52 minit, jadi saya minta Yang Berhormat tolong, walaupun saya syak sahaja ada Yang Berhormat baca di bawah itu dan Yang Berhormat, harapan saya dahulu arah penulis-penulis ucapan akur kepada had-had masa. Jadi ambillah *point-point* untuk diketengahkan daripada baca apa yang penulis ucapan tulis.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Penulis ucapan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi bagus, lagi mudah ambil sahaja *point* itu. Silakan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri, saya tidak perlu keluarkan fakta dia. Persoalan yang hendak saya nyatakan mengapakah berlakunya kelonggaran kawalan yang menyebabkan bekalan seperti dadah dan sebagainya boleh tembus ke dalam penjara dan saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri mewujudkan Kor Agama seperti yang dibuat di Kementerian

Pertahanan bagi memastikan pendidikan agama dan moral di kalangan pegawai-pegawai dan juga pesalah-pesalah dapat disampaikan bagi melahirkan kakitangan dan pesalah yang insaf serta bertanggungjawab dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya cadangkan di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hari ini kita tahu bahawa kita ada miskin bandar, kemiskinan kawasan bandar. Jadi saya mengharapkan kepada kementerian, kita tahu kementerian ada banyak dana, dana naik bas sekolah, dana pergi sekolah, dana sewa rumah dan berbagai-bagai-bagai lagi. Namun kalau kita ada dana sahaja, tetapi sebenarnya *target* yang diberikan oleh kementerian itu yakni miskin bandar mestilah purata pendapatan keluarga RM740.

Jadi saya ingin mencadangkan dalam dunia hari ini, untuk mendapatkan satu keluarga itu pendapatan RM740 mungkin tidak munasabah dan saya mencadangkan supaya ianya ditingkatkan daripada RM740 kepada RM1,500 kerana hari ini RM1500 pun tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini kena bayar sewa rumah, kena bayar duit sekolah dan berbagai-bagai lagi. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kementerian walaupun banyak dana yang disediakan tetapi kalau sekatan yang diberikan itu tidak dapat dipenuhi oleh masyarakat setempat maka duit itu hanya tinggal begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini yang terakhir. Kita adalah kalangan warga dunia yang dapat berbangga atas kemerdekaan dan kemajuan yang telah kita kecapai. Segala-galanya adalah hasil dari kebijaksanaan barisan kepimpinan negara. Dalam tempoh 50 tahun Malaysia merdeka, betapa warga patut bersyukur atas nikmat, atas kemuliaan, atas martabat, atas kedaulatan yang dimiliki oleh negara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rantau ini pernah mencipta sejarah hebat di era kerajaan Melaka namun keagungan Kerajaan Melayu Melaka hanya bertahan selama satu abad. Hampir 15 tahun kita dijajah dan nasib bangsa ditentukan oleh kuasa luar. Malaysia muncul kembali sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat, dihormati dan disegani. Era kegemilangan Kerajaan Melaka berjaya kita kembalikan namun kita tidak mahu kegemilangan kita sekadar berusia satu abad. Kegemilangan ini perlu kita pertahankan selama-lamanya, selagi ada bulan dan matahari.

Kerajaan Malaysia telah mencipta kejayaan terutama dalam pembangunan prasarana fizikal. Negara sedang berusaha membangunkan modal insan kelas pertama. Cabaran menjadi lebih besar untuk meningkatkan kejayaan dan nilainya, untuk itu pelbagai formula diperkenalkan. Beberapa organisasi disusun semula dan beberapa institusi baru ditubuhkan, pembangunan perisian memerlukan masa yang panjang untuk memperlihatkan hasil dasar-dasar utama dikekalkan.

Pengubahsuaian dilakukan mengikut keperluan semasa untuk menghadapi cabaran baru. Hari ini kita perlu peka akan kehadiran warga yang semakin terpelajar, warga yang lebih mendapat akses kepada maklumat, warga yang mahu melihat amalan ketelusan, amalan

demokrasi serta peranan masyarakat awam yang lebih aktif. Dunia media sedang melalui proses evolusi yang rancak bahawa maklumat kini boleh diperolehi melalui pelbagai saluran. Dalam pada itu, kita perlu mengimbangkan secara bijak antara kawalan dan keterbukaan media tanpa meruntuhkan asas kestabilan politik yang berjaya kita bina selama ini.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat media berkembang sebagai satu industri yang lebih progresif dan lebih telus, berupaya melaksanakan tugas secara berintegriti serta lebih bertanggungjawab termasuk pada suatu hari nanti mengambil tanggungjawab kawal selia melalui badan profesional yang dianggotai oleh mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memperkukuhkan dan memperbaharui kerjasama politik melalui semangat yang berlandaskan perkongsian kuasa secara tulen. Negara yang telah 50 tahun merdeka harus diperkaya dengan warga berjiwa merdeka, warga yang memiliki keyakinan, memiliki kepercayaan akan masa depan negara bangsanya, warga yang sama-sama akan mengambil tanggungjawab untuk mempertahankan kemerdekaan negaranya, warga yang hidup harmoni dalam kepelbagaian agama dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, 50 tahun yang akan datang harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga Malaysia tidak kira kaum, jantinya. Kita ingin memelihara sebuah negara yang telus bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan berlandaskan Rukun Negara, kita ingin memastikan negara terus bersatu dengan kehidupan adil lagi saksama melalui semangat kebersamaan dan perkongsian kuasa yang jitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung sekarang.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dari itu saya ingin mencadangkan supaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua perkara 34(6) di mana seseorang itu tidak boleh membaca teks ucapan melainkan dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya mohon kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlu duduk dahulu sebab peraturan mesyuarat dibangkitkan dan saya perlu buat keputusan, buat petua bukan fatwa, petua jadi petua saya ialah saya tidak nampak Yang Berhormat baca ucapan. Yang Berhormat boleh teruskan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Dari itu, saya ingin mencadangkan supaya kurikulum yang berdasar kepada sifat kesetiaan kepada negara harus diketengahkan dengan lebih drastik supaya kecintaan ini bukan sahaja untuk panduan dan dipelajari tetapi terus menusuk ke jiwa dan hati anak-anak warga Malaysia yang bakal kita tinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung sekarang.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya ingin memberi ruang kepada Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf untuk mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Lama sudah lepas.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tidak mengapa. Saya sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

■1220

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sharifah Azizah. Pertamanya memanglah saya mengucapkan syabas, terima kasih tadi kerana keberanian Yang Berhormat mengajak kerajaan ini kembali kepada al-Quran dan sunah, satu keberanian yang besar untuk menangani segala kemelut dan gejala sosial yang kelihatan tidak mampu dikawal oleh keadaan semasa. Cumanya saya hendak mengingatkan tentang bagaimana al-Quran dan sunah ini ialah menekankan proses mencegah lebih baik daripada merawat, juga beban pembuktian adalah kepada yang mendakwa. Jadi dengan sebab itu kalau bahan itu satu bahan yang kita belum pasti sama ada fitnah ataupun mengumpat, lebih baiklah kita mengelak daripada kita menyebut hal-hal yang kita tidak pasti. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat mengingatkan diri saya ataupun diri Yang Berhormat sendiri juga?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Ya.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya katakan Yang Berhormat lebih hebat kalau tidak baca. *[Ketawa]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu bangkitkan kerana saya bercakap tadi masalah penukaran jantina.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi bahawa pengisian kokurikulum dan ku-kurikulum di IPTA dan IPTS perlu diperkasakan untuk melahirkan graduan yang berkualiti. Pelajar-pelajar IPTA dan IPTS Malaysia masih kabur dengan status universiti bertaraf antarabangsa yang hendak dicapai oleh negara kita. Saya juga menyarankan supaya IPTA dan IPTS Malaysia perlu merangka strategi agar mahasiswa tetap berdaya saing di pasaran kerja dan tidak dibelenggu pengangguran meskipun dalam tekanan inflasi kita. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli, silakan.

12.23 tgh.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan rasa penghargaan yang cukup tinggi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan suatu ruang kepada saya untuk menyampaikan pandangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mewakili negeri Kelantan ya?

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Ya. Menyampaikan pandangan selaku orang baru yang dilantik di dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali saya hendak merakamkan pengucapan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah memberikan ruang dan telah memilih saya sebagai anggota kepada Dewan yang mulia pada hari ini dan pada kesempatan ini sekali lagi saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan kemungkinan ianya mengambil sebahagian daripada masa yang dikhususkan kepada rakan-rakan saya di dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak mengembalikan suasana yang ada di dalam Dewan ini kepada suatu realiti iaitu asas di dalam kesempatan kita membicarakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Asas yang pertama ialah alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT, kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana telah memberikan, menganugerahkan kepada negara kita sebagai satu negara yang telah pun dikurniakan dengan satu kedudukan geografi yang cukup baik.

Negara kita tidak pernah dilanda dengan suatu musibah besar. Negara kita tidak pernah dilanda tsunami besar, banjir besar, gempa bumi besar melainkan negara kita telah dikurniakan dengan suatu penganugerahan yang cukup baik. Negara kita telah dikurniakan dengan bentuk muka bumi yang cukup subur yang telah memberikan satu kesempatan kepada seluruh rakyat memberikan kesempatan kepada pihak kerajaan merancang serta merencana apa jua yang menjadi kebaikan kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini.

Saya juga mengambil kesempatan serta penghargaan yang cukup tinggi di atas satu kesinambungan kepimpinan negara yang telah memacu ekonomi negara yang sedikit sebanyak telah menjadi suatu keadaan kestabilan dan juga suasana rakyat di dalam negara kita ini semakin hari semakin baik, tetapi di dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan kepada saya untuk memberikan beberapa lontaran pandangan saya serta rasa terpuji untuk terlibat sama di dalam membicarakan Kajian Separuh Penggal yang telah menjuruskan kepada beberapa perkara. Di antaranya ialah meningkatkan nilai tambah di dalam ekonomi negara kita ini

Perkara yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita sering dihidangkan dan pihak kerajaan sendiri telah memberikan beberapa gagasan di dalam memacu ekonomi di dalam negara kita ini. Di antara beberapa dasar yang jelas, yang ketara yang dilaksanakan oleh beberapa agensi dan juga kementerian di dalam negara kita ini pada pandangan saya sebagai salah seorang anggota

Dewan yang mulia ini, kita perlu memberikan suatu pengharapan supaya setiap kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan di dalam negara kita ini bagi memastikan ia berjalan sebagaimana yang dirancang.

Saya hendak bagi satu contoh, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha mengembalikan negara kita sebagai, dengan izin, *agrobases* misalnya, rakyat sering dihidangkan dengan pelbagai program. Saya masih lagi teringat kepada beberapa dasar yang pernah dikemukakan oleh pihak kerajaan sebelum daripada ini. Agensi ataupun Jabatan Pertanian misalnya pernah mengamalkan beberapa dasar ataupun rancangan dan melaksanakan beberapa dasar kepada rakyat dan dihidangkan kepada rakyat.

Di antaranya ialah Sistem Buku Hijau suatu ketika dahulu. Di antaranya ialah Sistem Dua L di bawah Jabatan Pertanian. Beberapa ketika pula agensi dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pernah mengutamakan beberapa slogan di dalam memastikan setiap rakyat yang ada di dalam negara kita ini melaksanakan serta membentuk suatu kepatuhan terhadap dasar yang dikemukakan oleh pihak kementerian dan juga jabatan.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah kita tidak hendak kepada pihak kerajaan dan juga agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang ada di dalam negara kita ini seolah-olah melaksanakan satu dasar sebagai satu dasar secara spontan, tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah yang dialami oleh pihak rakyat jelata. Pada hari ini misalnya, kita ambil contoh satu ketika dahulu rakyat telah diarahkan supaya menanam buah-buahan, maka seluruh rakyat jelata telah menanam pokok buah-buahan. Pokok getah ditebang supaya ditanam pokok buah-buahan, tetapi sampai ke hari ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri tidak dapat menyelesaikan.

■1230

Tidak ada suatu mekanisme bagaimana dapat menyelesaikan masalah longgokan bekalan buah-buahan sama ada daripada Jabatan Pertanian, FAMA dan sebagainya sehinggakan rakyat bawahan merasakan terpinggir. Suatu ketika digalakkan penanaman pokok buah-buahan seperti rambutan, durian dan sebagainya tetapi pada hari ini jualan buah-buahan, durian, rambutan, duku, dokong dan sebagainya dijual secara longgok dan tidak menimbulkan apa-apa kesan positif kepada pendapatan petani. Apa yang saya hendak cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah supaya setiap pelaksanaan dasar dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan sama ada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau Kementerian Pembangunan Wilayah sepatutnya mengambil kira kepada masa depan dan realiti yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah kita melihat juga beberapa jawapan daripada pihak kerajaan sebelum daripada ini telah ditimbulkan beberapa projek agropolitan bagi melaksanakan program pembangunan khususnya dalam bidang pertanian ini. Sepatutnya pihak kerajaan sendiri mestilah menyediakan suatu perencanaan khusus kerana kita sedar

bahawasanya di dalam masa kita melaksanakan dasar *federalism*, pembahagian kuasa, pengagihan kuasa, senarai bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga dengan kerajaan-kerajaan negeri yang ada, bahkan kita lihat bahawa dari segi realiti yang ada di dalam setiap negeri, peranan dan agensi daripada kementerian dan pihak persekutuan adalah lebih besar di dalam menentukan hal tuju dan pelaksanaan dasar pembangunan wilayah dan juga pembangunan pertanian.

Misalnya, hampir 80% di dalam negeri Kelantan telah dikuasai oleh tiga agensi Kerajaan Persekutuan. Dari segi pertanian, Kerajaan Persekutuan memiliki Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Dari segi pembangunan wilayah, Kerajaan Persekutuan memiliki wilayah yang dikenali sebagai KESEDAR. Dengan erti kata yang lain ruang lingkup pembangunan wilayah dan sektor pertanian di setiap negeri melebihi 80% adalah dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan.

Begitu juga di dalam konteks negeri Kedah, pembangunan wilayah yang diwakili oleh LADA, pembangunan pertaniannya diwakili oleh MADA, selain daripada beberapa agensi yang cukup besar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *giant*, agensi yang mempunyai kekuatan terutama sekali yang mempunyai kekuatan terutama sekali FELDA, FELCRA dan sebagainya yang menguasai sebahagian besar daripada negeri-negeri di Pahang, Johor dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah pelaksanaan pembangunan wilayah dan juga pembangunan sektor pertanian umpamanya padi, dalam konteks khusus padi. Kita sedar jawapan daripada pihak kerajaan suatu hari yang lepas, negeri Kedah dan Perlis sahaja telah memberikan suatu sumbangan dianggarkan 37% daripada sumbangan beras kepada negara. Namun, apa yang saya hendak timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah setelah lebih daripada 50 tahun kita mencapai kemerdekaan negara, kita memerdekakan serta mendaulatkan negara kita ini daripada belunggu penjajah, tetapi pada hari ini saya masih lagi meletakkan kegagalan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Gagal dalam sudut penemuan sumber baru, dari segi teknikal baru bagaimana mengeluarkan hasil padi yang lebih lumayan. Kita pernah melihat beberapa contoh di negara luar dalam dunia ini, negara Holland misalnya. Negara ini tidak melibatkan ramai petani tetapi berjaya mengeluarkan sumber hasil pertanian yang cukup tinggi, bahkan berlipat kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti hujah Yang Berhormat dan saya cuba memahami. Adakah Yang Berhormat bermaksud kalaulah pun pincang, adakah kepincangan dan kurang pencapaian ini berpunca daripada pembahagian kuasa di bawah perlembagaan, penguasaan terlalu luas tanah melalui agensi-agensi seperti Yang Berhormat huraikan tadi ataupun kepincangan dalam pelaksanaan?

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjelaskan pandangan ini. Saya tidak nampak dari segi kepincangan pembahagian kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya yang perlembagaan bagi kuasa itu sudah betul?

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Betul. Apa yang saya nampak ialah saya mengambil suatu ruang di dalam Dewan yang mulia ini supaya setiap kementerian dan agensi yang telah digubal oleh pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet masing-masing supaya dapat berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan matlamat asal kementerian berjalan sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berapa tahun lagi kita perlu tunggu dari sudut untuk melipatgandakan lagi hasil perhatian di dalam negara kita? Misalnya hasil padi, berapa tahun lagi kita perlu tunggu dan berapa lama lagi kita perlu setanding dengan pengeluaran padi dan juga beras setanding dengan negara Thailand? Begitu juga, berapa tahun lagi kita perlu tunggu supaya bidang pertanian negara kita ini setanding dengan negara Taiwan dan juga Holland? Rakyat sering kali diperdengarkan nyanyian dan juga lagu-lagu yang cukup enak tetapi sampai di suatu peringkat kita memerlukan suatu perasaan sesesungguhnya supaya kita dapat menyelamatkan kaum petani yang ada di dalam negara kita ini.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang berucap orang Kelantan, yang minta laluan orang Kelantan, kebetulan menteri pun orang Kelantan. Silakan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih. Saya hendak tahu apa yang kementerian buat selama ini adakah tidak berjaya? Pendapatan padi buat masa kini adalah di antara 10 hingga 13 metrik tan dan lengkap dengan *machinery* nya yang kalau dahulu boleh dikatakan 80% padi yang masuk ke dalam mesin tetapi sekarang ini hingga ke 98% - 99% hasilnya. Maksudnya padi-padi yang kita ambil itu tidak ada yang terbuang ataupun terbazir. Adakah dengan 10 hingga 13 metrik tan itu tidak mencukupi, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa dalam pandangan ini di antara kita tidak perlu *allergic*, mohon izin. Yang saya nampak ialah dari sudut pengeluaran sekarang ini kerana saya mempunyai satu data yang cukup. Bukan saya menafikan kejayaan kita tetapi kita telah pun melangkaui lebih daripada 50 tahun kemerdekaan negara kita. Saya faham semasa dahulu hasil pengeluaran padi ataupun dari segi pengeluaran hasil lebih kurang 3.4 metrik tan setiap hektar dan sekarang telah pun menjangkau lebih kurang 5.4 metrik tan setiap hektar.

■ 1240

Alhamdulillah, tetapi saya mempergunakan Dewan ini ialah untuk kita terus mempertingkatkan lagi supaya pergantungan kita kepada import beras negara dan kita ke arah untuk membentuk suatu bekalan makanan yang mencukupi di dalam negara kita. Maka, kepada saya Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak salah untuk saya menyuarakan supaya kita terus

mempertingkatkan ke arah negara kita lebih berdikari kerana setakat ini kita masih lagi mempunyai pergantungan kepada beras import daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kita mesti mengambil kira suatu kemerosotan di kalangan rakyat, penglibatan kepada menjadi petani di dalam negara kita. Kita sedar kalau dahulu lebih kurang 63,000 yang terlibat secara langsung sebagai petani dalam bidang pengeluaran padi tetapi pada hari ini kemerosotan jumlah kekurangan sampai kepada 48,000 orang petani. Itu pun tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua kerana kota sering kali akan dapat dibantu dengan sumber teknologi dan penemuan-penemuan baru yang kelak akan menimbulkan suatu pengeluaran hasil yang lebih baik untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ingin saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah kenaikan harga barangan. Kita sedar kenaikan minyak di pasaran global telah pun mempengaruhi kenaikan minyak di dalam negara kita. Meskipun sebahagian daripada kita terpaksa memahami perkara ini dalam keadaan yang cukup berat. Negara kita sebagai salah satu daripada pengeluar minyak yang sedikit sebanyak kepada kita tidak dapat menerima soal kenaikan harga minyak di dalam negara kita yang agak tinggi.

Apa yang saya maksudkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua ialah, kita sering mendengar ucapan daripada kerajaan bahawasanya subsidi dilaksanakan dengan pelbagai peringkat kepada rakyat. Kita bersyukur kerana pemberian subsidi telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Apa yang saya hendak timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini, kita mempunyai pakar ekonomi, kita mempunyai pakar perancang tetapi apa yang berlaku di dalam setiap dasar yang dikemukakan kepada kita kebanyakannya adalah merupakan suatu dasar kejutan kepada setiap rakyat yang ada di dalam negara.

Kenaikan harga minyak misalnya telah dilaksanakan dengan secara mengejut sehinggakan tidak ada suatu persediaan di kalangan rakyat jelata. Kenaikan harga minyak misalannya dilaksanakan dengan secara mengejut bahkan terfikir seolah-olahnya tidak ada suatu persediaan daripada pihak kerajaan. Kesan daripada kenaikan harga minyak, kerajaan pernah menyebut sehinggakan gaji dan elaun kakitangan kerajaan supaya diberikan dua kali dalam sebulan. Selepas itu, pihak kerajaan menarik balik, seolah-olah kerajaan sendiri tidak bersedia dengan kenaikan harga minyak walhal ianya sepatutnya dikemukakan kepada rakyat lebih awal daripada itu.

Kepada saya Tuan Yang di-Pertua ialah supaya tidak ada kerahsiaan di dalam bidang pembangunan ekonomi di dalam negara kita ini tidak ada suatu rahsia di dalam rahsia.

Oleh sebab itulah, saya cukup akur dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua dan saya lihat perbahasan sahabat-sahabat saya di dalam Dewan yang mulia pada hari ini dan sebelum daripada itu telah menggambarkan suasana bahawasanya setiap kerahsiaan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sendiri sepatutnya memberikan suatu amaran awal tentang kenaikan harga minyak.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di peringkat ini saya akan beri kebenaran. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat telah berucap selama 23 minit. Kita pun tidak jangka begitu lama masa sebab minat mengikuti hujah-hujah Yang Berhormat. Cuma peringatan saya, memandangkan apa yang saya beri panduan tadi Yang Berhormat telah berucap selama 23 minit. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Rusli. Baru-baru ini ada pihak menyarankan bahawa minyak boleh diturunkan dengan kadar RM0.50 dan banyak orang menyanggah pandangan itu. Yang terbaru Pengerusi Petronas yang pertama, Yang Berhormat Mulia Tengku Razali juga mengutarakan bahawa ada cara dan kaedah supaya minyak ini boleh diturunkan. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat, adakah bersetuju bahawa kerajaan sekarang seharusnya mengambil tindakan yang juga mengejutkan untuk menurunkan harga minyak bagi meringankan beban rakyat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat perdebatan dari segi kenaikan dan penurunan harga minyak telah menimbulkan satu polemik yang cukup berleluasa di dalam negara kita ini.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua sebagaimana saya sebutkan di awal ucapan saya tadi iaitu kita sedar bahawasanya pihak kerajaan sendiri telah menghulurkan beberapa subsidi saban hari kepada rakyat. Kemungkinan besar di masa hadapan pula, pihak kerajaan akan terus memberikan subsidi untuk menampung dengan kenaikan minyak di dalam negara kita. Maka, jawapan ini Tuan Yang di-Pertua adalah tidak mustahil untuk kita menurunkan harga minyak.

Ini kerana kalau dihipunkan sejumlah subsidi yang dikemukakan oleh pihak kerajaan, kesan daripada kenaikan harga minyak itu sendiri kalau dihipunkan keseluruhan subsidi kerajaan pada hari ini ianya sudah cukup untuk menurunkan sebahagian daripada kenaikan harga minyak baru-baru ini. Ini kerana, saya kira penurunan harga minyak ini adalah lebih mustahak daripada subsidi yang dikemukakan oleh pihak kerajaan pada hari ini. Sebabnya Tuan Yang di-Pertua ialah kesan daripada kenaikan harga minyak ini boleh dikatakan suatu kebanjiran besar melanda seluruh rakyat dan setiap peringkat di dalam negara kita. Bahkan, pemberian subsidi daripada pihak kerajaan ini sedikit sebanyak ianya tidak dapat memenuhi ruang lingkup secara 100% daripada seluruh rakyat yang ada di dalam negara.

Ini bererti, kalau kita himpunkan subsidi-subsidi ini dan ditokok tambah ke atas nilai penambahan kepada kenaikan harga minyak, saya penuh yakin ianya akan memberikan kesan

nilai faedah sut yang lebih tinggi kepada rakyat jelata dan kuasa beli rakyat insya-Allah ianya akan lebih besar daripada apa yang kita alami pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini ialah untuk menyebut beberapa dasar kerajaan. Saya yakin dengan program yang dilaksanakan sebagai suatu dasar menyeluruh misalnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah ECER kepada Pembangunan Koridor Pantai Timur, NCER dan Wilayah Pembangunan Iskandar.

■1250

Kita harap ketiga-tiga projek pembangunan ekonomi ini akan memberikan suatu kesan positif kepada rakyat secara keseluruhan. Akan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini izinkan Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyebut, bahawasanya setakat pada hari ini, di dalam pembangunan ECER misalnya, kita masih lagi berada di peringkat awalan dan kesan secara menyeluruh masih lagi tidak dirasai oleh sebahagian besar daripada rakyat tentang pembangunan ECER.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benarkan Yang Berhormat berucap sehingga pukul 1 petang, maknanya pada ketika itu Dewan akan ditempokkan. Jadi Yang Berhormat bolehlah habiskan ucapan sebelum pukul 1 petang. Silakan.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala rendah hati memohon dan merayu kepada pihak kerajaan supaya gagasan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Pusat di dalam melaksanakan ECER, NCER dan juga Wilayah Pembangunan Iskandar misalnya. Bahkan dengan secara menyeluruh dari segi dasar-dasar kerajaan yang dikemukakan kepada kerajaan-kerajaan negeri di dalam negara kita ini, biarlah sampai kepada matlamatnya. Kita tidak hendak ia menjadi suatu projek kemegahan, menjadi suatu projek impian, tetapi ia tidak merupakan satu realiti kepada setiap rakyat yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita merasa bangga dengan penganugerahan. Kita merasa bangga dengan program yang dilancarkan oleh pihak kementerian di setiap tahun, tetapi dalam masa yang sama saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Bersesuaian dengan perbelanjaan yang kita keluarkan, bersesuaian dengan program yang kita laksanakan.

Saya lihat beberapa penganugerahan sebelum daripada ini tidak mendapat tempat yang sewajarnya daripada pihak kementerian. Sepatutnya, kejayaan serta penemuan baru, ianya harus digemblengkan oleh pihak kementerian bersama dengan kementerian-kementerian lain, membina kepakaran kepada setiap penganugerahan, membina sumber-sumber baru berdasarkan penemuan baru daripada usahawan-usahawan kita. Gembleng sama dengan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan sebagainya bagi memastikan bahawa setiap penemuan baru ini menjadi satu aset yang cukup berharga kepada negara. Kita pernah melihat beberapa suasana yang berlaku sebelum daripada ini di mana anak-anak kita yang

dilahirkan, dikurniakan oleh Allah SWT dengan kecerdikan minda yang cukup luar biasa, tetapi terpinggir akibat daripada tindakan susulan daripada pihak yang bertanggungjawab tidak dilaksanakan.

Kita tidak mahu setiap tahun dianugerahkan dengan berbagai-bagai anugerah daripada pihak kementerian, tetapi tindakan susulan daripada pihak kerajaan tidak dilaksanakan. Bahkan mengabaikan setiap penemuan baru yang dikemukakan oleh sekumpulan, sekelompok ataupun daripada pihak syarikat yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Suatu jawapan yang cukup telah diberikan oleh pihak kementerian dan di dalam ruang yang cukup sempit pada pagi ini, saya ingin menyampaikan rasa hati saya iaitu berhubung dengan pembelaan secara bersungguh-sungguh kepada golongan orang kurang upaya atau OKU. Meskipun pada hari ini pihak kementerian telah melaksanakan tanggungjawab, tetapi usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kementerian haruslah juga dengan mengambil kira penglibatan pihak swasta terhadap pembelaan kepada golongan orang kurang upaya.

Saya hendak bagi contoh secara spesifik Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya kepada syarikat-syarikat swasta memberikan suatu ruang yang mencukupi kepada orang kurang upaya ini supaya ianya terbela. Kita hendak ambil suatu contoh iaitu penjaga tol di lebuh raya. Penjaga tol bukanlah melibatkan suatu kekuatan fizikal. Penjaga tol bukan melibatkan suatu kelayakan akademik yang cukup tinggi. Apa salahnya memberikan suatu ruang yang mencukupi kepada orang kurang upaya. Golongan yang kurang pendengaran, golongan yang cacat anggota kerana kerja dan tugas sebagai penjaga tol bukan memerlukan sesuatu kekuatan fizikal. Meskipun sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tingginya kepada *Kentucky Fried Chicken* kerana telah melaksanakan suatu langkah yang cukup baik, kerana memberikan suatu ruang kepada golongan orang kurang upaya menjadi jurujual di dalam setiap restoran KFC yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita lihat dalam usaha kita meningkatkan nilai tambah di dalam ekonomi negara kita, di antara beberapa usaha dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah untuk mencapai matlamat guna tenaga penuh di dalam negara kita. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di dalam muka surat 25, jawapan daripada pihak kerajaan cuba memberikan suatu gambaran, matlamat guna tenaga penuh di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada di dalam negara kita ini, sehingga 31 April 2008, seramai 155,065 orang yang telah berdaftar secara aktif dengan *Electronic Labour Exchange*, dengan izin. Daripada jumlah ini Tuan Yang di-Pertua, seramai lebih kurang 72,127 orang yang mewakili lebih kurang 46.5% yang sedang mencari pekerjaan pada hari ini ialah daripada golongan yang memiliki ijazah dan juga diploma. Manakala pencari kerja bukan siswazah ialah dianggarkan lebih kurang 82,938 orang yang mewakili lebih kurang 53.5%.

Saya suka mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, meskipun negara kita mencapai dan juga bertepatan dengan definisi dengan izin ILO, tetapi dari segi jumlah pengangguran di kalangan siswazah dan bukan siswazah di dalam negara kita ini, nilai dan angka ini adalah cukup membimbangkan pada kita Tuan Yang di-Pertua.

Saya pohon izin daripada Dewan yang mulia ini, supaya sektor pembuatan, sektor perkhidmatan yang ada di dalam negara kita ini dan khususnya pihak kerajaan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan peluang dan juga ruang kepada siswazah-siswazah untuk mengelakkan daripada menganggur. Bahkan saya suka mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Skim Khidmat Lepas Graduan yang pernah ditamatkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2006 yang lalu, apa salahnya memberikan sekali lagi ruang kepada para siswazah kita yang menganggur, untuk mengambil peluang mencari pekerjaan sementara mendapat suatu pekerjaan yang tetap.

Di atas perintah Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan ruang yang pertama saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan sekiranya terdapat ucapan yang menyinggung mana-mana pihak, itu adalah merupakan satu kelemahan kepada diri saya. Sekiranya pandangan ini dapat diambil sebagai suatu iktibar, kita harap Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak akan mengajar saya untuk membentuk siasah peribadi untuk melahirkan pandangan dan lontaran di dalam Dewan ini. Wabillahitaufek walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

2.32 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Selamat petang Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya di dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bagi mengambil bahagian dalam membahaskan satu usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Amirsham bin A. Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 16 Julai 2008 di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan yang diberikan ini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan. Ini kerana telah melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja berupaya mengekalkan kestabilan negara serta pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, malah dapat terus meningkatkan daya saing negara.

Kejayaan ini jelas terserlah melalui pelbagai pencapaian yang disenaraikan dalam kertas pembentangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kertas pembentangan telah membuktikan bahawa kelima-lima teras Misi Nasional yang menjadi satu rangka kerja yang dicetuskan oleh pihak kerajaan untuk menjadi panduan dalam membangunkan sosioekonomi negara amatlah berjaya dan membanggakan. Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan usul ini, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan Teras Kedua Misi nasional, iaitu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa jurang pencapaian akademik masih wujud antara sekolah di luar bandar dengan bandar terutamanya dalam Matematik, Sains dan bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tujuan ini iaitu sebanyak RM13.45 bilion sebagai langkah merapatkan jurang pencapaian akademik antara pelajar sekolah luar bandar dengan bandar.

Iaitu dengan menaik taraf infrastruktur sekolah, menambah baik pelaksanaan program intervensi awal, iaitu program pemulihan untuk tahun satu dan program penguasaan 3M untuk Tahun Empat dan Tahun Enam dipergiatkan. Menyediakan kemudahan ICT atau mempertingkatkan projek pengkomputeran bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih kondusif.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting dalam soal ini adalah tenaga pengajar, yakni guru-guru yang betul-betul sanggup korbankan segala-galanya yang lebih berpengalaman dan lebih bertanggungjawab terhadap tugasannya sebagai seorang guru yang memahami betul-betul tema hari guru tahun ini, iaitu "Guru Cemerlang, Negara Terbilang". Tema ini yang membawa mesej jelas bahawa kecemerlangan guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan juga membina serta membangunkan pelajar adalah amat penting dan berkait rapat dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara terbilang setanding negara mahu lain di dunia.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kerajaan menggalakkan kewujudan tenaga pengajar atau guru-guru seumpama ini? Sebagaimana kita semua sedia maklum dan lazimnya, guru atau pun cikgu yang ditetapkan untuk mengajar di luar bandar atau pun kawasan pedalaman, selalunya akan datang jumpa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bukan untuk apa Tuan Yang di-Pertua, hanya untuk mendapatkan surat sokongan yang beralasan supaya mereka tidak dihantar untuk mengajar di luar bandar atau pun kawasan pedalaman. Maka saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah penyediaan insentif dan latihan khusus kepada guru-guru terutamanya bagi menggalakkan dan menambahkan minat mereka dan sekali gus meningkatkan bilangan guru untuk berkhidmat di sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan, adakah Kementerian Pelajaran menyediakan program-program untuk membantu guru mengekalkan etika dan moral keguruan. Saya bangkitkan isu ini kerana saya berharap besar supaya profesion perguruan terus dipandang mulia oleh masyarakat sekali gus membolehkan guru melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini, banyak isu atau pun insiden yang dipaparkan di kaca TV mahu pun media cetak; kes guru bertindak di luar batasan, malah ada yang didakwa merogol pelajar. Pertanyaan saya, berapakah bilangan guru seperti ini yang telah dapat dikenal pasti dan jenis tindakan yang dikenakan terhadap mereka? Saya amat mengambil berat dan berharap tinggi supaya kerajaan juga dapat memberi perhatian khusus terhadap guru-guru yang terbabit dengan insiden-insiden di luar batasan ini. Seperti yang kita sedia maklum, seorang guru mestilah bermoral tinggi, bertanggungjawab, rajin, berprestasi baik dan ikhlas berbakti untuk melayakkan dirinya untuk menjadi seorang warga pendidik.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed: Minta laluan ,Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak berikan laluan, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, Teras Kedua Misi Nasional ini juga, pihak kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Di samping itu, sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil juga akan terus dibantu dan dipertingkatkan.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon jasa baik kerajaan supaya membantu dan mempertingkatkan sekolah-sekolah bahasa Siam, tak sempat saya nak cakap, yang dah cakap, dia faham isi hati saya. Sekolah bahasa Siam yang diwujudkan di rumah-rumah ibadah bagi kaum Siam yang dipanggil Wat Siam di seluruh negara. Ini kerana institusi ini telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan modal insan bagi kaum minoriti Siam di negara ini.

■ 1440

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun pernah memberi bantuan kepada Sekolah Bahasa Siam di Kampung Pok Kiang, Terengganu, Besut. Tuan Yang di-Pertua saya memohon ihsan supaya pihak kerajaan memberi bantuan kewangan tetap kepada pentadbiran sekolah-sekolah tersebut. Jumlahnya tidaklah sebanyak peruntukkan yang diberikan kepada sekolah aliran Cina dan Tamil. Di atas keprihatinan dan persetujuan pihak kerajaan dalam hal ini saya bagi pihak 60,000 masyarakat keturunan Siam dari seluruh negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua hampir setiap negara melakukan pelbagai inisiatif untuk memantapkan sistem pengajian tinggi masing-masing. Inisiatif pemantapan pengajian tinggi dirangka kerana teras pembangunan semasa semakin bergantung kepada ekonomi berasaskan

pengetahuan menerusi modal insan kelas pertama. Dari segi prinsip, inisiatif dan modus operandi tersebut tidak banyak berbeza kerana teras kecemerlangan pengajian tinggi di mana sahaja tanpa mengira status negara membangun ataupun maju adalah sama sahaja. Iaitu komuniti akademik cemerlang, kepimpinan dinamik dan dasar proaktif, sistem penyampaian efektif dan efisien. Menyedari hakikat itu saya amat mengagumi pemimpin utama negara kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara atau dengan ringkasnya ialah PSPTN pada 27 Ogos pada tahun lepas yang menjadi asas kukuh kepada transformasi pengajian tinggi negara.

Susulan daripada itu pada 13 Jun lalu Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi melancarkan pula dengan Pelan Transformasi Pengajian Tinggi untuk menggariskan langkah konkrit bagi melaksanakan PSPTN dan mengangkasa prestasi institusi pengajian tinggi ataupun IPT mendampingi pencapaian universiti ternama dunia. Pelan transformasi itu memberi penekanan terhadap kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi menerusi tujuh teras strategik PSPTN iaitu:-

- (i) meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
- (ii) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
- (iii) memperteguh penyelidikan dan inovasi
- (iv) memperkasakan IPT
- (v) mempergiat pengantarabangsaan
- (vi) membudaya pembelajaran sepanjang hayat
- (vii) memperkukuh sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi

Ketujuh-tujuh teras ini juga memberi tumpuan kepada penggembleran sumber manusia dengan sinergi kepakaran lama sedia ada dan baru dan penyediaan struktur info yang tepat sudah kemas kini. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pelancaran PSPTN tahun lalu adalah seiring dengan usaha merealisasikan Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan serta untuk menjadikan Malaysia sebagai hak kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa di rantau ini. Persoalan saya adalah adakah ahli akademik memahami betul-betul transformasi dan bersedia melakukan anjakan paradigma menjadi sarjana kelas dunia dan menjadi Malaysia sebagai hab pengajian tinggi antarabangsa. Kerana pada hemat saya adalah mustahil untuk kita mencapai kelas Harvard jika kewibawaan ahli akademik hanya setakat kelas New Castle. Walaupun disediakan dengan gaji, prasarana dan kemudahan lebih hebat daripada Harvard.

Saya sangat setuju sekali dengan satu petikan daripada rencana yang dituliskan oleh Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang, Timbalan Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia dalam akhbar Berita Harian. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah strategik yang dirancang pihak kerajaan bagi mempersiapkan iklim dan persekitaran sesuai bagi ahli akademik supaya dapat memahami dan menghayati tujuan pelancaran transformasi oleh Menteri Pengajian Tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, belia adalah kumpulan penting dalam masyarakat dan mewakili sebahagian besar penduduk dengan golongan berusia 15 hingga 39 tahun. Ini merangkumi 41.5% daripada jumlah rakyat negara ini berdasarkan perangkaan 2005. Dalam tempoh 2006 hingga 2010 golongan belia dijangka meningkat pada kadar purata 1.1% setahun. Daripada 11.10 juta pada tahun 2005 kepada 11.65 juta pada tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua pada masa kini indeks kes jenayah yang membabitkan belia seperti penagihan dadah, sumbang muhrim dan rogol menunjukkan peningkatan yang amat ketara. Penagih dadah di kalangan belia meningkat daripada 24,940 kes pada tahun 2001 kepada 41,684 kes pada tahun 2005. Manakala kes rogol meningkat daripada 662 kes pada tahun 2001 kepada 919 kes pada tahun 2005. Ini belum lagi mengambil lain masalah sosial lain seperti lumba haram, melepak, kegiatan samseng, keganasan, buli, pengedaran dadah, perzinaan, pelacuran, merokok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini saya dikejutkan dengan satu berita yang dipapar di muka surat pertama akhbar Metro di mana 16 belia dan beliawanis telah diberkas kerana berpesta seks. Saya ingat Pesta Loy Krathong, Pesta Songkran, seks pun boleh dipestakan, pesta seks di salah sebuah pangsapuri di Kajang Utama. Mereka adalah terdiri daripada empat gadis berusia 13, 16, 18 dan 19, masih bersekolah. Dan 12 lelaki yang berusia 19 hingga 20 tahun dan juga masih menuntut di kolej yang berdekatan. Agak mengejutkan lagi apabila terdapat beberapa botol minuman keras berada di ruang tamu kediaman tersebut dan mulut beberapa remaja lelaki serta dua perempuan yang berada di situ turut berbau arak.

Apabila ditanya mengapa mereka melakukan perbuatan terkutuk itu? Belia dan beliawanis terbabit secara selamba dan sinis menjawab, mahu menikmati syurga dunia, cari syurga dunia. Pesta seks boleh cari syurga dunia ke Yang Berhormat Datuk Syed Ali? Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab apa Yang Berhormat menghala ke Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali itu?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua minta laluan Tuan Yang di-Pertua, dia sudah sebut nama saya, saya hendak kena cakap sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya silakan Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun...

Puan Siw Chun a/p Eam: Silakan, silakan. Saya tersebut sahaja, "ter".

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya tengok dia pandang saya, terus dia sebut Tuan Yang di-Pertua, dia sebut nama saya. Walau macam mana pun memang saya hendak bangun hendak menanyakan kepada Yang Berhormat. Kita sudah dengar tentang gejala seks ini sekarang pesta seks, keruntuhan moral, akhlak anak-anak zaman sekarang ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormatlah. Banyak perkara kita bawa

dalam Dewan Negara ini, tidak akan kita hendak suarakan, hendak minta kerajaan, kementerian dan sebagainya melihat anak-anak ini.

Masalahnya hari ini yang terjadi kepada remaja kita, kita lihat juga menjadi tanggungjawab ibu bapa. Sudah banyak kali Tuan Yang di-Pertua, saya dok cakap hal ini supaya ibu bapa juga harus memainkan peranan. Tadi saya dengar remaja berumur 13 tahun, 12 tahun, 13, 14, 15 hingga 18 tahun, ini masih lagi di bawah jagaan ibu bapa. Takkanlah mak bapak tidak risau Tuan Yang di-Pertua, anak dia tidak balik rumah ke ataupun tidur di rumah kawan, ini tanggungjawab mak bapak. Janganlah segala-galanya dibebankan kepada kementerian ataupun jabatan yang bertanggungjawab, kena pi tengok. Kerana ibu bapa yang melahirkan anak tersebut adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa juga untuk memantau anak-anak ini.

■1450

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalaulah setiap kali gejala sosial ataupun dadah dan sebagainya, kita minta agensi-agensi, apa peranan ibu bapa dalam hal ini? Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya amat setuju. Saya terpanggil nama Yang Berhormat Syed Ali, Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau duk pandang saya. *[Ketawa]*

Jadi, terpaksa saya sebut nama beliaulah. Jadi saya amat setuju sekali Tuan Yang di-Pertua, atas apa yang disarankan oleh sahabat saya iaitu tanggungjawab menjaga anak-anak ini jangan, apa orang kata, biarkan kepada pihak orang lain. Bila kita menuding jari kepada pihak lain, tiga jari tunjuk kepada diri kita sendiri. Itu dia. Saya amat setuju. Jadi, ibu bapa hati-hatilah masa menjaga anak sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan insiden sedemikian, insiden itu tadilah, pesta seks itu, pada khidmat saya, dalam usaha melahirkan modal insan bertaraf dunia, negara bukan sekadar memerlukan rakyat berpengetahuan dan berkemahiran dan inovatif, malah belia juga perlu dilengkapi dengan etika kerja positif dan nilai kerohanian. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya program pembangunan modal insan untuk belia, perlu memberi penekanan kepada aspek etika nilai moral dan kerohanian yang utuh.

Program berteraskan moral dan etika perlu menjadi asas penting di semua peringkat perancangan dan pelaksanaan program pembangunan untuk belia sebagai melengkapkan pembangunan fizikal memandangkan kemajuan dan kesejahteraan negara pada masa depan sebahagian besarnya bergantung kepada belia kerana mereka adalah aset dan potensi utama untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum dan juga etnik-etnik yang terdapat di dalam negara kita bukanlah satu perkara yang mudah. Tidak gunanya negara kaya dengan sumber alam semula jadi tetapi gagal mencapai kesepaduan antara rakyat. Kestabilan kemajuan dan kemakmuran di dalam negara kita boleh wujud, tak lain tak bukan

adalah disebabkan kematangan politik dan keberkesanan kerajaan. Namun, kita jangan lupa ini adalah hasil permuafakatan serta kerjasama erat antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, ada unsur yang nampak ketara mengenai beberapa perbezaan seperti persoalan ketuanan Melayu, raja Melayu dan tempat beribadat yang mula dipersoalkan dan yang membangkitkan isu-isu ini bukanlah dari generasi muda dan ini memperlihatkan bahawa jurang perpaduan antara pelbagai kaum masih belum begitu serasi. Maka, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Apakah strategi kerajaan supaya apa yang dilemparkan serta diutarakan itu tidak akan menjadi ikutan atau pembentukan kepada anak bangsa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penghayatan dan pemahaman mendalam mengenai fakta yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara dijadikan asas kepada pengukuhan perpaduan, perhubungan kaum dan integrasi nasional. Apakah perancangan dan pendekatan pihak kerajaan bagi menangani isu atau perasaan anti perpaduan yang ditimbulkan dan digembar-gemburkan oleh segelintir pemimpin-pemimpin pada masa sekarang sekali gus mengikis prasangka antara kaum ataupun etnik di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan khususnya kepada menteri yang baru menerajui kementerian itu iaitu Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie Apdal, kerana telah memberi perhatian dan memberi kerjasama yang begitu erat dengan sektor swasta, badan bukan kerajaan iaitu NGO dan pelajar-pelajar bagi meningkatkan pengukuhan perpaduan di dalam negara ini.

Cuma satu ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian. Berapakah bilangan program yang akan dilaksanakan melalui program merakyatkan seni budaya sepanjang tahun 2008 sehingga 2010 iaitu dalam jangka masa tiga tahun ini? Bolehkah pihak kementerian mengambil kira dan memasukkan dalam senarai program kebudayaan dan kesenian kumpulan etnik ataupun kaum minoriti yang dikategorikan kaum minoriti dalam negara ini seperti Pesta Loy Krathong ataupun Pesta Songkran bagi kaum Siam dalam negara ini, bagi memastikan kebudayaan dan kesenian kami akan kekal dan tidak hilang ditelan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, secara purata, hospital kerajaan di Semenanjung kekurangan 40% doktor, manakala di Sabah dan Sarawak kurang 60%. Ini menunjukkan kita menghadapi masalah kekurangan doktor yang agak serius. Apakah perancangan dan pendekatan drastik yang akan diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam menangani masalah yang dihadapi ini?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pernah mewujudkan skim menggalakkan pakar perubatan tempatan berkhidmat di luar negara kembali ke Malaysia. Persoalannya, apakah insentif dan keistimewaan yang telah ditawarkan dalam skim ini dan bagaimanakah sambutannya? Setakat ini, berapakah bilangan pakar perubatan yang telah berjaya kembali dan berkhidmat di tanah air tercinta ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah bilangan hospital kerajaan dan hospital swasta yang terdapat di dalam negara kita setakat ini? Berapakah jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk digunakan bagi pembangunan modal insan seperti menekankan aspek penyayang, kerja berpasukan yang diserapkan ketika menjalankan tugas. Apakah strategi yang telah diatur oleh pihak kementerian supaya mampu berdaya saing dengan hospital swasta?

Tuan Yang di-Pertua, kecuaiian di kalangan pakar perubatan ataupun jururawat menjadi di antara isu yang kerap ditemui di hospital kerajaan sehingga menyebabkan berlaku kematian dan juga kecacatan di kalangan pesakit dan hospital kerajaan terpaksa menghadapi tindakan undang-undang. Soalan saya, berapakah bilangan kes-kes seperti ini setakat ini bagaimanakah isu ini dapat ditangani secara lebih berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu WHO, dianggarkan 10% daripada penduduk setiap negara adalah OKU. Malaysia dianggarkan mempunyai 2.6 juta OKU. Bersempena dengan hari OKU 2007, yang bertemakan Bersama Membangun Modal Insan OKU dan ianya diberi tekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang memberi fokus kepada usaha membentuk individu termasuk OKU yang berketerampilan dan berkualiti serta bermatlamat mewujudkan penyamaan peluang dan penyertaan penuh OKU di dalam masyarakat di sektor kerajaan mahupun swasta.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah signifikan dengan senario sekarang? Sejauh manakah kejayaannya dalam merealisasikan objektif tersebut setakat ini dan selain meletakkan syarat 1% yang patut dipenuhi oleh golongan OKU sama ada di sektor awam mahu pun sektor swasta, berapakah bilangan golongan OKU yang telah diberi bantuan kewangan yang dibimbing dalam usaha mewujudkan usahawan berjaya dalam golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan RM89 juta bagi Program Pembangunan OKU di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin tahu, apakah program-program yang telah dan akan dilaksanakan dan sejauh manakah keberkesannya setakat ini dan adakah kerajaan berasa puas hati dengan pencapaian tersebut?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya hendak memberi ruang kepada rakan-rakan lain, saya dengan ini sudahi dengan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga menyokong kepada usul ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Abdul Rahman Bakar.

3.00 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin menyatakan setinggi penghargaan terhadap ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010.

■1500

Setelah meneliti isi ucapan menteri Yang Berhormat Tan Sri Amirsham A. Aziz ternyata sekali bahawa kerajaan mempunyai cita-cita yang sangat murni malah apabila saya teliti kandungan ucapan itu cita-cita itu sangat luar biasa. Luar biasa kerana kita melihat matlamatnya adalah untuk terus menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, makmur, stabil dan terus dihormati di persada dunia. Saya terlebih dahulu ingin mengambil perkara-perkara yang penting dalam konteks negara kita. Sebelum saya berkisar kepada konteks Malaysia di peringkat persada ataupun global dunia.

Terdapat lima teras utama Misi Nasional yang dikandungkan dalam ucapan ini. Antaranya yang pertama meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara. Kita berpendapat nilai tambah ini sangat mustahak kerana negara perlu mempunyai *reserve* yang kuat yang kukuh. Negara juga perlu mempunyai hal-hal lain sama ada dalam bentuk simpanan makanan ataupun keperluan-keperluan lebih untuk dieksport kerana kita tidak boleh meneka negara kita bila berada dalam tahap yang baik, apabila berada dalam tahap darurat dan sebagainya. Negara yang boleh menjadi contoh kepada kita di mana apabila berlakunya kenaikan harga beras. Kita dapati kita sedikit gementar, susah dan seolah-olah kita panik. Ini saya fikir di antara perkara ataupun contoh nilai tambah dalam ekonomi negara kita perlu dibesarkan.

Terdapat negara-negara yang maju dalam dunia ini seperti Amerika Syarikat juga seperti Eropah yang mempunyai nilai *reserve* baik dari segi apa sekalipun sekurang-kurangnya dua tahun. Maka adalah tidak selamat negara kita kalau *reserve* ataupun makanannya hanya sekadar bertahan dalam tempoh tiga bulan sahaja. Contoh yang dikatakan menjadi makanan ruji ini boleh juga kita fikirkan kepada contoh-contoh yang lain. Jadi saya sangat merasa bangga apabila pembentangan kajian ini menyatakan nilai tambah dalam bidang ekonomi negara adalah merupakan teras pertama yang diutarakan.

Kedua, disebutkan juga tentang meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Kita sering bercakap baik dalam Dewan Rakyat mahupun dalam Dewan Negara untuk kita berbahas untuk menyatakan kita ini mempunyai minda kelas pertama. Sudah barang tentu kalau Dewan Rakyat dijadikan sarkas untuk maki hamun, untuk berlawan-lawan, untuk fitnah-memfitnah, kata-mengata ataupun mempamerkan aksi mereka ketika berhujah itu bukanlah kelas pertama. Oleh itu, saya ingin menyatakan serta merakamkan saya rasa kita Ahli-ahli Dewan Negara seharusnya dan sewajarnya bercakap sama ada kita pembangkang ataupun pihak kerajaan dengan cara yang lebih tertib, dengan cara yang lebih ilmiah, dengan cara yang boleh diyakini, dipercayai, dan jangan jadi kita untuk menyatakan kelas pertama buruk perangainya, buruk mindanya lebih teruk daripada kaki samseng ataupun orang-orang di pasar. Tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang tidak bersifat demikian. [Tepuk]

Sehubungan dengan itu juga saya percaya bahawa dalam teras kedua ini keupayaan pengetahuan sangat mustahak dan sangat penting. Sebab itu hari ini kalau kita lihat Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai universiti ataupun universiti yang bercabang dari segi bidangnya yang menjurus kepada apa juga ilmu pengetahuan yang dalam bentuk kontemporari.

Kontemporari ini sangat mustahak dan sangat penting supaya Malaysia bila kita bercakap dalam bidang ilmu dan pengetahuan tidaklah ketinggalan jika dibandingkan dengan negara yang lain. Atas sebab itu ramai pelajar dari seluruh dunia hari ini datang belajar bukan sahaja setakat di universiti yang dimiliki oleh kerajaan malah swasta maka tidak boleh kita kata ataupun kita nafikan bahawa kita tidak mempunyai kelas pertama. Apa pun kita tidak boleh ataupun mudah berpuas hati. Bila adanya pelajar-pelajar luar negeri datang ke mari tapi kita juga mesti mampu agar dapat melahirkan para bijak pandai, cendekiawan ataupun pensyarah-pensyarah yang boleh diberikan nilai ataupun diistilahkan sebagai kelas pertama apabila pensyarah-pensyarah, pelajar-pelajar ini, profesor-profesor ini dapat juga mengajar di luar negara. Itu antara tanda pengiktirafan.

Namun demikian kita juga dalam soal kedua ini kreativiti dan juga inovasi negara perlu banyak ditonjolkan. Saya merasa sangat berterima kasih dan bangga terhadap sesetengah kementerian yang mencipta reka alat-alat baru, yang menghasilkan produk-produk baru dan juga menemui penemuan-penemuan baru malah tidak dapat menyembunyikan perasaan untuk berterima kasih kepada kementerian yang disifatkan Sains, Teknologi dan Inovasi bila kita telah dapat menghantar angkasawan kita hari ini Sheikh Muszaphar telah diberikan gelaran datuk. Tahniat Datuk Sheikh Muszaphar yang telah menjadi rakyat dan orang pertama Malaysia malah menjadi salah seorang pertama di Asia Tenggara mahupun Benua Asia yang berhasil berjaya naik ke angkasa meneroka bidang sains dan teknologi mencipta hasil-hasil penemuan yang baru tapi saya merasa terkilan malah merasa sedikit dukacita apabila dikatakan bahawa kajian kedua ataupun naik ke angkasa untuk kali yang keduanya diberhentikan.

Saya bukanlah bermaksud diberhentikan kerana seorang yang bernama Faiz tapi lebih daripada itu. Siapa sahaja sama ada Faiz, sama ada Wong, sama ada Rahman, Rahmat, Rohani, Samy tak kisah. Soalnya perkara yang sebegini penting, yang begini mustahak apabila kita berjaya meneroka ke angkasa saya dapati bercambah sudah minat daripada anak-anak muda kita terutama pelajar-pelajar sekolah berlumba-lumba mencipta ataupun mahu memasuki bidang sains dan teknologi. Bermaknalah memamatkan usaha-usaha untuk terus ke angkasa ini juga memamatkan cita-cita luhur, cita-cita murni anak-anak yang sedang mempunyai cita-cita hebat untuk ke angkasa.

Sebab itu saya menyeru supaya ianya diteruskan, diberikan sokongan yang terus-menerus agar tidak dikatakan hangat-hangat tahi ayam, bunga kembang pagi, petang sudah mati. Kita mahu perkara seperti ini alang-alang berdakwat biarlah hitam, alang-alang menyeluk

pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan. Inilah di antara harapan ataupun contoh di dalam bidang sains yang disebutkan itu ataupun bidang angkasa yang disebutkan itu boleh dijuruskan juga kepada bidang-bidang lain untuk kita teroka.

Perkara yang ketiga disebut menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi secara membina dan produktif saya rasa sangat terharu atas sikap keprihatinan pembentangan kajian ini apabila masalah ketidakseimbangan sosioekonomi ini menjadi teras ketiga. Bagi saya kalau kita hendak lihat negara kita terus aman dan makmur terus dihiasi dengan ketenangan, terus dihiasi dengan kemakmuran soal keadilan ekonomi ini mestilah menjadi teras ekonomi yang penting.

■1510

Saya masih ingat lagi ketika saya tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Kuantan, berlaku peristiwa 13 Mei 1969. Ketika itu kita bergaduh, orang Cina, orang Melayu dan orang India bergaduh. Antara perkara pertama ataupun sebab utama mereka bergaduh kerana tidak berlakunya keadilan pembahagian ekonomi. Orang Melayu, walaupun tuan rumah ketika itu berasa terpinggir. Begitu juga bukan orang Melayu sahaja, malah orang Cina pun juga ramai yang miskin, begitu juga orang India. Maka peristiwa pahit itu yang kita tidak mahu, malah kita tidak pernah undang akhirnya tamat dengan gerakan MAGERAN dan akhirnya kita aman pada tahun 1969 di penghujungnya.

Lantas tahun 1970, kita lahirkan Dasar Ekonomi Baru. Antara perkara-perkara yang terkandung dalam roh DEB ialah merapatkan jurang kemiskinan, memberikan keadilan kepada pembahagian ekonomi tanpa mengira kaum dan juga meningkatkan pendapatan rakyat. Maka lahirlah Dasar Ekonomi Baru 1970. Maknanya kalau kita kira tahun 1970 sehingga 2008, Dasar Ekonomi Baru yang dijelmakan hasil daripada kejadian buruk 13 Mei sudah berlangsung selama 38 tahun. Ramai orang selepas 13 Mei itu anak-anak yang 21 tahun ke atas dan sebagainya ataupun lebih kurang begitu sudah kahwin dan beranak pinak. Ditentukan antara perkaranya ialah bumiputera mesti memperoleh ekuiti dalam 30%.

Akan tetapi setelah dilancarkan 1970 sehingga tahun 1990, didapati Dasar Ekonomi Baru ini bagi ekuiti bumiputera hanya berkisar dalam 18%. Habis tinggi naik 18.9%, turun balik 18.7%, turun 18.3%, naik balik 18.5% dan sebagainya. Apa pun yang saya hendak bicarakan pada hari ini iaitu pergerakan itu hanya dalam 18%. Sudah tentulah *target* kita tidak tercapai dalam 30%. Ini semuanya ada sebab. Maka, saya fikir kalau telah bermula 1990 sampai hari ini tidak berjaya, maka Dasar Ekonomi Baru ini ataupun yang dimasukkan kepada dasar baru Dasar Ekonomi Nasional, apa pun dipanggil, tetapi bendanya di situ sahaja perlulah dibedah siasat, dipandang balik dan juga dibaiki balik. Ini supaya cita-cita luhur kita untuk tidak menjadikan ketidakseimbangan hati itu tidak berulang pada masa-masa akan datang.

Hari ini kita merasakan banyak masalah yang berlaku dalam ketidaklahirnya tujuan dan cita-cita kita mencapai 30%. Sememangnya ada sebab-sebab tertentu. Saya merasakan bahawa kerajaan sama sekali tidak boleh memandang ringan perkara ini kerana perkara ini merupakan

antara punca utama bagi kita menentukan kesejahteraan semua rakyat. Walaupun disebut sebagai Dasar Ekonomi Baru, ianya sama sekali tidak meminggirkan dasar kepentingan kaum-kaum lain termasuk orang Cina terutamanya ataupun India, malah kaum-kaum lain. Saya persoalkan di sini kerana...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Ya, sila.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dari segi ucapan sejarah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tentang Dasar Ekonomi Baru. Kita lihat bahawa pencapaian sehingga sekarang ini masih lagi tidak mencapai matlamat 30%.

Adakah dasar ini berjaya ataupun tidak? Adakah dasar ini masih diperlukan ataupun tidak? Adakah dengan pengumuman parti pembangkang yang dikatakan *government in-waiting* yang telah membuat satu dasar kenyataan bahawa Dasar Ekonomi Baru ini akan dihapuskan jikalau ianya menjadi kerajaan. Tentunya ianya akan membawa satu senario politik yang agak berbeza sekarang ataupun semata-mata kerana membuat satu perjanjian yang begitu retorik dan mungkin tidak tercapai. Ini akan memporak-perandakan lagi keadaan-keadaan sebagaimana yang berlaku 13 Mei 1969.

Jadi, pertanyaannya adakah pada pandangan Yang Berhormat Dasar Ekonomi Baru ini atau digubal dengan cara yang barunya masih lagi relevan ataupun tidak demi masa hadapan keutuhan negara kita Malaysia amnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dan kita semua mengakui bahawa dasar ini berjaya. Akan tetapi ada gred-grednya ataupun tingkat-tingkatnya. Kalau kita kata tidak berjaya langsung, itu tidak betul sebab ekonomi Melayu ketika itu hanya berada dalam 4% iaitu pada tahun 1969. Hari ini Alhamdulillah sudah mencapai 18%.

Apa pun saya hendak sebutkan di sini ialah dasar ini tidak berjaya sepenuhnya. Berjaya dalam keadaan separuh-separuh. Matlamatnya ada, bahagiannya sudah tercapai, tetapi tidak sepenuhnya. Sekarang kita lihat, kita perlu juga menjadikan asas ini sebagai pertimbangan kita untuk menggubal dasar yang baru ataupun menamakan yang baru termasuk menamakan sebagai Dasar Ekonomi Nasional dan sebagainya. Ini penting. Kita tidak boleh buang begitu sahaja ataupun ambil begitu sahaja. Seharusnya disaring, ditapis, di analisa, dikritik dan juga diambil mana yang baik dijadikan sebagai dasar yang baru, mana yang tidak baik dibuang.

Saya percaya pakar-pakar ekonomi negara, orang-orang bijak pandai negara dalam soal menyusun ekonomi ini sudah tentu mengambil pengalaman 1970 sehingga ke hari ini sudah 38 tahun. Sudah cukup untuk mengatakan perkara-perkara yang baik dapat dimasukkan dalam agenda-agenda pembaharuan negara. Ini mustahak, ini penting. Selain daripada itu juga, dalam teras ini Teras 3 ini saya hendak minta supaya tidak melihat kepada kaum bumiputera sahaja, tetapi kemiskinan juga tanpa mengira kaum, agama, kepercayaan dan ideologi politik mereka

juga perlu dilihat dan diambil kira. Umpamanya, kemiskinan di kalangan kaum Cina masih ada lagi. Kemiskinan di kalangan orang India masih lagi ada.

Penguasaan ekonomi orang India dalam pembentangan ini kertas ini hanya sekadar 1.2% yang saya fikir masih rendah dan perlu diperbaharui. Apabila kita mengakui bahawa Malaysia *is a multiracial country*, satu negara yang bersikap majmuk, maka kita juga kena mengakui kemiskinan itu perlu diatasi tanpa batas sempadan agama dan sebagainya. Semangat DEB ketika itu dibahaskan dan dilancarkan atas pertamanya kebanyakan majoritinya yang miskin, dewasa ketika itu adalah orang-orang Melayu. Jadi sebab itu, jurang ekonomi ini perlu dilihat kembali. Saya sangat rasa gembira apabila kajian separuh penggal ini bertujuan untuk menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Saya ingin tambah lagi, secara bersama tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan kepercayaan.

Jangan ada pula apabila dikatakan kita mahu menyamakan sosioekonomi itu, ada orang yakin dan percaya bahawa kita hanya hendak kepada orang Melayu, tidak. Saya tidak bermaksud demikian. Sebab itu, saya ingin ulang lagi sekali soal ketidaksamaan ekonomi ini perlu dilihat membatasi sempadan kepercayaan agama dan sebagainya.

■ 1520

Kita tidak mahu ada golongan yang terlalu kaya-raya, yang terlalu senang-lenang. Ada yang kais pagi makan pagi, malah kais pagi tak dapat, makan petang kais pagi pun ada yang tak dapat makan pagi. Hari ini kalau kita lihat tentang kehidupan rakyat di negara kita. Saya akui memang kemiskinan dapat kita basmi. Kalau sebelum merdeka ataupun selepas 13 Mei, mungkin dalam 40% ataupun lebih daripada itu. Hari ini kemiskinan berada dalam tahap 56%.

Namun kita mesti ingat bahawa kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang-barang yang ada di negara kita pada hari ini, ramai orang yang baru nak kaya jadi sederhana. Ramai yang berpendapatan sederhana jadi miskin, ramai orang miskin terus menjadi miskin. Sebab itu perkara kenaikan harga barangan, kenaikan harga minyak, kenaikan pakaian, kenaikan harga gas mesti diseimbangkan dengan pendapatan yang bersesuaian.

Tidak ada maknanya kita naik gaji, tidak ada maknanya kita beri 7% ataupun 35% tetapi keseimbangan dengan kenaikan hari ini menyebabkannya masih miskin. Bukanlah saya kata tidak ada makna secara mutlak tetapi sebenarnya kita berterima kasih sangat atas kenaikan itu tetapi mesti dilihat bahawa tanggungan yang ada pada hari ini mestilah kita jadikan suatu tanggungan yang boleh menyebabkan kedudukan ataupun status itu, kalau orang baru hendak kaya jangan terus jadi sederhana. Orang yang sederhana jangan jadi miskin, orang yang miskin jangan terus jadi papa kedana.

Semuanya ini saya melihat ia sangat berkaitan dengan tahap keempat iaitu meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup. Bermaknanya dengan keadaan dan suasana sekarang, dengan kenaikan barangan, kenaikan gaji dan sebagainya, kita perlu menyatakan atau memberi gambaran bahawa kualiti hidup kita mesti baik, kualiti hidup kita mesti meningkat.

Kalau misal katakan dengan keadaan barangan, dengan keadaan kehidupan hari ini yang begitu berat ditanggung, maka kita tidak mungkin mempunyai kualiti kehidupan yang begitu baik.

Susah nak makan, susah nak hantar anak sekolah, susah sedikit hendak bersenang-senang, susah juga nak pergi piknik sekali sekala disebabkan kita punya keadaan yang berat pada hari ini. Sebab itu saya rasa sangat bahagia, rasa sangat senang apabila tahap keempat ini meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup menjadi satu perkara yang penting. Biarlah rakyat kita mempunyai makanan yang cukup, biarlah rakyat kita mempunyai kualiti hidup yang baik, dengan tempat tinggal yang baik, dengan makanan yang baik, dengan riadahnya yang baik, dengan segala-galanya bersifat baik. Jangan hanya sekadar baik tetapi tidak mempunyai kualiti.

Yang kelimanya, saya cukup rasa bangga iaitu keupayaan institusi dan juga pelaksanaan negara. Mengukuhkan keupayaan institusi ini sangat penting, institusi ini termasuklah institusi keluarga, institusi pendidikan, institusi perniagaan seperti perbankan dan sebagainya. Sebab itu hari ini kalau kita melihat tentang keupayaan institusi-institusi ini, kita tidak dapat lari dari segi usaha kita membantu pihak pemerintah ataupun pihak kerajaan.

Saya dalam soal ini ingin mengambil contoh di mana kalau kita hendak kukuhkan institusi sama ada diri, masyarakat ataupun negara. Seharus dan sewajarnya kita memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat dan saya rasa bangga sudah banyak kemudahan-kemudahan seperti pinjaman-pinjaman daripada bank-bank ataupun yayasan-yayasan daripada pelbagai pihak penajaan lain kepada rakyat.

Namun demikian, saya ingin mengesyorkan supaya bank-bank yang ada ini terus diperbanyakkan dan diperbesarkan. Ada masalah apabila banyaknya bank maka banyaknya masalah maka digabungkan bank-bank ketika itu. Akan tetapi kita melihat pada hari ini keadaan dan kedudukan bank-bank yang menjurus kepada golongan petani, nelayan, peladang yang lazimnya dikendalikan oleh Bank Rakyat dan dewasa ini oleh AgroBank perlu diperbanyakkan bank-bank yang seperti ini dalam usaha kita menjadikan golongan marhaen, golongan bawahan yang kebanyakan daripada petani, peladang, nelayan diberikan tempat.

Saya sangat berterima kasihlah, saya tabik kepada Bank Rakyat kerana sering hari memberikan khidmat dan sering tahun di dalam penutupannya malah dalam laporan tahunannya iaitu *Annual Report* nya mendapat untung yang besar. Saya ingat kalau tidak silap baru semalam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kita kasihi telah pun menyatakan bahawa banyaknya, untungnya Bank Rakyat Malaysia Berhad iaitu sebanyak RM539 juta. Tahniah dan syabas kepada Bank Rakyat.

Apa pun saya bercakap ini kerana kita sedar bahawa masyarakat peladang seperti pihak FELDA, FELCRA, RISDA, Perikanan, Koperasi-koperasi dan banyak lagi. Maka saya mencadangkan dalam kajian separuh penggal ini diwujudkan dua, tiga bank lagi bagi membantu golongan-golongan petani, peladang dan nelayan yang hari ini di mana Dasar Pertanian Negara

telah mengambil tempat yang utama dalam soal asas pengukuhan ekonomi, kesejahteraan, kesenangan kepada rakyat dan negara.

Di mana pada hari ini pertanian telah disifatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pertanian adalah satu perniagaan. Maka bila kita katakan pertanian sudah menjadi suatu perniagaan, sudah tentulah kita mahu menjadikan ianya sebagai satu kenyataan. Hari ini kedudukan sektor pertanian dalam usaha menambah nilai pendapatan negara menduduki tempat ketiga selepas daripada pertama perkhidmatan, keduanya pembinaan.

Maka kita mahu sekurang-kurangnya lima sektor, kita boleh carilah dua sektor yang lain yang kita sifatkan sebagai tulang belakang, roh dan nadi kepada kehidupan ataupun kelangsungan negara kita Malaysia yang kita kasihi yang kita cintai ini.

Saya juga melihat bahawa Teras kelima itu, kita juga perlu melihat mengukuhkan keupayaan institusi kita. Saya merasa cukup bangga menjadi rakyat Malaysia kerana, saya fikir semua orang dalam Dewan ini pun bangga, terima kasihlah. Tidak tahulah takut ada yang tidak bangga. Iaitu apabila kita menjadi begini, berkedudukan begini kerana pada asasnya kita mengukuhkan institusi pendidikan. Di mana bila kita sebut institusi pendidikan, maka kita telah mencapai tahap kebaikan ataupun kesempurnaan bila kita mempunyai modal.

Modal itu tidak lain tidak bukan ialah modal insan ataupun *human capital*. Saya fikir modal insan ini bukanlah bererti manusia itu mesti mempunyai wang yang banyak, harta pusaka yang baik tetapi modal insan itu disifatkan dan diuruskan pada penguasaan ilmu pengetahuan dan hari ini, alhamdulillah kita mempunyai dasar yang ada ini.

Namun demikian, walaupun kita banyak melahirkan cerdik pandai, ahli-ahli ikhtisas mahupun ahli-ahli profesional seperti *lawyer*, doktor, hakim, *geologist*, saintis, angkasawan dan apa juga yang lain tetapi kita masih lagi tidak mempunyai kecukupan ahli-ahli ikhtisas ataupun profesional itu sendiri.

■1530

Apa yang saya hendak sebutkan hari ini, dalam bidang pendidikan dan juga latihan yang telah dipecahkan kepada teras ini, saya dapati kita masih lagi kekurangan tenaga-tenaga mahir yang menggunakan tangan, *hands on* kita masih lagi kekurangan. Walaupun pelbagai kementerian, sama ada kementerian apa sahaja telah mempunyai institusi-institusi latihan ini, tetapi hari ini untuk kita bangunkan negara kita masih lagi mengharapkan ekspatriat daripada luar negara. Memang benar kita perlukannya. Masa kini kita lebih ada kurang 40,000 orang ekspatriat ataupun kemahiran orang-orang mahir yang disifatkan dagang ini tapi sudah tentu kita tidak seharusnya bergantung penuh kepada mereka ini.

Apa pun yang membanggakan kita, kita rakyat Malaysia berpeluang untuk mendapatkan latihan dari segi bidang akademik, bidang profesional, vokasional dan juga kemahiran yang ada pada hari ini. Sekiranya kita menekankan perkara ini sebagai satu modal yang penting. Bukan

sahaja kita dapat bangunkan negara kita tapi juga kita akan menjadi satu negara yang dihormati dan ternama dari segi memberikan pertolongan kepada pihak-pihak yang lain.

Hari ini kita mungkin katakan ramainya pendatang asing yang bekerja di negara kita. Ada 2 juta yang halal, ada 600,000 yang tidak halal, 2.6 milion, dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang berada di negara kita tetapi kita kena ingat juga bahawa lebih daripada 300,000 rakyat Malaysia yang berada di luar negara yang turut membantu membangun negara-negara yang lain. Sebab itu, saya ingin bercakap dalam tahap yang kedua bila bercakap tentang kemampuan Malaysia ia mesti berada juga di persada dunia.

Pertama, persada dunia yang saya maksudkan ialah kemampuan Malaysia untuk melahirkan modal insan yang cukup kuat terlatih dan juga berjenama Malaysia. Kedua, bila katakan kita mesti mencapai satu tahap yang membanggakan seperti dalam kajian ini, kita juga harus mempunyai produk-produk Malaysia yang berkualiti. Bukan ada produk tapi tidak berkualiti. Kita mahu bermain di persada dunia, kita tidak mahu bermain di persada Kuala Lumpur ataupun Asia Tenggara sahaja. Kita hendak produk-produk kita ini terus dapat menembusi pasaran antarabangsa, pasaran dunia.

Sebab itu, saya minta. Saya mohon, merayu kepada kerajaan supaya menambah lebih banyak produk-produk baru. Sama ada khususnya dalam bidang pembuatan untuk dijadikan barangan Malaysia itu barangan eksport. Kita tak mahu hanya perkara-perkara lama yang itu sahaja kita banggakan. Kita hanya..., ya betul kita ada sedikit sebanyak pakaian, kita ada sedikit sebanyak barang-barang elektrik, kita ada sedikit sebanyak perabot dan kita eksport tetapi nilai eksport ini seharusnya kita bandingkan dengan negara-negara maju, bagaimana Amerika, bagaimana negara-negara Eropah, bagaimana Jepun, bagaimana Korea, bagaimana Taiwan, bagaimana Hong Kong, Australia mahupun New Zealand melambakkan produk-produk mereka di negara kita.

Saya masih ingat dan kita masih ingat bagaimana telah inflasi berlaku banyak kali, 1986 sekali, 1996 sekali berlaku tetapi inflasi itu tidak lama. Paling tinggi dua tahun. Salah satu kekuatan inflasi itu dapat kita selesaikan. Salah satu sebab inflasi itu dapat kita lenyapkan kerana adanya bahan-bahan yang kita eksport ke luar negeri bagi memperoleh kembali wang untuk kesenangan rakyat negara kita. Sebab itu sekali lagi kita hendak nyatakan penghargaan kepada kedudukan eksport pada hari ini. Yang di mana barangan eksport atau pun nilai eksport hari ini melebihi daripada nilai import kita.

Kita lebih import kira-kira satu per empat jika dibandingkan dengan nilai import yang ada di negara kita hari ini. Sebab itu, kita lihat pergantungan ataupun keupayaan sesetengah negara pada hari ini sama ada Singapura, sama ada Hong Kong, sama ada Jepun. Jepun hanya mempunyai tanah keluasan 16% sahaja dan tidak ada bahan-bahan ataupun tanah pamah yang subur seperti kita tetapi banyak bergantung kepada pembuatan.

Majunya Singapura, adanya Singapura mengeksport pelbagai barangan sebenarnya bukan kebanyakannya dari Singapura tetapi mengambil produk daripada Asia Tenggara. Sebab itu, kita yang sudah ada produk yang sudah hasilnya. Seharusnya kerajaan memberikan sokongan, penekanan supaya Malaysia juga akan terkenal atau bermain di persada dunia sebagai negara yang boleh bersaing dan sekali gus kita akan memperoleh wang daripada luar negara untuk mengukuh atau pun menyelamatkan negara kita daripada kemurungan ekonomi yang mungkin berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, saya percaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tak. Tak. Hendak habis dah. Memang hendak habis. Jadi saya percaya bahawa apa yang saya perkatikan ini sebenarnya sebahagian kecil sahaja. Rakan-rakan akan terus menyambung dan saya sangat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya, disudahi dengan terima kasih dan saya menyokong penuh kajian asal ini yang hari ini untuk kita sokong sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas perbahasan ulung sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Ada enam lagi. Silakan Yang Berhormat Dato' Dato' Yip Kum Fook; selepas itu Yang Berhormat Tuan Chiw Tiang Chai; Yang Berhormat Ir. Zamri bin Haji Yusuf; Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah; Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang; dan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Norhayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

3.37 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua agaknya boleh saya minta jasa baik untuk saya berucap dahulu sebentar dalam sepuluh minit. Kerana saya hendak melihat *auntie* saya meninggal. Saya baru dapat tahu untuk saya balik ke Negeri Sembilan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook boleh benarkan?

Dato' Yip Kum Fook: Silakan Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih. *Bismillahirrahmanirahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana kita masih dapat bersidang dengan baik dan teratur di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kerana berjaya mengekalkan momentum perkembangan positif negara. Walaupun dunia berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi akibat peningkatan drastik harga minyak mentah, namun kita masih dapat mengekalkan kadar pertumbuhan negara yang baik dan munasabah.

Pertumbuhan ekonomi negara diunjurkan 5% walaupun inflasi boleh mencecah pada kadar 6% hingga 7% tetapi ia dalam jangkaan kawalan dan pemantauan yang ketat oleh Bank Negara. Pemantapan perancangan sosioekonomi kini turut dizahirkan dalam pembentangan

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu. Antaranya kita mampu mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan pendapatan rakyat per kapita dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, paling penting kita masih mampu meringankan beban bahan bakar melalui mekanisme penstrukturan subsidi yang baru. Kerajaan Barisan Nasional yang adil dan beramanah akan memikirkan perjalanan negara yang panjang melalui pendekatan yang terbaik dan bukan pendekatan yang terpopuler dan kita mahu negara ini terus hidup seribu tahun lagi dan bukan setakat lima atau pun sepuluh tahun merujuk kepada rizab minyak negara.

Kita mesti membina pemikiran dan mentaliti yang betul di kalangan rakyat yang ada. Rakyat tidak boleh selama-lamanya atau sentiasa diberikan subsidi. Subsidi diberikan bila mana bersesuaian, munasabah dan tidak boleh lagi secara merata. Justeru, saya setuju agar subsidi diberi secara berstruktur, terpilih dan fokus kepada kelompok yang benar-benar perlukan. Saya mahu agar kelompok-kelompok ini terus dikenal pasti dan diberikan subsidi atau insentif yang berpatutan terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang ekonomi seperti petani, usahawan baru dan sebagainya.

Pada masa yang sama usaha untuk memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan mesti terus dipergiatkan khususnya bantuan makanan dan barangan perlu untuk kehidupan seharian dan juga persekolahan.

■1540

Ini akan membela mereka yang kurang berkemampuan dalam menghadapi krisis harga bahan api yang meningkat. Sebenarnya dengan kebijaksanaan, banyak yang kita boleh lakukan bagi mengurangkan beban rakyat dan mengurangkan penderitaan mereka yang kurang mampu. Memberi subsidi dengan menurunkan harga minyak adalah satu cara, tetapi bukanlah satu-satunya cara yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah tiba masanya agar kita mula memikirkan bagaimana untuk membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah untuk memperoleh pekerjaan yang bersesuaian dengan keadaan mereka.

Pertama, bagaimana kita perlu membantu atau menyediakan pekerjaan kedua untuk mereka yang sudah ada pekerjaan.

Kedua, bagaimana kita hendak memberi ruang pekerjaan khususnya kepada golongan wanita yang tinggal di rumah sebagai suri rumah. Apa yang hendak saya fokuskan dalam ucapan saya pada kali ini ialah, bagaimana untuk membantu golongan wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa ataupun kelompok ibu tunggal yang turut mampu mencari nafkah. Mereka ini biasanya terikat dengan tanggungjawab di rumah yang sungguh ketat. Justeru saya ingin mencadangkan, agar konsep *social enterprise* diperkembangkan di Malaysia. *Social enterprise* ini biasanya merujuk kepada organisasi atau perusahaan yang melaksanakan perniagaan sama

ada menawarkan produk atau perkhidmatan yang mana hasilnya disalurkan untuk tujuan-tujuan sosial seperti membantu orang miskin, ibu tunggal dan sebagainya.

Ia beroperasi secara fleksibel dan tidak terkongkong dengan satu-satu waktu. Mungkin ada yang sudah melakukan *social enterprise* ini, tetapi ia perlu diperluaskan sehingga menjadi kebanggaan kita. Misalnya, *social enterprise* perniagaan salon yang mengenal pasti, melatih dan memberikan sijil kemahiran salon kepada suri rumah yang berminat. Jika mereka berjaya, mereka boleh beroperasi di rumah di samping diberikan peralatan salon yang bersesuaian. Mereka tidak perlu untuk membuat pemasaran sementara semuanya diuruskan oleh organisasi atau *enterprise* yang berkenaan ataupun melalui perusahaan jahitan, di mana pemasaran dan tempahan diurus oleh syarikat *enterprise*, manakala suri rumah-suri rumah ini menjahit di rumah, menyiapkan kerja mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dapat melihat model-model pelaksanaan *social enterprise* yang berjaya di negara-negara seperti Singapura, Australia dan sebagainya. Seterusnya, menggerakkan usahawan dan menggalakkan mereka untuk menggerakkan sektor ini dengan pelbagai insentif. So, ini perlu digerakkan oleh para usahawan atau satu entiti perniagaan tulen dan kita memerlukan sikap, pemikiran dan minda seseorang usahawan untuk menggerakkan *social enterprise* ini walaupun matlamat akhirnya untuk kebajikan dan sosial, iaitu bukan keuntungan dan insya-Allah kita boleh melahirkan ramai lagi *social entrepreneur* atau usahawan sosial di masa hadapan.

Saya yakin pelaksanaan *social enterprise* ini sesuai dengan keadaan sosioekonomi Malaysia dan akan dapat membantu kita mengurangkan masalah kemiskinan sama ada tegar atau relatif dan juga kemiskinan bandar. Paling utama dengan cara ini, kita dapat memanfaatkan seluruh sumber tenaga manusia ke arah yang produktif sambil memantapkan ekonomi individu, keluarga dan juga masyarakat. Saya amat berterima kasih dengan insentif skim ataupun tabung untuk membantu melahirkan para usahawan yang diwujudkan di bawah kementerian dan sebagainya. Kita juga amat mengalu-alukan bantuan misalnya mesin menjahit atau oven membakar kuih disalurkan oleh jabatan dan agensi kerajaan kepada golongan suri rumah atau ibu tunggal, namun saya rasa masih ada elemen yang kurang lengkap untuk mereka beroperasi.

Saya yakin tidak semua wanita atau suri rumah boleh memperuntukkan masa menjadi usahawan dan berada di luar rumah terlalu lama atas kekangan masalah peribadi dan juga keluarga. Tidak mungkin untuk mereka secara konsisten membuat pemasaran, mengambil tempahan dan sebagainya dan maka di sinilah peranan *social enterprise* itu menjadi cukup relevan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun idea *social enterprise* ini nampak mudah tetapi kita perlu semangat keusahawanan, pengorbanan dan kesukarelaan untuk merealisasikannya. Kita juga jangan terlalu *ambitious* atau bersemangat hangat-hangat tahi ayam dan gopoh untuk melakukan pelbagai perkara atau *Jack of all trade, master of none*.

Cukuplah fokuskan kepada suri rumah ataupun ibu tunggal, misalnya dalam bidang kemahiran seperti menjahit, salon, urut dan juga memasak. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal kemiskinan yang sudah pastinya agenda utama kerajaan. Malahan berbaki dua tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya percaya usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8% dan miskin tegar sifar menjelang 2010 adalah cabaran getir buat kerajaan. Namun apabila kita kaitkan kemiskinan, pastinya kemudahan paling asas yang utama ialah tempat teduh mereka. Saya tahu bahawa menerusi dasar program bantuan rumah, skim pembangunan kesejahteraan rakyat yang meliputi pembinaan baru dan pembaikan kerja rumah untuk golongan keluarga miskin termasuk miskin tegar memang ada disediakan.

Malahan kadar bantuan semasa PBR, bagi bantuan bina baru dua bilik dan RM18,000 bagi bina baru tiga bilik, manakala kadar maksimum baik pulih rumah pula adalah sebanyak RM8,000 sebenarnya memang amat dialu-alukan. Namun berdasarkan maklumat yang diperolehi, hanya 44,153 permohonan bantuan rumah golongan miskin di seluruh negara, jika hendak dibandingkan dengan isi rumah miskin seramai 209,000 orang peserta miskin tegar, seramai 38,400 orang ataupun 12,950 keluarga. Permohonan ini jauh lebih kecil dan saya minta kementerian berkaitan perlu bekerja keras dalam mengenal pasti keluarga miskin dan miskin tegar dalam mendapatkan bantuan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut, pihak manakah yang bertanggungjawab dalam mengagihkan bantuan rumah tersebut kepada keluarga miskin dan miskin tegar, sama ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau SPNB atau kerajaan negeri ataupun menerusi wakil rakyat masing-masing? Kita tidak mahu disebabkan pelbagai birokrasi di peringkat - boleh membantutkan usaha kita untuk memberi bantuan perumahan kepada golongan miskin dan miskin tegar tersebut. Malahan saya khuatir mereka yang paling teruk pada masa ini adalah golongan miskin di bandar, apatah lagi terpaksa menanggung akibat kenaikan harga barang.

Soal ini penting, kerana pada hari ini pun lebih 70% rakyat Malaysia tinggal di bandar jika hendak dibandingkan 50.7% pada awal tahun 1990-an dan 13.8% penduduk bandar pada awal 70-an. Setiap tahun, Malaysia memerlukan 100 ribu hingga 150 ribu unit rumah baru untuk rakyatnya. Apakah kita bersedia menampungnya? Apakah pula nisbah rumah rakyat berpendapatan rendah, apatah lagi golongan miskin dan miskin tegar dalam konteks ini. Saya berpendapat, bahawa ada soal tafsiran dan makna yang terbabit. Kita menggunakan konsep rumah kos rendah atau rumah mampu milik, ketika Kerajaan Singapura merancang program perumahan rakyat melalui Perbadanan Perumahan Singapura, sasarannya ialah rumah mampu beli atau *affordable homes* yang berkualiti.

Rumah jenis ini akan dinaiktarafkan berdasarkan kemampuan rakyat. Inilah yang perlu kita tekankan terutama mereka yang berpendapatan rendah, miskin dan juga miskin tegar.

Keselesaian tidak mengenal pasti siapa yang hendak dan siapa yang berhak mendapat bantuan yang sepatutnya perlu dilaksanakan dengan efisien dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai soal rasuah, tetapi biasanya soal ini membicarakan berhubung kepincangan sistemnya, pelaksanaan untuk membanterasnya serta golongan atau hierarki yang tertinggi terbabit di dalam kancah rasuah. Saya akan menyentuh soal rasuah berkaitan golongan belia.

Kalau kita lihat sekarang bahawa generasi muda adalah pelapis kepada kepimpinan masa depan dan penentu kepada kesinambungan, kejayaan pembangunan yang dikecapi generasi sekarang. Justeru, mereka ini perlu dididik supaya bersedia mengharungi cabaran lebih getir dan mampu mengimbangi kemewahan yang diwarisi dengan nilai kehidupan yang berteraskan ajaran agama serta moral yang tinggi. Jenayah rasuah berlaku disebabkan sikap rakus manusia yang mengejar kuasa dan kekayaan semata-mata. Rasuah menggadaikan maruah diri hanya kerana keuntungan peribadi dan membelakangkan tanggungjawab serta amanah kepada bangsa dan negara.

Wawasan 2020 menggariskan sembilan cabaran penting yang perlu diberikan perhatian untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuannya sendiri. Dengan cabaran keempat Wawasan 2020 menggariskan aspek berikut:

- (i) membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri moral dan etikanya dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi budi pekerti yang luhur.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat BPR sebagai badan penguat kuasa yang ditubuhkan untuk memerangi jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan perlulah mendekati generasi muda yang berpegang teguh kepada integriti dan membenci rasuah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1550

Satu langkah keberkesanan yang dapat memastikan usaha ini dicapai ialah menerusi penerapan elemen nilai murni dan etika di peringkat sekolah. Anak diibaratkan kain putih, kitalah yang dapat mencorakkannya mengikut kehendak dan matlamat diinginkan. Masa depan kita ditentukan oleh budaya dan ilmu yang diterapkan kepada generasi muda hari ini.

Melihat kepada dasar semasa kerajaan dan kepentingan pendidikan pencegahan rasuah di peringkat sekolah, saya berharap BPR dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran supaya merangka beberapa langkah penting untuk menggerakkan pengalaman nilai murni dan pendidikan pencegahan rasuah kepada generasi muda khususnya pelajar. Kalau boleh saya ingin mengesyorkan pengenalan dasar penerapan elemen pendidikan pencegahan rasuah dalam kokurikulum di peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi iaitu memasukkan elemen berkenaan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh soal belia-belia kita, di mana dewasa ini mereka sering dipergunakan oleh sesetengah pihak demi kepentingan peribadi ataupun politik mereka. Mereka inilah yang digerakkan untuk perhimpunan dan demonstrasi yang akhirnya tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada pembinaan jati diri dan modal insan bangsa.

Lebih utama lagi, ia tidak memupuk semangat perpaduan di kalangan golongan muda yang datangnya daripada pelbagai latar belakang. Sejak daripada usia muda ini, kita mengajar mereka untuk membentuk kumpulan masing-masing dan seterusnya membenci di satu pihak lagi. Kita seolah-olah mengajar mereka agar hidup berpuak-puak atas asas perbezaan fahaman politik dan boleh jadi juga atas semangat perkauman sedangkan untuk membina negara dan bangsa ini, kita perlu bersatu padu dan ia mesti bermula daripada golongan belia.

Justeru, saya lihat Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) hendaklah terus diperkasakan. Saya menyokong apa juga hasrat kerajaan untuk menambah peruntukan kewangan, menambah nilai terhadap modul pembelajaran program latihan ini kerana akhirnya mampu membentuk warga Malaysia yang bersatu padu dan harmoni.

Saya ingin tahu apakah tindakan susulan kerajaan kepada peserta-peserta PLKN yang telah selesai dengan latihan, bagi memastikan mereka ini mendapat pekerjaan dan juga mendapat masuk ke universiti-universiti IPTA atau IPTS dan akhirnya mendaftar sebagai pengundi dan menyokong kepada kerajaan yang ada. Sesungguhnya kejayaan kita selama ini membangunkan masyarakat dan membawa kemajuan kepada negara adalah disebabkan oleh faktor perpaduan. Jika kita selama ini mewarisinya, maka kita amat wajarlah meneruskan dan mewariskan perpaduan ini kepada generasi seterusnya. Justeru itu, tidak hairanlah jika Publilius Syrus seorang penulis bangsa Roman telah mengatakan '*Where that is unity, there is always victory*'. 'Bila mana ada perpaduan, selalunya di situ ada kemenangan'.

Untuk itu, marilah kita bersama-sama memelihara permuafakatan dan perpaduan yang telah lama wujud dan jangan sekali-kali dikhianati. Perpaduan yang telah sedia terbentuk hendaklah difahami, dipelihara dan dibajai. Jika ada perselisihan, cepat-cepat kita selesaikan dengan penuh kematangan dan dengan semangat muhibah. Ia adalah satu tanggungjawab besar bangsa Malaysia untuk terus berjaya dan dihormati.

Marilah kita mengamalkan prinsip-prinsip memelihara perpaduan. Antaranya memahami sejarah pembentukan bangsa Malaysia dan kewujudan kontrak sosial, berpegang teguh pada Perlembagaan, saling kenal mengenal dan memahami perbezaan dan persamaan antara satu bangsa dengan yang lain serta bijaksana menangani perselisihan melalui dialog dan perundingan. Kata pepatah Melayu, 'sedangkan lidah lagi tergigit' inikan pula perpaduan antara kaum yang sudah tentu ada kalanya diuji dengan rasa tidak puas hati dan perbezaan pendapat.

Paling penting ialah sebarang rasa ketidakpuasan hati dan tuntutan keperluan sesuatu kaum itu, ia dinyatakan dengan beradab, matang dan rasional melalui saluran-saluran yang

sesuai menerusi ketua kaum masing-masing. Contoh yang baik dan mulia untuk memelihara perpaduan kaum inilah yang perlu kita pertontonkan kepada generasi muda kita dan bukannya adegan percakaran, maki hamun, fitnah memfitnah ibarat sudah hilang pertimbangan, akhlak dan tamadun.

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada Presiden ataupun Perdana Menteri Malaysia yang telah melantik Presiden Majlis Belia Malaysia selaku Ahli Parlimen di dalam Dewan Rakyat. Saya mengharapkan agar seorang lagi calon daripada wakil belia mungkin di kalangan wanita bagi mewakili belia untuk menduduki kerusi Senator di dalam Dewan yang mulia ini bagi meluahkan rasa hati generasi muda di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan seperti mana rakan saya tadi berkata bahawa ada peruntukan kementerian yang nampaknya terpaksa dipotong oleh kerana keadaan ekonomi semasa. Namun saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, apa sudah jadi dengan perjanjian ataupun janji kepada rakyat Klang mengenai pembinaan Hospital Besar Klang Tengku Ampuan Rahimah. Ini adalah soal penambahan hospital baru yang dijangka sepatutnya dibina di dalam kawasan tapak hospital yang ada tetapi difahamkan bahawa mereka ingin memindahkan kawasan hospital itu luar daripada kawasan yang ada.

Saya pohon agar kementerian dengan peruntukan yang baru ini dapat membina hospital yang baru dalam kawasan yang ada bagi menampung pesakit-pesakit yang ada. Saya kira Hospital Klang ini kini menampung lebih kurang 2000 pesakit hingga 3000 pesakit setakat ini bukan sahaja dalam negeri, malah di luar negara pun ramai pesakit yang datang berjumpa dengan doktor di Klang.

Saya juga difahamkan bahawa peruntukan untuk ambulans juga begitu juga. Patutnya dalam 2000-3000 kapasiti pesakit ini, ambulans yang patut ada di setiap hospital lebih kurang 20 buah tetapi di Klang, kita hanya ada tujuh sahaja yang ada. Dalam tujuh itu pula ada empat rosak, tinggal tiga sahaja yang nak membawa pesakit.

Jadi saya harap ini juga dapat diambil berat oleh kementerian agar dapat melihat keperluan yang diperlukan oleh hospital. Begitu juga dengan pakar forensik yang difahamkan bahawa dalam kementerian, kita ada kurang pakar forensik dan di Hospital Klang, kita dulu ada satu, setelah kita minta lebih, kita dapat dua. Akan tetapi ini juga tidak mencukupi kerana pakar forensik ini terpaksa *meround* seluruh negara untuk membuat kerja mereka.

Jadi saya harap ini juga dapat diambil perhatian dan dengan itu saya dengan ini mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Dato' Yip Kum Fook.

3.57 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan satu usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah berjaya mewujudkan lebih daripada 500,000 peluang pekerjaan daripada tempoh 2005 hingga 2007.

Di mana sebanyak 46.7% adalah merupakan jawatan dalam pengurusan, profesional dan juruteknik. Kadar pengangguran telah pun dikurangkan daripada 3.5% pada tahun 2005 dan turun sehingga 3.2% pada 2007. Kita mempunyai seramai 785,000 orang warganegara kita yang bekerja di luar negara. Ini mungkin disebabkan oleh ketiadaan peluang pekerjaan di sini ataupun terdapat sebab-sebab lain. Misalnya seorang akauntan sukar mendapat bayaran sebanyak RM5,000 ke atas di Malaysia tetapi boleh menerima sebanyak RM15,000 sehingga RM20,000 sebulan di negara Cina.

Ini merupakan satu kelebihan warganegara Malaysia. Usaha kerajaan sebelum ini iaitu bersikap lebih terbuka dalam bidang pendidikan adalah betul dan patut menerima kepujian. Yang kita tuai hari ini adalah sebenarnya biji atau benih yang telah ditanam oleh pemimpin negara kita pada masa dulu. Kerja-kerja seperti ini harus diteruskan.

Kita prihatin tentang kenyataan kerajaan dalam *midterm review* bahawa kerajaan ingin mengkaji semula mengenai syarat-syarat FIC dengan izin, pembelian dan pesanan kerajaan, *Industrial Co-ordination Act* 1975. Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat FIC harus dimansuhkan dalam kes pembelian hartanah oleh warga asing. Ini kerana pada masa sekarang ini syarat-syarat FIC ini selalu melambatkan proses jual beli oleh pembeli dari luar negara khususnya dari *East Asia* dengan izin.

Kita patut juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperkenalkan PEMUDAH iaitu *delivery system* yang senang dengan izin dengan mengurangkan birokrasi ataupun dikenal sebagai *red tape* dengan izin.

■ 1600

Dalam hal ini kita harus memberi kepujian kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah mengadakan pusat sehenti atau *one stop centre* dengan izin, dengan hasrat mempercepatkan proses pembangunan dalam pengeluaran Certificate of Completion and Compliance, CCC yang dahulu dikenali sebagai SKM.

Menguning padi di Tambun Tulang,

Dituai petani di bawa ke kilang,

CCC mudah dapat pembangunan berkembang,

Kerajaan cemerlang rakyat pun senang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tambun Tulang ada di mana Yang Berhormat?

Dato' Yip Kum Fook: Di mana, Perlis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hairan macam mana Yang Berhormat tahu tempat namanya Tambun Tulang.

Dato' Yip Kum Fook: Saya juga ingin tahu berapakah kes yang diputuskan oleh tribunal tidak dipatuhi oleh pemaju dan apakah tindakan susulan daripada itu, tindakan apa yang akan diambil oleh KPKT dalam perkara tribunal telah menjatuhkan hukuman, telah memberi satu keputusan tetapi tidak dipatuhi oleh pemaju. Saya telah banyak menerima aduan Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini.

Pemantauan mesti dibuat oleh KPKT supaya semua ini tidak sekadar melepaskan batuk di tangga. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah bersedia untuk menceburkan diri dalam arena tenaga solar, hibrid solar, turbin angin mikro, tahniah dan syabas diucapkan. Sesungguhnya sebuah negara jiran kita telah banyak menghasilkan barangan elektrik yang menggunakan tenaga solar.

Barang-barang itu pun tidak mahal. Kita patut mencontohi mereka dalam usaha ini. Sebenarnya kita bukan sahaja akan dapat menghasilkan lebih tenaga dari sumber alam semula jadi bahkan kita mampu mengurangkan penggunaan tenaga bahan bakar dengan menggunakan barangan yang berteknologi baru dan lebih canggih.

Penggunaan barang-barang binaan seperti kaca, *low e-glass* kita panggil, *low emission glass* dengan izin, harus digalakkan dan diberitahu kepada pihak pembina atau pemaju tetapi bagaimana untuk menggalakkannya. Barang-barang ini dikategorikan sebagai kaca import dan seperti biasa dikenakan cukai yang tinggi demi melindungi perusahaan kaca tempatan.

Pengimport tidak digalakkan mengimportnya disebabkan oleh skala cukai import yang tinggi itu. Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan harus sentiasa mengkaji perkembangan inovasi barang-barang di pasaran dunia dan mengambil langkah positif supaya dapat mencapai satu situasi menang-menang iaitu *win win situation* dengan izin.

Barang-barang moden dan canggih yang mana dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik seharusnya digalakkan penggunaannya. Ini satu misalan. Barang-barang besi binaan telah dikecualikan AP oleh MITI tetapi apabila barang besi sampai ke Pelabuhan Klang, pegawai Kastam berkata mereka masih belum menerima arahan daripada kementerian mereka. Mengikut satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pengerusi pemborong kontrak Malaysia sudah dua bulan berlalu, tiada satu batang besi pun diimport oleh negara kita.

Justeru ini, penyelarasan antara kementerian nampaknya perlu dipereratkan lagi. Kita telah memberi subsidi yang banyak kepada TNB dalam menjana elektrik. Kilang besi kita telah menikmati subsidi ini dan seterusnya mencatatkan keuntungan beratus-ratus juta ringgit. Lima kilang besi gergasi di negara kita semuanya mencatatkan RM300 juta ke atas dalam satu tahun mengikut rakan saya. Sekarang, besi kita sendiri pun tidak cukup tetapi besi kita dieksportkan, khasnya dieksport ke Singapura. Sekiranya ini terus berlaku maka samalah seperti peribahasa yang berbunyi, 'anak kera di hutan disusukan, anak sendiri dibiarkan mati kelaparan'.

Puan Heng Seai Kie: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil untuk menyuarakan kemusykilan yang terpendam iaitu mengikut teori ekonomi kita sedia maklum bahawa sesuatu barangan itu harganya akan melambung tinggi jika stok barangnya tidak dapat menampung permintaan di pasaran.

Jadi sehubungan dengan itu, di saat harga besi dan keluli melambung tinggi dan juga pengusaha tempatan menghadapi masalah kesukaran untuk memperoleh stok besi dan keluli ini, kenapakah kerajaan kita masih membenarkan besi dan keluli di negara ini dieksport ke luar negeri contohnya Singapura. Apakah pendapat Yang Berhormat, sekian.

Dato' Yip Kum Fook: Soalan yang cukup bagus. Tadi saya katakan kita tidak seharusnya membenarkan pengilang besi ini mengeksport besi mereka ke luar negara kerana ini adalah satu muslihat perniagaan. Mereka ada anak syarikat di Singapura, mereka akan jual ke anak syarikat mereka di situ supaya stok di Malaysia berkurangan.

Maka dengan tidak cukupnya, *shortage* dengan izin, harga besi akan melambung naik dan saya setuju sebenarnya, sekiranya kerajaan kita lebih prihatin dalam perkara ini, kita boleh mengenakan cukai eksport terhadap pengeksport besi ke luar negara demi menjaga industri pembinaan dalam negara kita, itu sangat mustahak.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat boleh minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan juga memberi subsidi gas kepada kilang-kilang besi ini, apakah itu benar Yang Berhormat dan saya ingin tahu juga kalau kerajaan memberi subsidi kepada kilang-kilang besi ini dan kilang ini mengeksport barang ke luar negara maknanya selain daripada kerajaan mengambil cukai ke atas syarikat ini, juga patut menarik balik subsidi ini kerana ini merugikan rakyat, tidak sepatutnya subsidi diberi dan orang lain yang mendapat manfaat, apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Yip Kum Fook: Satu soalan yang cukup bagus. Subsidi itu tidak *direct* dengan izin, kepada pengilang besi ini tetapi subsidi telah banyak diberi kepada TNB. TNB telah membekalkan, menjana elektrik yang banyak digunakan oleh kilang besi. Ini menyebabkan mereka juga menikmati subsidi itu. Kita juga harus bekerjasama dan berganding bahu untuk mendapatkan hasil yang lebih baik untuk kedua-dua pihak.

■1610

*Air jernih sajaknya landai,
Jalan raya titian batu;
Berunding cerdas dan pandai,
Fahamnya dua menjadi satu.*

Kenaikan harga-harga binaan akan menyebabkan banyak projek terbengkalai atau tidak dapat dimulakan *constructionnya*, dengan izin. Gejala ini akan lebih ketara dalam tempoh enam

bulan lagi. Tolonglah semua pihak dalam kementerian kita dalam usaha memperkukuhkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sanggup membelanjakan jutaan ringgit untuk memelihara industri negara kita, kita sanggup mengenakan duti import yang berlebihan untuk membantu pengusaha tempatan. Sudah sampai masa kita bersama-sama memikirkan pula tentang kebajikan rakyat yang berpendapatan rendah. Kita telah meluluskan terlalu banyak pekerja asing untuk bekerja di negara kita sehinggalah gaji rakyat tempatan tidak dapat dinaikkan sejajar dengan kenaikan harga kos kehidupan kini. Rakyat kita telah diganti oleh orang luar dan ini akan menjejaskan ekonomi negara pada jangka masa panjang.

Saya tidak anti pekerja asing, cuma kita mesti lebih prihatin tentang orang kita yang berpendapatan rendah. Kerajaan mesti memikirkan cara-cara untuk mendorong rakyat tempatan untuk menggantikan pekerja-pekerja asing itu. Sebagai satu contoh, salah satu cara adalah membantu pengusaha-pengusaha industri hanya mereka yang betul-betul kekurangan pekerja dan tidak ada pekerja yang mencukupi untuk mereka dibenarkan membawa masuk pekerja ini. Permintaan daripada orang perseorangan dan individu hendaklah disekat. Mereka ini hendaklah dihantar pulang supaya tidak menjadi bebanan kepada negara kita, khususnya di dalam ekonomi negara yang mungkin mengalami kemerosotan tidak lama lagi.

Saya berpendapat bahawa dengan melambung naiknya harga barang-barang binaan seperti besi, simen, jubin dan lain-lain akan menyebabkan projek terbengkalai dalam tempoh enam bulan dan ramai pekerja binaan akan menganggur. Ini akan lebih memberikan tekanan kepada keselamatan negara kita kelak. Rakyat kita pastinya memandang serius dengan situasi yang bakal datang ini.

Pergi ke kedai membeli cuka,

Membeli sekali gula dan gincu;

Kerajaan prihatin rakyat suka,

Negara aman ekonomi maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedang memikirkan bagaimana menariknya hujah-hujah industri perniagaan antarabangsa diungkapkan dalam bahasa sastera ini. *[Ketawa]* Silakan.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pelbagai usaha yang akan diambil untuk meningkatkan penyertaan dalam bidang pengurusan dan profesional dalam sektor swasta. Di samping itu kita juga mengalu-alukan warganegara bukan bumiputera untuk digalakkan bekerja di sektor awam akan diteruskan, tetapi persoalan yang timbul, adakah itu hanya satu harapan sahaja. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan dalam menunaikan supaya lebih lagi warganegara bukan bumiputera diserap atau diambil dalam sektor awam.

Sekiranya kita perhatikan, khasnya di PBT, di banyak pihak berkuasa tempatan. Kebanyakan PBT mencatatkan peratusan bukan bumiputera yang terlalu rendah dan telah menjadi satu kebiasaan dan amaran di mana terdapat kekosongan jawatan, maka berita ini hanya disampaikan kepada golongan atau kalangan saudara-mara mereka sahaja. Justeru itu terdapat ramai penjawat awam yang mempunyai pertalian adik-beradik, anak-beranak di satu majlis. Ini adalah satu perkembangan yang kurang sihat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi membangkit berkenaan dengan projek terbengkalai. Saya masih kurang berpuas hati dengan angka yang diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini. Mereka hanya berikan angka dari tahun 1990 hingga ke 2007. Angka yang ada pada saya sebanyak 2,199 projek terbengkalai di seluruh Malaysia dan melibatkan 386,592 pembeli. Ini satu angka yang agak besar. Saya berharap kita memerlukan satu dana untuk menolong mereka ini untuk memulihkan projek yang terbengkalai ini.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan tidak membayangkan bagaimana kerajaan bercadang untuk menolong mereka membaik pulih projek-projek yang terbengkalai ini. Adalah baiknya kiranya kita dapat memikirkan satu cara untuk membantu orang-orang kita yang kurang bernasib baik ini dengan memulihkan projek mereka.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Chiu Tiang Chai.

4.17 ptg.

Tuan Chiu Tiang Chai: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut berbahas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira RM1.8 juta pelancong melawat negeri Melaka sepanjang empat bulan pertama tahun ini iaitu meningkat...

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengambil kesempatan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. *[Tepuk]*

Tuan Chiu Tiang Chai: ...iaitu meningkat 9% berbanding tempoh yang sama tahun ini. Sasaran negeri telah menerima kehadiran 6.8 juta pelancong tahun ini bakal menjadi kenyataan sekiranya mercu tanda yang menjadi daya tarikan di Melaka diperluaskan. Di samping mendapat sokongan berterusan, semua agensi berkaitan menerusi pengenalan pelbagai produk pelancongan di mana baru-baru ini Melaka telah pun diisytiharkan sebagai tapak warisan sejarah dunia. Dengan itu sektor pelancongan domestik turut menyumbang dalam KDNK negara amnya dan negeri Melaka khasnya.

Industri pelancongan Melaka kini berpotensi besar menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara. Sektor ekonomi dan pelancongan Melaka dijangka mengalami pertumbuhan pesat dengan pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam. Lapangan Terbang Batu Berendam adalah antara lapangan terbang tertua di negara ini. Mungkin ramai

tidak tahu Lapangan Terbang Batu Berendam pernah melakar sejarah apabila pesawat yang membawa rombongan merdeka dari London diketuai Tuanku Abdul Rahman mendarat di situ sebelum berarak ke Padang Pahlawan di Bandar Hilir untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan negara dari penjajah Inggeris.

Namun menjelang akhir tahun ini, lapangan terbang ini bakal berubah wajah sekali gus mengikis segala tanggapan negatif mengenainya. Ini berikutan pembinaan projek pembesaran lapangan terbang ini telah menjadi terminal penerbangan tambang murah kedua di Semenanjung selepas KLIA dijadualkan siap sepenuhnya.

■1620

Lapangan Terbang Batu Berendam berpotensi menjadi hab kedua terminal LCC di Semenanjung berikutan kedudukan yang strategik antara KLIA dengan Singapura selain beberapa destinasi lain di negara ini dan beberapa negara jiran. Projek menaik taraf ini akan membolehkan Lapangan Terbang Batu Berendam mengendalikan lebih banyak pesawat termasuk pesawat besar. Menerusi projek ini yang membabitkan peruntukan berjumlah RM120 juta, Lapangan Terbang Batu Berendam bakal dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serba moden termasuk bagi pendaratan lebih besar seperti *Airbus 320* dan *Boeing 737*.

Saya yakin pembangunan semula Lapangan Terbang Batu Berendam akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pelancongan di Melaka. Mengikut Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, kerajaan negeri akan membenarkan AirAsia beroperasi di Lapangan Terbang Batu Berendam bagi mengadakan penerbangan terus ke beberapa destinasi termasuk Melaka, Pekan Baru dan Jakarta khususnya untuk pelancongan kesihatan. Ini adalah kerana pada tahun lalu sahaja Melaka menerima 64 juta pelancong kesihatan terutama dari Indonesia. Melaka terkenal di kalangan pelawat...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah betul angka Yang Berhormat bagi itu, 64 juta atau 64,000?

Tuan Chih Tiang Chai: *Sorry, 64,000.* Minta maaf. Melaka terkenal di kalangan pelawat luar yang ingin mendapatkan rawatan kerana ia memiliki kemudahan hospital pakar seperti Putera *Specialist Hospital*, Pantai *Medical Centre* dan Mahkota *Medical Centre*. Sebuah lagi hospital sedang dalam pembinaan di Kelebang. Pelancongan kesihatan ini sangat terkenal di kalangan penduduk Sumatera. Statistik juga menunjukkan enam juta pelancong melawat Melaka pada 2007 dengan perolehan sebanyak RM3 bilion dan diramalkan meningkat kepada RM3.3 bilion pada 2008 menerusi 6.8 juta pelancong. Apabila kerja-kerja pembesaran lapangan terbang siap kelak, sasaran lapan juta pelancong pada 2010 dan 13 juta menjelang 2020 mampu dicapai.

Dengan menaik taraf lapangan terbang tersebut bagi membolehkan pendaratan pesawat *Airbus 302* dan *Boeing 737*, 60% projek tambahan pemanjangan projek kerja menaik taraf lapangan terbang ini antara lain membabitkan pemanjangan landasan daripada 1,372 meter

kepada 2,045 meter dan membina bangunan terminal baru dengan keluasan kira-kira 7,000 meter persegi.

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat, minta laluan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukannya Yang Berhormat, minta laluan tetapi Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah sekali gus saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat, saya ingin tahu apa bezanya kepada negara kita secara membawa orang dari Indonesia ke hospital kita dengan kita menubuhkan satu cawangan hospital di Indonesia, apa perbezaannya?

Tuan Chih Tiang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa kita adalah antara negara yang ada banyak lagi produk untuk pelawat dari luar negara yang melawat Malaysia. Itu adalah antara tujuan negeri Melaka.

Landasan Lapangan Terbang Batu Berendam dipanjangkan kepada 335 meter lagi bagi membolehkan kapal terbang jenis *Boeing 737* dan *Airbus 320* mendarat dengan muatan penuh. Landasan Lapangan Terbang Batu Berendam kini sedang dalam proses pemanjangan landasannya daripada 1,372 meter kepada 1,800 meter dan dilebarkan daripada 37 meter kepada 45 meter. Walau bagaimanapun pemanjangan setakat 180 meter ini hanya membolehkan pesawat *Boeing 737* dan *Airbus 302* mendarat dengan separuh muatan sahaja, dengan izin, *half load*.

Saya mohon dalam Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan memperuntukan sebahagian kecil daripada peruntukan tambahan RM30 bilion itu untuk melaksanakan projek tambahan 335 meter lagi landasan Lapangan Terbang Batu Berendam tersebut dengan segera. Memandangkan proses pengambilan tanah telah diselesaikan oleh kerajaan negeri dan tanahnya pun sudah siap ada, hanya perlukan peruntukan tambahan ini untuk melanjutkan pemanjangan landasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam anggaran saya, negeri Melaka adalah pembayar cukai yang terbanyak iaitu lebih kurang RM9.7 bilion. Manakala menjelang tahun 2015 keseluruhan ASEAN akan mengamalkan konsep angkasa terbuka. Pesawat negara-negara ASEAN boleh terbang ke mana sahaja dalam rantau ASEAN tanpa sekatan. Dengan pembukaan ruang udara, saya pasti banyak penerbangan asing kan menjadikan Lapangan Terbang Batu Berendam sebagai hab penerbangan untuk meliputi rantauan tersebut. Adakah pihak kementerian pernah membuat apa-apa kajian ke atas Lapangan Terbang Batu Berendam menjadi hab penerbangan serantau selepas pembukaan ruang angkasa?

Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi demikian, apakah perancangan...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat berhujah bertubi-tubi mengenai satu perkara di bawah tajuk penerbangan awam ini kerana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada?

Tuan Chiw Tiang Chai: *[Ketawa]* Ya, itu adalah salah satu daripadanya. Dalam mempromosikan lapangan-lapangan terbang kita selain KLIA terutamanya Lapangan Terbang Batu Berendam dalam memanfaatkan sepenuhnya konsep angkasa terbuka untuk terus memajukan sektor pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi iaitu sumber tenaga alternatif. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mahu penggunaan alam semula jadi sebagai sumber alternatif menjana bekalan kuasa elektrik diteroka khususnya di kawasan pendalaman dan luar bandar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, sudah tiba masanya semua pihak berusaha memanfaatkan sumber alam semula jadi itu di kawasan yang sesuai sebelum diperluaskan di kawasan lain.

Kita harus mencari teknologi yang lebih murah untuk mengembangkan sumber tenaga alternatif seperti tenaga angin dan tenaga matahari agar matlamat kerajaan mengurangi bahan bakar fosil boleh tercapai. Profesor Kejuruteraan Alam Sekitar UiTM mencadangkan tiga langkah untuk melaksanakan segera secara lebih menyeluruh dipantau Suruhanjaya Tenaga dengan lebih terancang dan membabitkan seluruh lapisan masyarakat. Antara cadangan beliau ialah untuk mempergiatkan usaha mencari sumber tenaga baru yang digunakan secara besar-besaran. Antara potensi sumber tenaga tempatan yang murah tetapi masih belum dibangunkan sepenuhnya ialah biojisim dan tenaga solar. Menurut beliau pada ketika itu usaha ke arah itu masih belum digembleng sepenuhnya.

■ 1630

Manakala, Dr. Kamarul Azizi daripada UKM menjelaskan Malaysia mampu menghasilkan tenaga elektrik daripada tenaga solar dan selain tenaga biojisim. Contohnya, sekiranya panel solar diletakkan di sepanjang laluan Lebuhraya Utara Selatan dalam tempoh lima tahun, kos subsidi daripada penggunaan tenaga elektrik dapat ditampung daripada kos pembinaan panel-panel tersebut.

Bagaimanapun, masih banyak perkara perlu diambil kira sekiranya projek tersebut ingin dilaksanakan memandangkan kerajaan menganggarkan hanya menggunakan 5% tenaga yang diperbaharui menjelang 2010. Saya rasa ramai orang perlu berubah dari sekarang kerana pembaziran tenaga boleh mendatangkan kesan jangka panjang. Perubahan dalam gaya hidup dapat membantu penggunaan, mengimbangi kenaikan kos sara hidup harian yang naik mendadak sejak kebelakangan ini.

Manakala kerajaan harus secara serius melihat tenaga solar yang perlu dibangunkan secara meluas supaya pengguna boleh mengurangkan penggantungan kepada tenaga elektrik yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat seperti Tenaga Nasional Berhad. Tenaga suria sejenis

sumber tenaga yang bersih, mempunyai masa depan pembangunan yang cerah. Tenaga suria sebagai industri baru masih berada dalam tahap perkembangan yang rendah di Malaysia.

Harga minyak yang melambung naik sebenarnya harus mencetuskan kesedaran baru untuk mengurangkan pergantungan terhadap barang bakar fosil di samping gas dan arang batu. Keperluan semakin mendadak untuk setiap anggota masyarakat termasuk industri penggunaan tenaga secara lebih cekap serta menjimatkan selain mempergiatkan usaha mencari tenaga alternatif.

Dasar tenaga sedia ada di kebanyakan negara masih belum menyediakan iklim sesuai bagi bekalan ini dan penggunaan tenaga alternatif secara meluas. Terdapat empat teknologi tenaga suria iaitu:

- (i) pemasaran;
- (ii) pemanasan udara untuk proses mengeringkan;
- (iii) pemanasan air untuk menghasilkan air panas;
- (iv) pencahayaan melalui sinaran nampak yang tiba di muka bumi; dan
- (v) penukaran tenaga suria gelombang elektromagnet kepada tenaga elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jawapan daripada pihak kementerian mengenai Program SREP di mana adalah untuk sektor jana kuasa sehingga 10 mega watt. Sehubungan dengan ini, di dalam proses program SREP dengan izin, *Small Renewable, Energy Power Program*. Apakah tahap sambutan industri terhadap cadangan tersebut dan apakah tahap sumbangan tahap sektor SREP tersebut kepada industri jana kuasa sekarang?

Selain daripada itu, apakah usaha lain oleh kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor SREP terutama dalam penggunaan tenaga solar untuk menjana tenaga elektrik? Akhir sekali, dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf. Selepas ini Dato' Haji Abdul Rashid.

4.34 ptg.

Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan, kepada ahli-ahli Mesyuarat. Dalam kesempatan ringkas ini, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman sempena dengan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun pemerintahan Tuanku Negeri Kedah dalam minggu ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan sedikit tentang teras yang pertama yakni meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara.

Apa yang menarik saya lihat di sini ialah angka-angka yang dibentangkan kelihatan cukup menarik, memberangsangkan seperti mana pendapatan perkapita menunjukkan sekarang

ini kita berada pada RM23,066. Kadar inflasi juga ditunjukkan hanyalah 6%. Cumanya 6% ini yang dinyatakan adalah pada bulan kenaikan mendadak harga minyak pada bulan Jun 2008.

Apa yang cukup menarik juga adalah kita melihat kadar kemiskinan yang boleh diturunkan daripada 5.7% kepada 3.6% tahun 2007. Malah lebih bagus lagi adalah kemiskinan tegar turun sehingga 0.7% pada tahun 2007 iaitu melibatkan RM16,000 di Semenanjung, RM18,000 di Sabah dan RM3,600 di Sarawak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua melihatkan kepada angka ini, apa yang saya bimbangkan ialah penggunaan Paras Garis Kemiskinan yang kita gunakan itu kemungkinan sudah kurang relevan dengan inflasi yang ada dan juga kemungkinan PGK ini juga telah menjadi tidak munasabah dalam kita melihat ekonomi yang sebenar. Jadi PGK yang digunakan hanyalah RM661 bagi Semenanjung, RM888 bagi Sabah dan RM765 di Sarawak ini pada pandangan saya perlu kita ambil tindakan segera untuk menyemak, kerana keadaan semasa kelihatan dalam masyarakat semasa yang kita dapat lihat sendiri adalah semakin rakyat ataupun penduduk yang menjadi kembali miskin melihatkan beberapa pendekatan dan tekanan yang mereka terima hasil kenaikan minyak bulan Jun yang lalu. Contohnya, hasil penelitian saya juga melihat pendapatan keluarga yang di bawah RM400 juga berada pada 54,000 keluarga dan apabila melihat di bawah RM700 ianya bertambah begitu besar kepada 240,000 keluarga.

Jadi, saya bimbang dan saya tidak berani hendak melihat yang di bawah RM1,000 dibimbangkan takut meningkat kepada hampir 1 juta keluarga. Apatah lagi parah apabila saya meneliti juga bancian yang dibuat kepada para nelayan kita. Bancian nelayan pada 2007 melihatkan kepada 7.4% miskin ini adalah 68% daripadanya adalah miskin tegar yang berpendapatan di bawah RM345 sebulan.

Jadi, saranan saya samalah dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang kebanyakan juga telah menyebut meminta agar kementerian yang terlibat segera kita semak kembali Paras Garis Kemiskinan ini supaya ianya benar-benar relevan, ianya benar-benar menepati dengan syarat yang kita kehendaki. Apa yang lebih pentingnya menepati dengan Misi Nasional yang ketiga, yang dibentangkan bagi menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan agar PGK yang relevan digunakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam menjayakan misi inilah misi menangani ketidaksamaan sosioekonomi ini, saya mencadangkan satu reformasi yang lebih menyeluruh dalam sistem pengagihan pendapatan negara perlu dibuat dan perlu diberikan komitmen yang lebih tinggi. Ini kerana kelihatan juga sekarang ini selain daripada angka-angka tadi, Skala Gini juga dapat dilihat bagaimana terlalu tinggi di Malaysia ini. Sebab itu pendapatan purata rakyat Malaysia walaupun ramai yang kelihatan miskin tetapi purata pendapatan rakyat Malaysia begitu tinggi. Kita berada pada tahap RM3,686 pada 2007 iaitu hanyalah lebih kurang RM500 atau RM400 kurang sedikit daripada elaun khas Ahli Dewan Negara.

Jadi saya rasakan ini satu angka yang kita kena semak betul-betul. Ini kerana, Skala Gini ini menunjukkan tahap jurang keseimbangan yang begitu besar antara yang berpendapatan sangat tinggi berbanding dengan mereka yang sangat rendah. Ini menjadikan angka RM3,686 ini bagi saya, bagi orang yang datang dari kampung, luar bandar bukan sahaja tidak munasabah, juga tidak 'muna' kena dengan Kedah dan juga Sarawak. Mungkin tidak 'muna' Sarawak dan tidak 'muna' Kedah, namanya.

Jadi saya minta dengan sangat-sangatlah perbandingan ini kita perbetulkan kerana kita minta supaya apabila kita melihat angka yang tepat, barulah kita boleh merencanakan satu gerak kerja yang lebih spesifik untuk menangani masalah yang sebenar dalam pengagihan sosioekonomi di Malaysia.

Jadi di bawah tajuk ini juga dalam melihat kepada pengangguran. Satu lagi masalah dalam pendapatan negara ini ialah masalah pengangguran yang melalui Jabatan Perdana Menteri, kita mohon penjelasan selepas ini kerana ketika kita meluluskan undang-undang untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan kakitangan awam daripada 56 tahun kepada 58 tahun.

■ 1640

Kita diberitahu bahawa 31,000 yang terlibat ini tidak menjadi masalah kepada pengambilan baru kerana dimaklumkan ketika itu ada peluang pekerjaan yang lebih daripada 200,000 wujud dalam perkhidmatan awam. Jadi kalau ini benar wujud peluang ini dan di mana kita mohon kita dapatkan penjelasan maklumat ini kerana kita perlukan data ini untuk kita sampaikan kepada mereka yang sedang menunggu. Khususnya bila saya melihat kepada Bursa Buruh Elektronik dan mendapati ada angka 89,992 pendaftar aktif siswazah yang mendaftar dengan Bursa Buruh Elektronik sebagai penganggur.

Jadi kita mohon maklumat ini daripada Jabatan Perdana Menteri untuk memudahkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan mesej ini kepada penganggur-penganggur yang mencari kerja.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Jadi saya cuma ada lebih kurang 10 minit sahaja saya ingat biar saya teruskanlah. Jadi berhubung dengan, bukan hendak kata apa tunggu, di hujung sedikit.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Macam balas baliklah Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Berhubung dengan sesuai dengan teras yang keempat dalam kajian separuh penggal yang meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup.

Saya melihat di situ peranan utama dimainkan oleh Kementerian Kerja Raya. Jadi sekali lagilah kita ingatkan Kementerian Kerja Raya supaya dalam semakan tol yang alhamdulillah dibuat oleh menteri yang baru ini. Walaupun sudah lama kita tunggu tetapi, alhamdulillah dapat menteri yang baru ini walaupun agak lambat tetapi seperti pepatah sebut, '*better late than never*'

dengan izin. Sekurang-kurangnya kajian semula ke atas 22 buah lebuhraya ini kita harapkan. Kongsesi di antara kerajaan dan pemegang kongsesi ini bila kita semak balik agar caj yang dikenakan lebih adil kepada rakyat.

Apatah lagi dalam suasana rakyat menderita sekarang dengan kenaikan minyak cukup tinggi, yang mana rata-ratanya penggunaan keluarga di Malaysia jika minyak sebelum ini kita menggunakan peruntukan RM400 sebulan kita perlu tambah lebih kurang RM160 untuk penggunaan biasa berbanding dengan bulan sebelum kenaikan harga minyak.

Jadi sebab itulah kita mengharapkan menteri yang membuat kajian tentang kongsesi kita dengan pemilik kongsesi lebuhraya ini ke atas 22 lebuhraya, melihat dengan teliti agar semakan ini menguntungkan rakyat, agar Kementerian merunding bagi pihak rakyat dan kerajaan. Sekiranya perlukan pengambilalihan, janganlah mengambil alih semua. Mengambil alih hanyalah yang selesai dengan kongsesi dan juga menguntungkan pihak kerajaan.

Jadi dalam melihat kepada jawapan Menteri Kerja Raya juga ingin saya tegurkan satu perkara iaitu tentang bagaimana mereka tidak membenarkan peningkatan had laju di lebuhraya daripada 110 kilometer kepada 120 ataupun 130 had laju yang baru. Dengan alasan yang mudah iaitu kerana kemalangan terus meningkat pada tahun-tahun yang lepas tiga empat tahun yang lepas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebutkan ialah bila kita teliti fakta-fakta angka-angka ini kalau kita tidak benarkan had laju itu dinaikkan itu satu pertimbangan yang wajar. Akan tetapi kalau kita letakkan sebagai fakta, angka-angka yang terus meningkat kemalangan di lebuhraya hanya dengan itu sahaja kita tidak membenarkan. Saya rasa itu satu pendirian yang tidak tepat kerana kalau kita mengambil faktor yang benar dalam kita menjalankan kempen keselamatan jalan raya ini kalau kita melihat faktor yang tepat, nescaya selepas kita melakukan tindakan tersebut angka tersebut harusnya menurun. Kalau kita katakan faktor kemalangan disebabkan oleh kelajuan, maka kita tidak benarkan kelajuan itu meningkat seharusnya angka kemalangan itu harus menurun kalau itu faktor sebenar. Akan tetapi dalam kes ini saya minta Kementerian Kerja Raya mengkaji balik keputusan yang mereka buat supaya ianya tepat dengan keadaan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya diberitahu di Negara Jerman pemandu boleh disaman kerana memandu terlalu perlahan. Adakah itu benar?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Ya, di Jerman dan juga beberapa lebuhraya di sebahagian Utara Amerika juga begitu. Ini kerana kalau kita *design* lebuhraya dia ada had minimum dan had maksimum. Kalau lebuhraya Malaysia kita *design* kan kepada 130 tahap yang selamat. Jadi memandu di bawah 80 akan mengganggu kenderaan yang lain dan boleh mengganggu pengawalan minda *driver* yang di hadapan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan ingatan tersebut. Itu ingatan saya kepada Kementerian Kerja Raya.

Berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian ini dengan komitmen yang diberikan secara bertulis kepada saya bahawa mereka akan memberikan peruntukan kepada MADA sebanyak RM101.7 juta bagi kita membaik pulih kawasan penanaman padi jelapang padi Malaysia di Negeri Kedah. Diharapkan dengan komitmen ini kita boleh meningkatkan pengeluaran padi mulai akhir tahun ini dan tahun-tahun depan demi kepentingan negara.

Saya harapkan dengan usaha keras daripada kementerian berhubung pengeluaran juga beras ST 15. Sekali lagi kita minta kerjasama pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan tumpuan khusus kerana permintaan begitu tinggi atas sebab tadilah yang saya sebutkan. Di mana semakin ramai kembali miskin menyebabkan penggunaan beras ST 15 ini bukan sahaja, kalau dulunya hanya 10% daripada rakyat Malaysia menggunakan beras ini sekarang sudah 50% kita perlukan lebih banyak. Ini di antara bukti menunjukkan makin ramai kembali miskin. Apatah lagi kalau saya tengok fakta di Sabah ianya amat lagi mengejutkan daripada 30% sebelum ini meningkat kepada 70% permintaan kepada beras ST 15. Jadi kita harapkanlah kementerian sekali lagi memberikan perhatian serius mengeluarkan beras bagi menampung keperluan masyarakat Malaysia ini.

Berhubung dengan Kementerian Kewangan peruntukan yang diberikan saya juga ingin membangkitkan sedikit keluhan yang telah sampai kepada saya oleh penduduk-penduduk daripada Kuala Muda, Kedah. Yang mana penduduk ini penduduk yang terlibat dengan ujian Tsunami pada 24 Disember 2004. Dalam kejadian tersebut ramai yang terlibat dan ramai yang telah menerima nasib yang hampir serupa, hampir 400 keluarga di kawasan Kuala Muda, Kedah.

Apa yang kita hendak tanyakan Kementerian Kewangan ialah bagaimana dengan Tabung Bencana yang telah diwujudkan, sumbangan daripada kerajaan dan juga sumbangan daripada rakyat ketika itu. Ini kerana penggunaannya pada ketika ini bila dilihat, bila disemak balik apa yang ada di Kuala Muda Kedah itu, kita lihat projek perumahan yang diadakan tidak mencukupi dengan jumlah yang terlibat dengan Tsunami. Begitu juga dengan pemberian peralatan untuk nelayan ke laut diganti sebahagian yang musnah dalam Tsunami tidak diganti sepenuhnya. Lebih menghairankan ialah kita perlukan jawapan segera kerana nelayan-nelayan mangsa Tsunami yang menerima rumah dan alat nelayan ini perlu membayar balik sebagai satu bentuk pinjaman yang perlu dibayar balik kepada kerajaan.

Jadi itu kita mohon penjelasan daripada pihak kementerian yang terlibat dalam menguruskan Dana Tabung Tsunami dan Bencana ini bagi kita menenteramkan keluhan yang dikeluarkan oleh pihak penduduk Kampung Kuala Muda, Kedah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dalam satu lagi saya melihat kepada jawapan daripada kementerian menunjukkan rizab petroleum yang dibuat kajian pada Januari 2007 menunjukkan ada RM5.4 bilion tong. Jadi dengan purata pengeluaran 661,000 tong sehari yang dikeluarkan sekarang. Dalam jawapan tersebut menunjukkan rizab minyak mentah dan kondusif dijangka

bertahan selama 22 tahun. Jadi itu yang saya dapat maklumat hasil jawapan yang kita terima di Dewan yang mulia ini.

Jadi dengan itu yang saya mohonkan ialah kita memanfaatkan sepenuhnya kekuatan negara kita yang dilimpahkan dengan pelbagai nikmat ini, khususnya nikmat petroleum ini agar kita tidak menekan rakyat. Sedangkan rakyat inilah yang berusaha bersungguh-sungguh membangunkan Malaysia ini jadi dengan rizab yang kita ada, dengan *next exporter* dengan izin sebagai pengeluar dan pengeksport minyak ini. Marilah kita benar-banar memanfaatkan dan kita agihkan bersama dan biarlah kita uruskan balik harga minyak ini supaya ianya munasabah dengan kepentingan, keuntungan yang kita dapat kepada kerajaan Malaysia.

Sebab itulah dalam melihat kepada data ini, saya merasakan kenaikan yang dibuat pada 4 Jun pada hari terakhir sesi sidang Dewan yang lepas, kenaikan harga minyak itu saya rasa tidak sesuai dan tidak munasabah. Ini kerana kita melihat kepada data yang ada tadi dan kita melihat kepada masalah sosioekonomi yang ada dalam masyarakat saya rasa masa yang sangat tidak tepat untuk dilakukan kenaikan tersebut. Akan tetapi dengan segala tekanan yang ada penjelasan yang telah dikeluarkan dan suara-suara yang dibangkitkan oleh seluruh rakyat Malaysia dan juga daripada kalangan masyarakat Dewan ini serta Ahli-ahli Dewan yang mengutarakan masalah rakyat ini.

■1650

Pada fikiran saya, saya rasa yakin, kita boleh menurunkan kembali harga minyak ini dengan kadar yang lebih baik, menggunakan segala yang ada, bukan sahaja apa yang dibentangkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Debat melalui TV9 baru-baru ini, bukan sahaja fakta-fakta yang itu, tetapi fakta yang sebenar yang ada pada Kerajaan Malaysia, saya yakin kita mampu menurunkan harga minyak sekarang khususnya bila melihat kepada laporan Petronas yang terbaru dengan Tahun Kewangan berakhir 31 Mac 2008, menunjukkan Petronas telah pun menyumbang kepada Kerajaan Malaysia, RM67.6 bilion, ditambah lagi dengan RM6 bilion dividen khas yang diberikan oleh Petronas.

Jadi, berdasarkan senario inilah, saya yakin penuh bahawa berdasarkan apa yang telah kita keluarkan, melihatkan pula kepada kemelut dan suasana di luar dan dalam yang berlaku dalam Kerajaan Pusat, saya menjangkakan Perdana Menteri akan memilih untuk membuat kejutan baru dengan mengumumkan penurunan semula harga minyak tempatan ini dalam tempoh terdekat. Itu melihat kepada keadaan yang ada, saya menjangkakan itulah, bukan sahaja menjangkakan, tetapi kita mendoakan supaya ianya dapat diturunkan kembali.

Tuan Yang di-Pertua, bagi yang akhirnya saya menyentuh sedikit tentang Kementerian Dalam Negeri yang mana kita melihat kepada perbelanjaan 2008 diperuntukkan RM1.899 bilion, kita mengharapkan agar peruntukan ini digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan kecekapan pegawai untuk menangani masalah jenayah yang besar. Ramai Ahli Dewan telah pun menyebut tentang masalah jenayah yang meningkat begitu tinggi dan melihat kepada nisbah polis dengan

rakyat Malaysia sebenarnya hanyalah 1:260, satu nisbah yang cukup baik, yang munasabah untuk kita menangani gejala jenayah ini habis-habisan.

Cuma pada saat ini, pada ketika ini, sumber tenaga polis ini digunakan lebih daripada 50%, digunakan kepada Pasukan Cawangan Khas, Pasukan PGA, Unit Simpanan Persekutuan dan sebahagian tugas-tugas pentadbiran. Maka tinggallah kurang daripada 50% yang digunakan untuk menangani masalah jenayah. Jadi kita minta supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji balik proses penghantaran, proses penstrukturan struktur polis ini supaya digunakan sepenuhnya, nisbah yang asalnya cukup baik bagi peringkat antarabangsa, itu belum lagi kita mengambil tambahan 60,000 anggota polis yang baru, dengan anggota yang ada sekarang pun sudah menepati dengan nisbah 1:260 orang.

Jadi, kecekapan ini perlu ditingkatkan, sebagai contoh yang terbaru ini, bila berlaku laporan kes jenayah, biarlah dalam masa yang singkat, dapat kita mengambil laporan polis tersebut, kerana kes yang terbaru berlaku pada 28 Jun di Kuala Lumpur ini. Bagaimana laporan yang dibuat oleh saudara Saiful Bukhari Azlan pada 28 Jun, kononnya pada 6.30 petang, tetapi sampai ke 15 Julai, laporan polis tersebut masih gagal untuk diperolehi oleh *lawyer* yang telah pun menulis sebanyak tiga kali, gagal untuk mendapatkan laporan polis tersebut.

Jadi, kita minta kecekapan polis ditingkatkan kerana peningkatan kadar jenayah yang sangat ketara sekarang, dengan kejadian rogol juga meningkat sampai lapan kes dalam satu hari yang sangat membimbangkan kita, kerana ada di kalangan anak-beranak kita, keluarga kita yang kita bimbang boleh terjebak dalam kes ini.

Jadi, sebagai penutupnya, saya juga ingin memohon, menyebut, biarlah semangat kebangsaan, patriotisme, semangat kenegaraan ini bukan sahaja selalu kita sebut kita tanamkan kepada rakyat, biarlah semangat patriotisme ini juga kita tanamkan kepada pemimpin-pemimpin negara agar dalam sebarang urusan kita berikan keutamaan kepada kepentingan rakyat, kepentingan negara. Biarlah kekayaan negara harus diagihkan kepada kepentingan meningkatkan martabat negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun lagi untuk mohon laluan, Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Saya rasa dia sudah sampai tajuk biasiswa itu. Saya bagi laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada dua perkara. Pertama, saya nak tanya Yang Berhormat, jenayah yang manakah lebih teruk, rogol atau liwat?

Yang kedua, saya ingin tanya Yang Berhormat, saya sudah terlepas jauh, tadi Yang Berhormat tak bagi saya laluan, tetapi saya ingin ungkitkan balik semula. Saya ingin tahu, adakah dengan kadar pendapatan isi rumah ini ditambah dan juga dengan peluang pekerjaan

ditambah oleh kerajaan akan menambah baik keadaan negara atau pun dengan cara berterusan kita menganjurkan demonstrasi jalanan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana pertanyaan pertama tadilah Yang Berhormat tak mahu beri laluan tu.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat tadi. Berkenaan dengan jenayah ini, bila kita kaitkan dengan kategori jenayah, semua jenayah memang hendak kita hapuskan, semua jenayah hendak kita selesaikan, kita siasat dan kita uruskan dengan sebaik mungkin. Akan tetapi yang pentingnya, laporan adalah satu laporan. Pendakwaan masih lagi satu bentuk pendakwaan, selagi belum kita boleh buktikan, tak seharusnya kita tangkap dan kita pukul orang tersebut hanya kerana kita hendak mendapatkan bukti yang jelas. Sebab itu saya minta kita tingkatkan kecekapan dalam menguruskan jenayah ini, bukan sahaja kita mengesan jenayah, tetapi juga bila kita menangani dan kita membuat pendakwaan, ianya lebih baik, lebih tepat. Jadi, berkenaan dengan semangat patriotisme ini, saya nak sebutkan tadi ialah kerana dibangkitkan juga dalam perbahasan sebelum ini, yang mengaitkan diri saya dengan biasiswa.

Saya perlu perjelaskan bahawa biasiswa yang diadakan oleh kerajaan setakat saya faham, masih lagi disebut sebagai biasiswa kerajaan, Biasiswa Kerajaan Negeri Kedah, biasiswa kerajaan negeri-negeri lain atau Biasiswa JPA. Tidak pernah disebut biasiswa UMNO, biasiswa Gerakan, biasiswa MIC.

Jadi, sebagai seorang pemegang biasiswa yang wajib dan wajar beliau lakukan ialah menumpukan kepada pendidikan dengan sebaik mungkin, peluang menimba ilmu dan pendidikan mesti disalurkan balik untuk membangunkan tanah air, baik membangunkan peringkat negeri atau negara. Jadi sebagai contohnya, saya sendiri menerima biasiswa sejak daripada tingkatan satu sampai tingkatan lima, Biasiswa Kecil Negeri Kedah, Biasiswa Kecil Persekutuan, terima kasih kepada pihak kerajaan. Kemudian diberi peluang menerima Biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di universiti di Amerika, dan kembali sekarang, alhamdulillah saya bertugas untuk sebuah kerajaan juga, Kerajaan Negeri Kedah, yang dipilih oleh rakyat, dan insya-Allah kita berkhidmat untuk negara juga dalam masa yang sama, dan insya-Allah kalau selepas ini diberi ruang untuk berkhidmat dalam Kerajaan Persekutuan, saya akan teruskanlah khidmat saya sebagai membalas balik peluang menimba ilmu dan pendidikan yang telah disalurkan melalui biasiswa yang saya terima sepanjang lima tahun di peringkat menengah dan juga empat tahun di peringkat universiti .

Jadi, sebagai ingatan yang terakhir juga kepada diri saya dan juga kepada teman-teman yang lain, dalam kita mengajak supaya kembali kepada prinsip yang jelas, kembalikan kepada kebenaran dan keadilan, saya nak sebutlah, biarlah dalam langkah kita menangani masalah yang ada ini, kita mencegah lebih baik daripada merawat. Biarlah kita pegang juga kepada prinsip beban pembuktian adalah kepada yang mendakwa, bukan yang didakwa, dan seseorang

insan tidak bersalah sehinggalah dibuktikan dengan jelas bersalah di sebuah mahkamah yang adil, dan fitnah lebih tajam daripada mata pedang. Fitnah ialah menyatakan sesuatu yang tidak dibuktikan dengan kesaksian yang adil. Jadi, saya harapkan itu adalah peringatan untuk diri saya dan juga kepada semua yang boleh mengambil iktibar. Sekian, dengan itu, saya ucapkan terima kasih di atas ruang dan peluang yang diberikan untuk perbahasan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Rashid bin Ngah.

4.48 ptg.

Dato' Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Tan Sri Amirsham dalam membentangkan Kajian Separuh Penggal dua hari yang lalu, ada menyebut, "Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada hari ini amat penting bagi memastikan kesinambungan agenda pembangunan negara khususnya dalam senario ekonomi semasa yang amat mencabar. Kenaikan harga minyak dan komoditi yang mendadak serta kemelut dalam pasaran kewangan sedunia yang masih berlanjutan, jika tidak ditangani secara bijak, mampu menjejaskan usaha kita untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang kukuh".

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya Ahli Dewan Negara yang bercakap sebelum ini jelas menyokong sama ada mereka dari Parti Barisan Nasional ataupun Parti Pembangkang perlunya kajian separuh penggal ini dan perlunya ekonomi negara diperkuatkan, perlunya kestabilan politik, perlunya negara terus-menerus diterajui oleh kumpulan pemimpin-pemimpin yang berwibawa.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Rakyat telah dibawa usul oleh Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berhubung dengan isu kenaikan harga minyak, makanan dan komoditi lain di pasaran dunia yang merupakan fenomena global di luar kawalan kerajaan. Hasil perbincangan beberapa hari di Dewan Rakyat menunjukkan 129 orang Ahli Dewan Rakyat menyokong dan 70 orang menentang.

Walaupun ini kepada saya bukanlah merupakan satu usul tidak percaya yang kemudiannya beberapa hari selepas itu cuba dibawa oleh pihak pembangkang. Akan tetapi kepada saya Tuan Yang di-Pertua, usul ini merupakan permintaan kerajaan. Meminta mempercayai kerajaan pada hari ini untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara, memberi kepercayaan kepada kerajaan yang ada hari ini untuk meneruskan pembangunan negara walaupun menghadapi cabaran-cabaran; terutama sekali dalam masalah kenaikan harga minyak dan komoditi-komoditi lain sebahagian daripadanya.

Intinya walaupun tidak ada usul tidak percaya masa itu, tetapi kepada saya usul ini seperti yang saya katakan tadi sudah cukup untuk menunjukkan bahawa kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Timbalannya Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah diberi kepercayaan oleh Dewan Rakyat. Tidak berguna, memang tidak berguna usul tidak percaya yang dibawa kemudiannya. Jelas sekali tidak berguna dan di sini walaupun di Dewan Negara, apa yang terjadi di Dewan Rakyat saya rasa elok kita beri penghargaan kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah menolak usul tidak percaya yang dibawa oleh parti pembangkang.

Sepatutnya parti pembangkang telah menunjukkan ketidakpercayaan dia semasa membincangkan usul ini. Tidak perlu lagi dibawa usul tidak percaya kemudiannya. Sebab usul ini di sesetengah negara merupakan satu perkara yang paling hangat, yang menyebabkan berlakunya perarakan, tunjuk perasaan dan bermacam-macam perkara yang lebih teruk daripada yang terjadi di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa negara kita ini tidak sempurna demokrasinya kerana tidak memberi kebenaran kepada rakyatnya untuk berdemonstrasi, berarak. Akhir-akhir ini selain daripada mensyaratkan demonstrasi berarak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat. Apabila rakyat keluar menyertai proses pilihan raya umum, mereka menandakan beri kepercayaan atau sebaliknya. Adakah kepercayaan itu diberikan kepada parti atau kepada individu?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, pada saya jelas diberikan kepada parti.

Tuan Yang di-Pertua: Maka Yang Berhormat, saya ingin bertanya lagi. Jika itulah hakikatnya, apakah hak Dewan mana-mana sekalipun menyatakan melalui resolusi atau ketetapan percaya atau sebaliknya kepada individu, menidakkan keputusan rakyat memberi kepercayaan kepada parti.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, agak payah saya nak menjawab dengan dalam keadaan masa yang terbatas ini. Akan tetapi jelas segala Tuan Yang di-Pertua bahawa undi tidak percaya yang cuba dibawa itu ialah terhadap kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Adalah meleset? Meleset, menyimpang.

Seorang Ahli: Meleset.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Meleset? Ya, baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada orang mengatakan mendakwa Tuan Yang di-Pertua, demokrasi kita ini tidak sempurna kerana tidak dibenarkan demonstrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tergerak ganggu tadi sebab Yang Berhormat sebut ungkapan kualiti demokrasi di negara kita. Terima kasih, itu saja.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Baik, dan apa pula yang menambah selain daripada demonstrasi sebagai satu kualiti Tuan Yang di-Pertua, bahawa mestilah diberi peluang

kepada rakyat untuk membuat tuduhan-tuduhan liar yang berbentuk akuan bersumpah dan lain-lain lagi. Mungkin juga ada orang akan mendesak untuk melihat demokrasi di Malaysia ini bertambah baik, bertambah sempurna, maka sesetengah orang-orang tertentu perlulah diberi perlindungan lebih daripada orang lain apabila berhadapan dengan undang-undang. Jadi tangkapan atau ungkapan yang selama ini kita mengatakan bahawa setiap orang rakyat negara kita ini adalah sama statusnya, sama haknya di hadapan undang-undang sudah tidak terpakai lagi.

Jadi di sini saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal perundangan. Apakah boleh kita benarkan permintaan sesetengah orang yang dituduh untuk mendapatkan keistimewaan-keistimewaan. Ini kerana saya bimbang akhirnya pihak-pihak ini meminta supaya hakim daripada luar negara datang membicarakan mereka. Dengan sendirinya bahawa mereka telah merendahkan martabat hakim di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya apakah tujuan sebenarnya dibawa atau cuba dibawa usul tidak percaya ini. Untuk menduga keupayaan kerajaan ataupun sudah ada tanda-tanda bahawa akan berlaku penyeberangan, *crossing* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sesetengah pihak juga mengatakan penghijrahan barangkali kepada orang PAS dia lebih suka orang yang datang daripada BN atau mana-mana parti masuk ke partinya itu sebagai penghijrahan. Ia seperti satu kerja yang sangat baik sedangkan dalam tempat lain pula berpindah atau menyeberang dari satu parti lain merupakan lompatan. Satu perkataan yang tidak baik jika dibandingkan melompat dengan berhijrah. Terpulanglah kepada kita menimbangkannya. Apakah sebenarnya tujuan perbuatan yang seumpama itu?

■ 1710

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pernah jadi Ahli Dewan yang dipilih dulu. Sila duduk Yang Berhormat. Apakah kalau Yang Berhormat teringat hendak lompat, tidak pula Yang Berhormat akan teringat bahawa itu satu perkara yang jijik, yang melacurkan mandat yang diberikan oleh rakyat?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tidak pernah terfikir Tuan Yang di-Pertua walaupun pada masa itu sudah ada perbuatan-perbuatan yang seumpama itu. Saya memandangi seperti juga Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi. Kerajaan yang seumpama ini sama halnya dengan konsepsi melacurkan politik. Jadi, perlu dipandang dengan perasaan jijik Tuan Yang di-Pertua. Kita sama-sama menanti 16 September. 16 September ada setiap tahun. Kita tidak tahu September 2008 ataupun 16 September 2009, 2010, 2011 ataupun apa-apa, di mana dijangka kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan bertukar dan Perdana Menteri yang baru akan naik, kalaulah pertukaran ini terjadi kerana penyeberangan, penghijrahan ataupun pelompatan tadi yang...

Tuan Yang di-Pertua: Atau pelacuran. [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Pelacuran Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut tadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak seharusnya diterima oleh pengundi-pengundi di Malaysia ini. Jadi, kalau betullah berlaku, kita mohon kepada kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya, bukan sahaja Dewan Parlimen dibubarkan, Dewan Rakyat dibubarkan tapi pilihan raya baru diadakan supaya yang melacurkan diri, menyebabkan jatuhnya sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat tumbang, balik ke kawasan masing-masing, berhadapan dengan pengundi-pengundinya yang pernah pada satu masa dulu memberikan mandat dan kepercayaan, adakah mereka akan diterima lagi? Adakah mereka akan terus diberi penghormatan dan kepercayaan.

Saya rasa, kita yang ada di dalam Dewan ini daripada parti mana sekali pun, sebagai pemimpin-pemimpin dan juga sebagai rakyat biasa, yang bermaruah, tentulah tidak mahu melihat sebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang rasuah. Dibantu oleh menteri-menteri yang rasuah. Di bantu oleh timbalan-timbalan menteri yang rasuah. Di sokong oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat yang rasuah. Apa tidaknya, walaupun tidak jelas adanya perlakuan rasuah tapi tanda-tanda seperti yang disebut beberapa hari yang lalu terjadi di Sabah dan Sarawak menunjukkan adanya usaha untuk merasuah sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya berlaku perkara yang seumpama ini.

Saya percaya dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari sidang Ahli Dewan Negara ini, mari sama-sama berdoa moga-moga perkara buruk ini yang kita pandang jijik ini, pelacuran ini, melacurkan diri sebagai Ahli Dewan Rakyat ini tidak akan berlaku dalam negara kita ini.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya rasa Dewan yang mulia ini tak sesuai kalau kita hendak mencemarkan Dewan yang mulia ini dengan menuduh Ahli-ahli Dewan Rakyat itu yang bukan daripada Pakatan Rakyat sebagai orang-orang yang mudah menerima rasuah. Mana kala, orang-orang yang sentiasa menunggu-nunggu untuk makan rasuah. Saya rasa mereka sudah dipilih oleh rakyat, mereka kemungkinan juga sebagai calon-calon yang dipilih oleh bahagian masing-masing sebelum ini. Jadi, kalau sekarang di sini kita menuduh mereka itu sebagai orang yang mudah menerima rasuah, saya rasa tak sesuai di Dewan yang mulia ini dan saya rasa juga kita tak perlu bimbang tentang peristiwa 16 September itu, kita tak perlu bimbang kalau ianya berlaku, kalau pun harga minyak turun mendadak esok pun tak perlu kita bimbang. Biarlah kita terima kalau sudah berlaku. Jadi, sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih pandangan itu Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia mudah, kalau mudah sudah pun jatuh, tapi saya mengingatkan kita semua kerana kita ada kawan, teman yang duduk sebagai Ahli Dewan Rakyat, mengingatkan mereka, membisikkan kepada mereka supaya dibisikkan kepada hati

sanubari mereka bahawa perbuatan ini adalah terlalu jijik, kalau kita perlu pertukaran kerajaan mungkin kita sama-sama hadapi dalam pilihan raya akan datang.

Sama ada kerajaan akan dipilih oleh kerana dasarnya, tidak mahu menurunkan harga minyak walaupun kemampuannya ada, ataupun sebagainya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, benarkah ada wakil rakyat daripada Ahli-ahli Parlimen Kerajaan Barisan Nasional yang akan melompat ataupun ini sebagai satu gimik ataupun sandiwara yang dimainkan oleh individu yang mana cemburu melihat kekuatan Barisan Nasional itu sendiri dan supaya Ahli Parlimen dalam Barisan Nasional ini syak wasangka di antara satu sama lain, ini yang kerja yang mereka hendak mainkan. Pada hal dalam pilihan raya mereka tahu, mereka tidak boleh menang untuk menubuhkan kerajaan. Pada hari ini mereka cuba hendak melaga-lagakan kita supaya kita ini syak wasangka antara satu sama lain dan mereka mengambil kesempatan yang sebenarnya, insya-Allah, perkara ini tidak akan berlaku Yang Berhormat. Apa penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yakin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi bahawa tidaklah mudah. Sekali lagi saya katakan, tidaklah mudah bagi sahabat-sahabat kita yang dipilih atas tiket Barisan Nasional untuk membuat perkara yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak ingin mencelah di sini sedikit kerana bimbang, dianggap saya masuk, mengambil bahagian dalam politik, perbincangan politik. Saya cuma mengambil bahagian kerana soal-soal prinsip, etika dan moral. Kalau kita bertanding sebagai calon Bebas, kita menang mungkin kita berhak lompat sana, lompat sini tapi kalau kita bertanding di atas tiket satu-satu parti, bermakna kita bertanding di atas satu-satu pendirian dan kita paparkan kepada rakyat satu-satu kefahaman, maka kalau kita lompat, kita melacurkan mandat yang diberi, kalau kita bertanding sebagai BEBAS, kita memang berhak. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa Tuan Yang di-Pertua katakan itu. Bila kita bertanding atas parti, kita menjulang, kita membawa, menjajakan panji-panji parti. Jadi, kita dipilih walaupun kita popular barang kali, pernah menang berkali-kali sebelum itu tapi kepopularan kita itu tidak menjamin kita dipilih kalau tidak ditunjangi oleh kekuatan parti. Lainlah ceritanya kalau dia seorang calon BEBAS seperti Tuan Yang di-Pertua katakan tadi. Tuan Yang di-Pertua katakan tadi dia bebas untuk memilih haluan dia.

Berbalik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya Dato' Musa tadi Tuan Yang di-Pertua, kerana adanya usaha, inilah yang membimbangkan kita kerana kita percaya tidak semua orang, kadang-kadang boleh bertahan lama kalau setiap masa digoda, setiap masa dipujuk, setiap masa dicumbu.

■1720

Kekuatan masing-masing tidak sama. Ada yang mengambil masa yang lama untuk tunduk menyembah. Ada yang mengambil masa yang sedikit dengan hanya sedikit bayangan-bayangan nikmat sudah boleh diperangkap, sudah boleh dikalahkan, sudah boleh mengaku kalah Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang kita bimbangkan tapi kita harap kemungkinan ini tidak akan berlaku dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian separuh penggal perlu dibuat walaupun biasa dibuat lebih-lebih lagi apabila kita menghadapi masalah kenaikan harga. Mungkin barangkali ada projek-projek yang selama ini tidak begitu sangat diberi perhatian dari segi cakna atau tidak kepada rakyat atau dengan perkataan lain daripada segi manfaatnya banyak atau tidak kepada rakyat tapi bila keadaan kewangan yang menentukan menjadikan sesuatu projek itu prioriti maka timbullah masalah projek mana yang lebih diutamakan terutama sekali waktu sekarang. Tentulah jawabnya projek-projek yang cepat memberikan hasil, yang cepat menolong meredakan ketegangan, meredakan kepayahan rakyat yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Jadi di sini kita mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang dalam waktu yang agak pendek tapi dapat menyusun semula *prioritize* projek-projek yang hendak dilaksanakan tapi walau bagaimanapun, seperti biasa pelaksanaan jauh ketinggalan di belakang perancangan. Ini yang menimbulkan masalah. Di setengah-setengah tempat alhamdulillah masalah penyampaian umum atau *public delivery* dapat diselesaikan dengan adanya PEMUDAH. Perkara-perkara masalah yang selama ini aturan-aturan yang selama ini begitu payah telah dapat dipermudahkan tapi ada tempat-tempat yang tertentu Tuan Yang di-Pertua yang sudah menjadi mudah bertambah payah sekarang dengan kerenah-kerenah birokrasinya yang entah bagaimana berlaku tapi kelihatan bertambah dan menyusahkan rakyat.

Ada orang mengatakan sekarang permohonan tukar syarat tanah, permohonan pecah sempadan boleh dilaksanakan misalnya sebagai contoh dalam masa hanya tiga bulan sahaja. Dengan menyerahkan kepada satu tempat apa yang disebut serenti, bukan serenti tempat penagih dadah ini tapi tempat di mana berkumpulnya berbagai-bagai wakil dari jabatan untuk memendekkan masa dan cepat membuat keputusan. Akan tetapi pengalaman saya sendiri dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua menunjukkan dengan jelas tidak berubah. Keadaan tidak berubah. Itulah menyebabkan saya berat mengatakan bahawa dalam hal ini pelaksanaan kita jauh ketinggalan di belakang. Ambil satu lagi contoh dua tiga hari yang lalu di dalam masa soal jawab kita diberitahu walaupun sudah mendapat sambutan yang baik daripada setengah-setengah pemilik kenderaan untuk menukarkan enjinnya yang pakai bahan minyak kepada NGV terutama sekali pemilik-pemilik teksi tapi keupayaan pihak-pihak yang tertentu yang memeriksa, yang memasang terlalu jauh daripada sambutan yang telah ditunjukkan.

Cuba bayangkan daripada jumlah satu juta kenderaan yang ada dalam negara kita hanya 80,000 sahaja baru tak sampai 10% pun telah diberi kemudahan ini sedangkan kita tahu selain daripada dapat menjimatkan petrol ataupun diesel penggunaan NGV ini juga menolong menambah bersihkan alam keliling alam sekitar kita. Jadi sepatutnya Petronas, Puspakom, SIRIM atau apa-apa berpakat mencari jalan bagaimana respons daripada pengguna-pengguna pemilik kenderaan ini dapat diberi respons yang cepat menunjukkan bahawa kita bukan sahaja memberi cadangan yang baik kepada rakyat kita tetapi sebenarnya kita juga menunjukkan contoh yang baik melaksanakan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri sedikit masa untuk Tuan Khoo Soo Seang menempah tempat untuk berucap yang mana saya akan beri beliau peluang...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: ...Teruskan esok. Mohon masa sedikit dari pihak kerajaan sebelum kerajaan menjawab. Yang Berhormat boleh teruskan cuma beri satu dua minit untuk Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang memulakan ucapan. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh teruskan tetapi beri satu minit untuk Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang bangun dan menempah tempat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Maksud Tuan Yang di-Pertua sebelum berakhirnya 5.30?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Dua minit. Tuan Yang di-Pertua, saya baru sampai kepada tangga yang ketiga tapi walau bagaimanapun...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu biarlah saya akan membenarkan Yang Berhormat terus berucap esok sedikit kemudian Tuan Khoo Soo Seang boleh teruskan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Sedikit esok Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus berucap sehingga 5.30 dan esok saya akan memberi peluang untuk Yang Berhormat sambung beberapa minit kemudian Tuan Khoo Soo Seang boleh sambung.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi berkait dengan pelaksanaan ini saya juga ingin mengaitkannya Tuan Yang di-Pertua dengan tindakan-tindakan kita untuk menolong golongan-golongan miskin. Misalnya saya ambil nelayan. Saya terpanggil untuk menyebut nelayan ini kerana Dato' Gooi menyebut nelayan. Apa yang saya mengharapkan dapat sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ialah bagaimana kita boleh aturkan satu skim dari sekarang untuk menolong nelayan-nelayan bila mereka tua, bila mereka sudah tak boleh ke laut lagi. Tentu sekarang tak ada KWSP bagi mereka. Tidak ada SOCSO bagi mereka tapi jangan lupa mereka menyumbangkan kepada perkembangan ekonomi. Memberi kita makan ikan.

Ada cadangan yang saya rasa telah dikemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu untuk memberi sebagai satu insentif, sebagai satu rangsangan kepada setiap satu kilogram tangkapan diberikan RM1. Boleh tidak tanya saya kementerian yang berkenaan tambah daripada RM1 menjadi RM2, RM1 diberi kepada nelayan yang berkenaan, RM1 lagi disimpan untuk hari tua mereka. Sebab tidak ada sumber lain saya rasa yang boleh kita pertimbangkan kepada mereka kerana mereka pun golongan-golongan yang seharusnya mendapat pembelaan pada masa tua dan kalau tidak boleh kita atasi masalah ini inilah kumpulan yang akhirnya yang menyumbang kepada kumpulan kemiskinan tegar sebab tidak ada jalan lain kecuali mereka barangkali diberi peluang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.